

DR.25.10.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 25 Oktober 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan terkini mengenai tuntutan kerajaan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan dan tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah. Apakah langkah-langkah jangka panjang untuk menyelesaikan masalah seperti ini dan mengekalkan kestabilan dan keharmonian rantau ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan di sesi Dewan ini pada masa lalu, Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah bersetuju membawa kes mengenai tuntutan kedaulatan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau International Court of Justice (ICJ). Walau bagaimanapun, ICJ belum menetapkan tarikh untuk kes tersebut didengar. Selain dari itu, Kerajaan Filipina telah memohon kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk campur tangan dalam kes yang berkenaan dan kes tersebut telah didengar pada awal tahun ini. Kedua-dua Malaysia dan Indonesia telah membantah campur tangan Filipina.

Pada 23 Oktober 2001 Mahkamah Keadilan Antarabangsa telah menolak permohonan Filipina bagi mendapat kebenaran untuk mencelah dalam perbicaraan kes tersebut dan memutuskan bahawa Filipina tidak boleh campur tangan dalam pertikaian Malaysia dan Indonesia berhubung kedaulatan Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia yakin bahawa semua masalah berkaitan tuntutan wilayah dapat diselesaikan menerusi rundingan demi mengekalkan kestabilan dan keharmonian rantau ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana kita menang di ICJ ini.

Seorang Ahli: Belum lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini sudah menang, satu peringkat kita sudah menang. Peringkat kedua harap menang jugalah, mesti optimistik sikit. *[Ketawa]*

Terima kasih ' datuk ketua menteri' soalan tambahan.

Seorang Ahli: Timbalan Menteri. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Teringat cerita lain, fikiran bercelaru.

Masalah keinginan pihak Filipina untuk melibatkan diri dalam perbicaraan tersebut ialah oleh kerana tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah. Pada masa sekarang ICJ telah membuat keputusan bahawa Filipina tidak berhak ataupun tidak ada *locus standi* terlibat dalam perbicaraan di antara Malaysia dan Indonesia. Tetapi persoalan saya, apakah susulan ataupun tindakan seterusnya oleh pihak Malaysia terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah. Dalam keadaan sedemikian, adakah kita membuat satu permohonan ataupun meminta satu perundingan di antara kita dengan Sabah ataupun kepada pihak ICJ juga. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa kita masih membawa isu tuntutan Filipina ke atas Sabah ini di peringkat perhubungan dua hala antara negara Republik Filipina dan negara Malaysia. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana kes tuntutan atau pertikaian di wilayah itu memerlukan kedua-dua pihak bersetuju untuk mencari cara perundingan sama ada antara dua hala atau ke peringkat multi-lateral atau membawa ke peringkat ICJ adalah terserah kepada keputusan atau persetujuan kedua-dua pihak dalam pertikaian itu untuk bersetuju mengambil satu langkah yang dapat mencapai penyelesaian pertikaian itu.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengekalkan kestabilan dan keharmonian, ASEAN dikatakan mempunyai pendekatan tersendiri dalam menangani masalah tuntutan bertindih ahli-ahlinya terhadap sesuatu kawasan. Ini termasuklah sikap tidak campur tangan di dalam tuntutan seperti mana di atas. Soalan saya, sila nyatakan tahap kebenaran pendekatan ini dan sama ada ia berkesan untuk menjamin kestabilan di rantau ini terutama dengan ancaman dari negara-negara luar ASEAN seperti China di Kepulauan Spratly.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dan Dewan yang mulia ini, walaupun perkara ini terkeluar dari

soalan ini tetapi boleh saya memutuskan di sini bahawa perkara seperti tuntutan ke atas Spratly Island dan pertikaian di wilayah itu adalah dibawa ke peringkat ASEAN, dan dalam forum ASEAN itu ahli-ahli ASEAN telah mengambil keputusan untuk mempersetujui bahawa perundingan akan diteruskan dan sentiasa menjagakan kestabilan dan keharmonian di rantau ini.

ASEAN juga melibatkan pihak ASEAN +3 iaitu negara China, Jepun dan Korea di mana dalam perundingan antara ASEAN dengan negara China kita juga membawa perkara seperti ini supaya perhubungan antara ASEAN dan negara-negara luar ASEAN ini termasuk China, Korea dan Jepun sentiasa menghargai keharmonian di rantau ini dan menerusi forum yang lain juga yang melibatkan negara ASEAN dan negara ini iaitu Asian Regional Forum juga di mana kita terus mengadakan mekanisme untuk membina keyakinan antara negara-negara di rantau ini supaya ia dapat memberikan satu suasana yang stabil dan terus untuk memberikan dorongan kepada pembangunan ekonomi serantau ini dan seterusnya juga pembangunan ahli-ahli negara di ASEAN dan di rantau ini.

2. **Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh kementerian bagi meningkatkan penggunaan prasarana sukan di negara ini dalam tempoh ketiadaan acara sukan peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Bagaimanakah penyelenggaraan prasarana sukan dijalankan oleh kementerian tidak membebankan dari segi kewangan selepas ketiadaan aktiviti yang boleh memberi pulangan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada berfungsi sebagai venue bagi penganjuran sukan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, pembinaan prasarana sukan di negara ini oleh kerajaan kita juga berperanan sebagai pusat aktiviti sosial, pencetus keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat dan sebagainya.

Justeru itu, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi meningkatkan lagi penggunaan prasarana sukan di negara ini dalam tempoh ketiadaan acara sukan baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa adalah termasuk mempromosikan konsep *multi-purpose venue*, dengan izin. Menerusi konsep ini perkara utama yang diterapkan adalah untuk menjadikan venue yang berkenaan bukan sahaja sebagai pusat penganjuran sukan semata-mata, sebaliknya ia boleh digunakan untuk pelbagai jenis acara bukan sukan, seperti konsert, perhimpunan, konvensyen, konvokesyen dan sebagainya.

Yang keduanya, usaha mengadakan aktiviti-aktiviti riadah dan rekreasi di venue-venue dengan kadar sewa yang munasabah. Sebagai contoh, di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, antara program-program yang diperkenalkan termasuk program rekreasi, akuatik, skuasy, badminton dan sebagainya. Program ini ternyata mendapat sambutan yang baik dari kalangan peminatnya.

Yang ketiga, memperkenalkan aktiviti-aktiviti baru di venue-venue yang berkenaan, sebagaimana sedang dilaksanakan di Kompleks Sukan Negara seperti karnival beli-belah, pusat perkembangan sukan mendaki, perkhemahan dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti seumpama ini sesungguhnya akan dapat mengisi masa-masa terluang di venue-venue yang dimaksudkan sekiranya tiada acara sukan.

Yang keempat, venue hendaklah mendekati dirinya dengan masyarakat. Justeru itu, kementerian sentiasa menggalakkan aktiviti-aktiviti berbentuk komuniti yang akan dijadikan sebagai landasan mengoptimumkan penggunaan venue di kalangan rakyat. Contohnya, di Kompleks Sukan Negara terdapat kemudahan trek jogging, padang permainan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara, ia dilaksanakan oleh sebuah syarikat swasta iaitu Syarikat Daya Communication Sdn. Bhd. Antara skop ataupun rangkuman kerja yang dikendalikannya adalah seperti berikut:

- kerja mekanikal dan *electrical*,
- kerja pembersihan,
- kerja sivil, struktur dan *architectural*,
- seni taman,
- keselamatan,
- padang dan trek sintetik.

Penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara memakan belanja sebanyak RM12.5 juta setahun dan ianya meliputi semua kerja-kerja yang dimaksudkan tadi dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah pun memberikan jawapan. Maklum balas yang saya terima bahawa pihak kementerian dengan izin, *transform* pusat sukan ini untuk menjadi sebagai *multipurpose* punya *venue*. Tetapi kalau saya punya ingatan, saya lihat bahawa stadium-stadium ini ia hanya dikaitkan dengan bola sepak sahaja.

Macam dekat dalam Dewan ini ada raja bola, Yang Berhormat bagi Larut ini... [Ketawa] ...Dan saya fikir kalau tak ada bola, *venue* ini dia punya *under capacity* dan daripada segi kos penyelenggaraan, kita difahamkan macam Yang Berhormat maklumkan tadi bahawa dah *privatize* dan saya fikir bahawa daripada segi *cost maintenance* kawasan-kawasan ini dia tidak boleh dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *stand alone* dan ini akan menjadikan prasarana ini *depleted* juga.

Jadi soalan saya, ada tak satu jadual yang tersusun yang dibuatkan oleh kementerian yang hendak *translate* kan maklum balas Yang Berhormat bagi supaya *venue* ini dia boleh dekat kepada masyarakat dan dia ada jadual yang tersusun dan akhirnya akan menentukan bahawa prasarana ini berdaya maju dan berdaya tahan. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi dan sesungguhnya untuk makluman Yang Berhormat, selama ini program-program atau pun aktiviti-aktiviti yang diadakan yang berlangsung di stadium, di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara memang kerap kiranya kita meninjau secara teliti takwim atau pun kalender aktiviti. Ini juga termasuk program-program yang diadakan oleh pihak kementerian.

Untuk tahun depan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian memang dalam proses menyediakan satu takwim aktiviti-aktiviti di bawah kementerian yang akan berlangsung di kedua-dua Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara.

Selain daripada untuk makluman Yang Berhormat, program-program anjuran pihak swasta ataupun NGO-NGO yang lain itu tetap diambil kira. Dan ianya tertakluk kepada usaha yang diberikan oleh pihak penganjurnya. Ini memang saya tak dapat berikan butirannya kepada Yang Berhormat pada ketika ini.

Walaupun demikian, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2000, jumlah pendapatan Perbadanan Stadium Merdeka atau pun PSM iaitu perbadanan yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara adalah sebanyak RM14,129,093 manakala jumlah perbelanjaan yang terlibat adalah sebanyak RM16,015,200. Ini bermakna bahawa setakat ini kekurangan pendapatan atas perbelanjaan itu adalah sebanyak RM2,786,107.

Walaupun demikian, untuk makluman Yang Berhormat setakat ini program-program ataupun bilangan acara yang telah pun berlangsung di kedua-dua kompleks sukan itu adalah sebanyak 927 acara buat tahun 2000 dan untuk tahun ini setakat ini, jumlahnya telah pun mencecah 1,707 acara.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua dan Menteri berkenaan. Saya ingin mengemukakan beberapa soalan tambahan.

Pertamanya, oleh kerana kemudahan-kemudahan sukan seperti stadium dan kompleks-kompleks sukan yang canggih-canggih ini hanya terdapat di bandar-bandar besar seperti di Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang ataupun di Pulau Pinang kalau ada, adakah rancangan kementerian untuk masa-masa akan datang untuk memperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan yang canggih seperti ini di semua peringkat, negeri, bandar-bandar dan daerah. Sehingga akhirnya sukan dan rekreasi di negara kita ini menjadi sebahagian daripada budaya hidup masyarakat kita terutama sekali belia-belia dan beliawanis.

Yang kedua, saya ingin tahu berapa jumlah sebenarnya kerugian sama ada yang ketara ataupun yang tidak ketara dari kemudahan-kemudahan di Kompleks Sukan di Bukit Jalil atau pun di *Formula One* ini yang mewah-mewah ini kerana tidak digunakan sepenuhnya oleh kegiatan-kegiatan sukan. Terima kasih

Datuk Ong Tee Keat: Timbalan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, sukalah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa setakat ini premis-premis ataupun Pusat Rakan Muda ataupun Kompleks Belia dan Sukan Daerah, ini nama baru ya, ini memang merupakan satu-satunya premis ataupun kemudahan yang disediakan di peringkat akar umbi.

Walaupun demikian kementerian tetap sedar bahawa ada perlunya kita berusaha memperbanyakkan lagi dan itulah sebabnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan terdapat banyak lagi projek pembinaan Pusat Rakan Muda atau Kompleks Belia dan Sukan Daerah dirancang. Itu pun termasuk juga negeri Kelantan dan negeri Terengganu walaupun pihak kementerian terpaksa menghadapi pelbagai kekangan khususnya dari segi tapak yang kita sedia maklum bahawa ini memerlukan kelulusan dari pihak kerajaan negeri.

Untuk menjawab soalan yang kedua dari Yang Berhormat, kerugian itu sebenarnya saya dah jawab tadi. Iaitu dari segi wang ringgit ya, kekurangannya itu mencecah RM2 juta lebih. Walaupun demikian suka saya nak betulkan apa yang disarankan tadi oleh Yang Berhormat iaitu *Formula One* itu sebenarnya, itu bukan

satu-satunya kemudahan yang terangkum di bawah jagaan atau pun kelolaan pihak kementerian saya. Jadi fakta itu tak sahah Yang Berhormat, ya.

Di peringkat akar umbi, selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, terdapat juga kemudahan-kemudahan yang lain yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan. Itu di luar bidang tugas dan bidang kuasa kementerian saya.

[Soalan No. 3 – Yang Berhormat Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan] tidak hadir]

4. Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut] minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana kesan ancaman militan dan penggugat keamanan boleh mempengaruhi kemasukan pelaburan asing ke negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

[Mengucapkan lafaz Bismillah] Timbalan Yang di-Pertua, sememangnya diakui bahawa kestabilan politik dan keamanan negara merupakan faktor-faktor penting bagi menyediakan iklim pelaburan yang *conducive* untuk menarik kemasukan pelaburan asing ke sesebuah negara. Malahan faktor-faktor yang kita miliki inilah yang telah menjadi satu kelebihan kepada Malaysia dalam kejayaannya menarik kemasukan pelabur-pelabur asing berbanding dengan sesetengah negara-negara lain yang sering dilanda kekacauan, huru-hara, persengketaan dan peperangan yang telah menjejaskan keyakinan dan kemasukan pelabur-pelabur asing ke negara mereka dengan teruknya.

Bagi Malaysia sehingga ke hari ini, kita telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara kita. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini, terdapat 495 permohonan pelaburan dengan jumlah modal pelaburan bernilai RM11,338 juta telah diterima.

Daripada jumlah ini, 67% atau RM7,601 juta ialah terdiri daripada pelabur-pelabur asing dan bakinya 33% atau RM7,337 juta ialah daripada pelabur-pelabur tempatan. Jumlah pelaburan modal dari negara-negara seperti Amerika Syarikat, Korea, Jepun dan Singapura menguasai lebih dua per-tiga daripada jumlah permohonan pelaburan asing tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu, peristiwa serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September telah mengubah senario ekonomi dunia dan jika berterusan serta bertambah serius, berkemungkinan akan menyebabkan ekonomi dunia mengalami kemelesetan. Ianya dijangka memberi kesan terhadap

prestasi ekonomi berikutan penurunan permintaan akibat daripada keperluan untuk mengembangkan kapasiti yang semakin rendah serta kejatuhan pasaran saham.

Di samping itu kemasukan pelaburan asing akan turut terjejas akibat kebimbangan pelabur-pelabur terhadap ancaman keselamatan dan harta benda. Namun demikian, bagi Malaysia, adalah terlalu awal untuk menyatakan bahawa impak serangan tersebut telah menjejaskan kemasukan pelaburan asing.

Sungguhpun begitu, adalah dijangka impaknya akan menjadi serius kerana pelaburan asing dari Amerika Syarikat menyumbang 24.3% daripada jumlah keseluruhan permohonan pelaburan asing di Malaysia yang diterima bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang dan akan terus memantau dengan rapi perkembangan semasa dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya ia didapati mempengaruhi kemasukan pelaburan asing ke negara kita. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Presiden Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia yakin, baru-baru dalam satu kenyataan sebagai sebuah negara Islam demokrasi yang paling makmur di dunia dengan keamanan dan perpaduan rakyat berbilang bangsa.

Ekoran daripada Persidangan APEC di Shanghai yang mana Perdana Menteri sendiri telah diberi kepercayaan oleh negara-negara Islam-OIC dan juga pemimpin-pemimpin peringkat antarabangsa yang lain. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, selain darip ada kepercayaan ini dan juga tindakan kerajaan kita berhubung dengan keganasan dan isu Afghanistan, lebih-lebih lagi dengan tindakan bijak ke atas Kumpulan Militer Malaysia dengan menggunakan ISA kerana kita tahu ISA adalah satu-satunya senjata untuk menjamin keamanan kecuali pembangkanglah.

Jadi adakah dengan cara memerangi keganasan ini dalam Malaysia dan juga dengan sokongan moral Malaysia, di samping faktor-faktor yang lain akan meyakinkan lagi keselamatan masa depan pelabur-pelabur asing untuk terus datang ke Malaysia. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Memang benar bahawa Malaysia dalam apa keadaan pun dan sekarang ini kelembapan ekonomi dunia, insiden 11 September, serangan Amerika terhadap

Afghanistan tetapi masih lagi diyakini oleh dunia untuk mereka melabur ke Malaysia. Baru-baru ini dalam satu perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Presiden Dewan Perniagaan Amerika iaitu 'Nicholas Zeefferys', beliau menyatakan bahawa Malaysia tetap menjadi destinasi pelaburan yang paling menarik untuk Amerika kerana saya *quote* dia kata "As it is one of the most stable countries in the world" Ini kata Zeefferys, bukan saya buat-buat kenyataan ini [Ketawa]. Bukan omong kosong ya, Yang Berhormat ini satu kenyataan yang konkrit

Kita juga maklum bahawa para pelabur adalah amat sensitif terhadap keamanan dan keselamatan sesebuah negara sebelum mereka melabur. Kalau saya boleh berikan satu bukti bahawa di Indonesia - sebuah negara yang selama ini diwarnai oleh kekacauan dan persengketaan - kita lihat para pelabur bukan sahaja tidak masuk malah yang ada di Indonesia pun keluar daripada Indonesia. Saya buktikan dengan *figure*: Pada tahun 1996 waktu itu Indonesia ini aman, kemasukan pelaburan langsung asing bersih ialah USD6,194 juta; 1997, walaupun berlaku krisis ekonomi tetapi belum lagi dalam era persengketaan, masih lagi mencatat kemasukan USD4,677 juta; tetapi tahun 1998 dalam era reformasi

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Reformasi?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, reformasi [Disampuk] minus USD356 juta, lepas itu 1999 jatuh lagi USD2,745 juta, tahun 2000 USD4,551 juta kehilangan pelaburan. Ertinya, pelabur yang ada di Indonesia keluar daripada Indonesia kerana tidak sanggup berhadapan dengan situasi yang begitu gawat di Indonesia itu. Jadi, inilah yang saya maksudkan bahawa

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengikut peraturan mana? [Disampuk]

Tuan Hashim bin Ismail: Saya belum habis lagi Yang Berhormat. [Disampuk] Inilah yang saya maksudkan bahawa pelabur amat sensitif terhadap soal keamanan dan keselamatan. Jadi, kerana itulah kerajaan kita bertungkus lumus memastikan bahawa Malaysia sentiasa aman, sentiasa sejahtera dan sentiasa dapat meyakinkan para pelabur untuk datang ke sini dan melabur demi untuk kesejahteraan negara dan juga kesejahteraan rakyat seluruhnya dan kerana itulah juga maka kerajaan mengambil tindakan terhadap sebarang usaha untuk menggugat keamanan ini, misalannya KMM, Al-Ma'unah dan sebagainya melalui ISA.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa ISA adalah satu daripada alat yang cukup berkesan untuk memastikan negara kita ini terus berjaya. *[Tepuk]* Terus berjaya, terus aman dan terus diyakini oleh para pelabur dan dengan itu maka dapat kita memacu ekonomi negara ke arah matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berjaya. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang setuju kalau kita ada keadaan yang stabil, aman, sejahtera dan tenteram. Kita memang boleh mengukuhkan keadaan dan suasana ekonomi negara ini. Yang Berhormat mestilah fikir hanya menggunakan ISA tidak akan menyelesaikan masalah, itu masalahnya. Tambahan pula Yang Berhormat tidak ada pengalaman dalam ISA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Patut dia ada pengalaman. Saya ada soalan tadi, tanya dia. *[Ketawa]* Sudah ada soalan. Saya tanya dia sama ada ISA itu semata-mata satu alat untuk memperkukuhkan ekonomi kita? Adakah Yang Berhormat buat strategi untuk menyelesaikan masalah pasaran negara China yang lebih untuk menarik pelabur-pelabur dan bagaimana Malaysia boleh mencari niche atau pun ruang untuk pasaran dan untuk FDI kita.

Terutamanya bagaimana kita boleh menarik untuk mempelbagaikan pertubuhan negara kita, sebab Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 31% output negara kita dikeluarkan kepada Amerika Syarikat terutamanya elektronik dan ini bermakna memang kita terjejas apabila kemerosotan ekonomi di Amerika Syarikat berlaku.

Dan, sekarang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dua soalan sudah keluar? Dua soalan, jadi cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua soalankah? Tetapi ada pertalian itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah! *[Ketawa]* Semua faham.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Cukup! Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Saya mengatakan tadi bahawa ISA adalah salah satu daripada beberapa kaedah kerajaan untuk memastikan bahawa negara kita terus aman, makmur dan maju.

Bukannya suatu alat tetapi salah satu daripada kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan negara kita berjaya.

Setakat ini terbukti berjaya kerana kita dapat membendung segala usaha untuk membuat kekacauan di peringkat awal lagi sebelum ianya merebak menjadi satu barah yang merosakkan keamanan negara kita. Setakat ini saya rasa berjaya dan ini merupakan satu langkah *preventive* iaitu untuk mencegah daripada ianya berlarutan dan merosakkan negara kita.

Seolan yang kedua, Yang Berhormat, tentang China. Memang benar bahawa China mempunyai satu *competitive edge* dari segi *labour* atau pun buruhnya yang murah dan *volume consumer* yang besar, tetapi kita masih lagi mempunyai kelebihan tersendiri. Misalannya, kita mempunyai kelebihan dari segi infrastruktur yang berkualiti, lepas itu *the command of English*, kita masih ada kelebihan dan juga kerajaan yang pro-aktif dan *business friendly*.

Maka, itu merupakan satu faktor yang cukup hebat untuk menarik pelaburan asing kerana kerajaan sentiasa pro-aktif, berpandangan jauh dan sentiasa menggalak serta memberikan insentif segala apa sahaja yang diperlukan, kita bagi sahaja kepada pelabur asing dan ini menyebabkan mereka tertarik kepada kita dan ini diberi jaminan oleh semua pihak. Bukan setakat Zefferys tadi, semua orang mengatakan bahawa Malaysia mempunyai satu kelebihan atau beberapa kelebihan yang cukup menarik berbanding dengan negara lain.

Terima kasih, Yang Berhormat.

5. **Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan berpuas hati dengan prestasi kolej-kolej dan universiti-universiti swasta di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, sejak kerajaan menggalakkan penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada keseluruhannya kerajaan berpuas hati dengan prestasi dan pencapaian IPTS kerana ia telah berjaya menyediakan peluang-peluang pendidikan tinggi bagi memenuhi keperluan mendapatkan tempat selain daripada di institusi pengajian tinggi awam.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Swasta dan Lembaga Akreditasi Negara sentiasa memantau dan mengawal selia IPTS bagi memastikan kursus-kursus yang ditawarkan adalah selaras dengan peraturan dan dasar yang

ditetapkan oleh kerajaan bagi menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini pendidikan swasta mengikut jenis. IPTS bertaraf universiti, kita ada 10 buah, manakala IPTS bukan bertaraf universiti atau kolej sahaja, kita ada 652 buah. IPTS bertaraf universiti kampus cawangan luar negara, kita ada 4 buah dan terdapat juga 79 buah kolej yang mengadakan twinning program - dengan izin - iaitu dalam bentuk 3 + 0, 2 + 1 dan ada juga *credit transfer* - dengan izin - dan *advance standing* dan lain-lain lagi. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasihlah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan yang sentiasa memantau dan memastikan kolej-kolej dan universiti-universiti swasta atau pun IPTS negara kita sentiasa dalam keadaan yang baik dan berkualiti. Tadi saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan ada 4 kampus cawangan universiti asing yang ada di negara kita.

Jadi, saya ingin tahu – pada sayalah 4 sahaja memang tidak cukup untuk menampung keperluan di negara kita - apakah usaha lain atau pun langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya menggalakkan lebih banyak lagi universiti-universiti asing yang terkemuka supaya menubuhkan kampus cawangan di negara kita supaya menjadikan negara kita sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya picit banyak kali selalu dia tidak mahu keluar api merah. [*Menekan-nekan butang pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah tekanlah, ia akan hidupkan untuk Yang Berhormat berucap.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *Automatic* ya. Sekarang *automatic*. [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, saya sebenarnya telah tadi ada 4 buah kampus cawangan luar negara, jadi kita mesti berhati-hati apabila mana-mana universiti luar negara yang hendak ditubuhkan dalam negara kita. Itu harus kita berhati-hati. Kita juga mesti pastikan tarafnya dan juga kemampuannya.

Begitu juga telah saya sebut tadi beberapa buah IPTS yang bertaraf universiti, macam saya katakan 10 buah, di mana pelajaranya telah mencecah 2,839 orang. Manakala yang hak kolej tadi, macam saya kata dia ada 352 yang mana pelajaranya juga ialah 20,900 lebih. Jadi, saya berharap kita juga ada kolej-kolej yang bertaraf *'twinning'*, jadi maknanya di sini, jadi kita tidak memerlukan kampus luar negara berada di sini sebab kita sudah ada pun *twinning* universiti.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di sini, di dalam negara kita, kita ada Lembaga Akreditasi Negara di mana ia terdiri daripada orang-orang yang berkelayakan. Ramai di antara kita bertanya-tanya mengenai dengan kedudukan LAN. LAN ini dianggotai oleh mereka yang benar-benar pakar dalam bidang masing-masing. Oleh itu kita tentukan dan juga kita mendapat pandangan daripada mereka.

Misalnya dalam jawatankuasa itu, boleh saya sebutkan di sini. Antara mereka ialah Prof. Dr Ben bin Sulaiman, dia ini pengerusi, yang lainnya dianggotai oleh beberapa orang profesor dalam bidang-bidang tertentu. Kalau saya boleh sebutkan di sini misalnya, Prof. Datuk Dr. Sharifah Habsah, Prof. Datuk Balan, Prof. Ir. Abang Abdullah, Prof. Dr Abu Osman bin Mat Tam, Hajjah Maridah binti Mohd Yusuf, Prof. Seah Lee Mei Ling, Prof. Dr. Syed Ahmad Hussein, Tuan Haji Zakaria bin Hashim, Prof. Dd. Norbid Basyah Idris. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya diberitahu bahawa daripada universiti luar negeri yang membuka kampus di negara kita ini, walaupun diberikan kebenaran untuk membuka kampus peringkat universiti, tetapi ada di antara mereka yang memberi kursus-kursus untuk secondary, untuk O Level ataupun A Level, ini menyebabkan bersaing dengan IPTS sekolah-sekolah swasta di negara ini, adakah ini digalakkan oleh kementerian.

Yang kedua, mengenai fees yang dikenakan oleh IPTS ini, adakah kerajaan boleh membuat keputusan ataupun boleh *have a say* dalam perkara itu. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat 'Mace' (Machang). Sebenarnya mengenai dengan kampus luar negara itu, janganlah kita salah fahamkan dengan IPTS yang bertaraf kolej ataupun yang mempunyai *twinning programme* dan sebagainya. Kita harus bezakan antara universiti luar negara yang mempunyai kampus cawangan di negara kita. Ini harus kita dapat bezakan.

Antaranya memang kita sentiasa memantau apakah kursus-kursus yang dikendalikan oleh universiti-universiti tersebut mengikut keperluan kita. Kita tidak boleh membenarkan sembarangan, misalnya mana-mana universiti datang sahaja hendak tubuh, kita benarkan – tidak. Kita awasi dan kita mesti dapat mengikut apakah kursus-kursus yang mereka hendak kendalikan.

Mengenai dengan yuran, sememangnya kita memantau dan mereka dikehendaki memberitahu pihak kita terlebih dahulu apakan yuran yang hendak dikenakan. Mereka tidak boleh kenakan yuran sembarangan. Oleh itu, apabila seseorang penuntut yang hendak mengikuti kursus-kursus tertentu, mereka sudah tahu yuran-yuran yang ditetapkan oleh pihak IPTS yang mendapat kebenaran daripada pihak kita. Terima kasih

6. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes jenayah yang melibatkan warganegara berasal dari benua Afrika yang dilaporkan berlaku di Malaysia. Apakah langkah kerajaan untuk memantau masalah ini yang mana banyak kejadian jenayah dan penipuan yang dilaporkan seperti penipuan 'black money' yang melibatkan pendatang ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Sungai Benut, sindiket penipuan yang melibatkan pelawat-pelawat dari Benua Afrika yang datang ke Malaysia dan menipu wang rakyat Malaysia, melalui skim-skim tertentu telah lama wujud dan sering dilaporkan di media -media massa.

Sindiket ini wujud dan sukar dibanteras memandangkan terdapat sebahagian rakyat Malaysia yang mudah terpengaruh dan percaya dengan dakwaan pelawat-pelawat dari Afrika tersebut yang boleh mengadakan wang dengan cara-cara tertentu. Kewujudan sindiket-sindiket ini sentiasa diawasi oleh pihak polis, dan siasatan akan dibuat berdasarkan kepada aduan-aduan dan laporan-laporan yang diterima oleh pihak polis.

Kes terbaru yang berjaya diselesaikan adalah kes di mana dua orang rakyat asing yang menipu seorang jurutera dalam kes black money telah dijatuhi hukuman penjara oleh Mahkamah Majistret Rawang selepas mengaku bersalah dalam tuduhan tersebut.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu

daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana Yang Berhormat menyebut tadi bahawa terdapat sindiket-sindiket yang berangkaian di seluruh dunia. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah Kementerian Dalam Negeri mempunyai hubungan dengan negeri-negeri yang terbabit di seluruh dunia ini kerana adalah didapati kes ini bukannya berlaku di negara kita sahaja.

Jadi, sejauh mana pergerakan sindiket ini yang mana kadang-kadang disebabkan oleh sikap rakyat kita seperti mana yang Yang Berhormat sebutkan tadi, boleh menyebabkan mereka tertipu. Jadi, saya ingin tahu perancangan khusus untuk hendak mengatasi masalah sindiket ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Saya rasa saya tidak menyebut bahawa sindiket ini ada rangkaian seluruh dunia kerana saya baca teks ini pun tidak ada, tetapi ia merupakan satu 'kesilapfahaman' ataupun 'ketresilapdengaran'. Yang saya sebut ialah sindiket-sindiket yang terdapat dalam negara ini dan terlalu sukar untuk dibanteras kerana terdapat rakyat kita yang mudah terpengaruh dengan promotion, dengan izin, ataupun rangsangan bagi mendapatkan kemudahan wang yang cepat.

Oleh itu, kita boleh bertindak apabila terdapat laporan-laporan yang disampaikan kepada polis. Kebanyakannya Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang melaporkan kepada pihak kita setelah mereka menjadi mangsa. Mereka tidak mahu melapor ketika mereka berurusan dengan sindiket yang berkenaan. Sungguhpun demikian, apabila mereka melaporkan kepada kita, pihak polis dengan kerjasama dengan pihak Imigresen yang boleh mengesan orang-orang yang berkenaan masuk ke dalam negara kita itu melalui pintu-pintu yang tertentu dan sudahkah mereka keluar daripada negara kita semula.

Tetapi sekiranya mereka berada di dalam negara kita, biasanya kita boleh mengenal pasti dan kita boleh menangkap mereka ini dan mereka akan dibawa ke hadapan pengadilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, soalan sahaja ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih dan Selamat Pagi Dato' atas budi baik Dato'. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu pandangan baru, satu pemandangan yang berbeza, hari ini ada sedikit gelap Bandaraya Kuala Lumpur terutama di kawasan Chow Kit kerana kehadiran pelancong-pelancong ke kawasan ini, mungkin agaknya menterinya hitam manis [*Ketawa*] jadi, ada persamaannya, tetapi tahniah atas kegigihan menterinya yang begitu gigih. Saya memang kagum dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Dahulu Chow Kit ini terkenal dengan tumpuan saudara kita dari Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya sampai, saya sampai soalan. Ini dia punya pembukaan Tuan Yang di-Pertua, biasalah orang Melayu kalau bercakap dia dengan sopan santun, dia tidak boleh terjah begitu, kita macam

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baik berucap semasa perbahasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang Melayu kalau sergah macam itu macam tidak berapa sopan. Jadi itu sebab ia dengan mukadimah untuk sampai kepada matlamat. Itu sebab Orang Melayu kalau dia hendak kahwin, dia ada merisik, meminang [*Ketawa*] panjang, itu sebabnya, Batu Gajah mana tahu, dia tak tahu budaya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terus kepada soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini saya hendak masuk soalan.

Seorang Ahli: Apa lagi hendak jawab Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini tiket apa dia datang itu? Dan dari kawasan mana di Afrika ini, kerana kita bimbang, sesetengah negara saya difahamkan bahawa di Afrika ini AIDS ataupun kuman HIV ini begitu tinggi peratusnya kalau dibandingkan dengan negara-negara lain dan kalau mereka ini dibiarkan datang - kalau. Kita memang mengalu-alukan pelancong dari seluruh dunia, kita ucapkan selamat datang, tetapi kalau daripada negara-negara yang peratusnya tinggi penyakit ini dan mereka datang dan saya difahamkan, saya difahamkan, supaya Yang Berhormat jangan salah faham, saya difahamkan, anak-anak muda perempuan kita suka pula pemuda-pemuda ini. [*Ketawa*]

Suka pula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada buktikah Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di Bintang Walk. Saya hendak cerita ini, ini serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah ceritalah Yang Berhormat, soalan. Senang sahaja, kemukakan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di Bintang Walk, saya pernah duduk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah tindakan yang akan diambil oleh polis, senang, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya hendak sampai kepada soalan, itu tak sampai lagi, di Bintang Walks umpamanya, saya pernah duduklah minum kopi di situ kadang-kadang, kita hendak relax,

Seorang Ahli: Cheh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minum RM8 sahaja, bukan mahal, itu bukan tempat mewah. Pemuda yang daripada Afrika ini lalu, perempuan kita di sini setengah dia sahaja, kecil-kecil kalau dibandingkan dengan – dahsyat Dato' [Ketawa] Yalah. Misalan daripada ini, jadi saya minta, ini serius ya. Tolong semak

Tuan Mohd. Apani bin Haji Mohamad: Hey, ini apa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya hendak minta ini, ini serius. Supaya apa langkah kita. Tadi Yang Berhormat kata, rakyat Malaysia mudah terpengaruh, kalau dia datang dengan pelancongan, berniaga ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Atau belajar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri faham.

Seorang Ahli: Cukuplah, buang masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itulah langkah serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti tidak ada masa untuk memberikan jawapan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oklah, saya patuhlah, saya minta macam mana hendak membuat penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua .

Beberapa Ahli: Tak payah jawablah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Dan saya amat bangga dengan sikap Yang Berhormat daripada Sri Gading ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi ada melanggar Peraturan Mesyuarat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya tidak tahu langgar tak langgar. Tetapi saya dapati keseluruhan daripada tinjauan dan menganalisa soalnya tadi, dia adalah di antara rakyat Malaysia yang suka lepak di kawasan Chow Kit ini. *[Ketawa]*

Dan ini adalah satu laporan yang *genuine*, yang payah kita dapat. Dalam masalah anggapan mereka ada membawa penyakit AIDS ini, soalan awal tidak membincangkan tentang penyakit, Tuan Yang di-Pertua, kita membincangkan tentang persoalan tukaran dan perniagaan wang *or the black money*, saya rasa melalui proses penukaran wang ini AIDS tidak boleh berjangkit, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dan masalah ada anak-anak muda kita yang minat, ini yang menjadi masalah yang saya tidak dapat atasi kerana mereka minat dengan kumpulan-kumpulan daripada Afrika Selatan yang memang mereka ini daripada kalangan yang berkulit hitam, kalau macam saya ini pun hitam tetapi dia hitam lagi. Tetapi baru Yang Berhormat tahu bahawa hitam itu ada nikmatnya ya.

Walaupun kalau ada pemuda-pemuda kita anak-anak muda kita setengah sahaja tetapi dalam setengah itu pun, dia rasa dia suka ya, kita melihat perkara yang macam ini adalah menjadi perkara yang serius juga, ini Yang Berhormat kata dia serius, memang kita melihat satu yang agak memeranjatkan kebudayaan kita dan Kementerian Dalam Negeri berasa amat gusar tentang kejadian percantuman budaya yang dibawa oleh pendatang-pendatang daripada luar negara ini.

Kumpulan-kumpulan daripada Afrika ini hanya masyhur tentang *black money* dan kita telah memberi arahan kepada pihak Imigresen dan polis untuk mengawasi mereka berterusan, tetapi kita tidak boleh membuat satu kesimpulan bahawa kumpulan ini tidak boleh masuk ke dalam negara kita, di mana terdapat satu persefahaman kerajaan dan kemudahan-kemudahan kepada negara-negara di rantau ini ataupun di negara di rantau jauh boleh menziarahi negara kita.

Kita boleh memberi kebenaran visa melancong bagi mereka yang datang ke negara kita ini. Daripada segi mereka hendak bekerja ataupun tidak, ataupun

mengadakan *business black money* ini, kita tidak tahu. Tetapi setelah mereka diadu, mereka tertangkap, ini yang dapat kita ketahui seperti yang telah saya sebutkan dalam jawapan saya tadi, dan atas pandangan daripada Yang Berhormat di Chow Kit ini terdapat kumpulan-kumpulan ini terlalu banyak, insya Allah, kalau boleh kita akan menjemput Yang Berhormat bersama membawa kita meninjau di kawasan yang berkenaan untuk menentukan di mana sebenarnya mereka ini terlalu banyak tinggal di kawasan Chow Kit yang berkenaan.

Yang Berhormat adalah orang yang lebih tahu dalam perkara ini. Terima kasih.

7. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan projek-projek di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan negara.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan di kalangan penduduk warganegara Malaysia telah berkurangan daripada 16.5% pada tahun 1990, pada 7.5% pada tahun 1999. Pengurangan dalam kadar kemiskinan ini adalah hasil daripada segala usaha pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Salah satu daripada program kerajaan bagi membasmikan kemiskinan dalam tempoh tersebut ialah program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Sejauh manakah pelaksanaan projek-projek di bawah PPRT telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan sebenarnya tidak dapat dipastikan dengan tepat. Oleh sebab itu pada tahun 1997, kerajaan telah meminta bantuan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk membuat kajian mengenai keberkesanan PPRT yang dijalankan selama ini.

Penemuan-penemuan yang diperolehi oleh universiti tersebut ialah seperti berikut:-

- (i) pendapatan isi rumah purata peserta PPRT telah meningkat daripada RM193.00 sebulan kepada RM543.00 selepas menyertai PPRT;
- (ii) peningkatan pendapatan berjaya menyumbang pengurangan bilangan isi rumah termiskin. Peratusan peserta PPRT yang dianggap termiskin didapati berkurangan sebanyak 49.1%; dan
- (iii) pendapatan daripada projek ekonomi PPRT telah menyumbang sebanyak 27% daripada jumlah pendapatan isi rumah peserta.

Di samping itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga telah melantik sebuah badan perunding untuk menjalankan kajian yang lebih menyeluruh mengenai pembangunan luar bandar pada tahun 2001 dan dijangka siap pada awal tahun 2002. Antara perkara yang dimasukkan dalam kajian ialah mengenai isu-isu kemiskinan. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan dan kita memang faham bahawa Yang Berhormat Menteri memang ambil berat dan cukup prihatin berkenaan dengan masalah-masalah kemiskinan. Jadi soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian mempunyai satu rancangan yang menyeluruh untuk mengatasi masalah ini? Adakah kementerian mempunyai *satu time frame* ataupun rancangan misalnya lima tahun, sepuluh tahun supaya satu hari nanti negara kita tidak mempunyai lagi golongan yang termiskin ini. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya *time frame* nya ataupun tempoh masa yang diberi untuk mengurangkan kemiskinan telah pun termaktub dalam penyata Rancangan Malaysia Ke-8 di mana pada akhir Rancangan Malaysia Ke-8 *target* yang ditentukan ialah kemiskinan diperturunkan kepada 0.5%. Ini hanya target, tentang keberkesanannya perlu dipantau dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 8 hingga 19 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2002

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih tiga puluh tiga bilion lima ratus tiga puluh enam juta empat ratus sembilan puluh satu ribu enam ratus tiga puluh ringgit (RM33,536,491,630) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2002, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2002 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 2001 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan. **[24 Oktober 2001]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari kawasan Batu Gajah diminta menyambung ucapan.

11.00 pagi

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya menyatakan bahawa laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2000 tidak menyatakan kedudukan kewangan setiap negeri berkenaan dengan berapakah jumlah tunggakan pinjaman yang masih belum dibayar oleh setiap negeri di mana pada laporan yang lepas ada memberi data dan pecahan tetapi laporan bagi tahun 2000 ini tidak menyatakan sedemikian, oleh itu saya mohon penjelasan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya Yang Berhormat Rompin.....

[Yang Berhormat bagi Rompin berjalan keluar Dewan].

Puan Fong Po Kuan: Tunggu, Yang Berhormat Rompin.

[Yang Berhormat bagi Rompin duduk semula]

Puan Fong Po Kuan: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Rompin, apakah tindakan yang telah diambil oleh Yang Berhormat Rompin sebagai Ketua Jawatankuasa Kira-kira (PAC). Apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau untuk memastikan setiap negeri membayar balik pinjaman mereka kepada Kerajaan Persekutuan yang juga kerajaan Barisan Nasional. Apakah Yang Berhormat berani untuk memanggil Menteri Besar Negeri Kedah, Menteri Besar Negeri Johor, Menteri Besar Negeri Sarawak, agar mereka membayar pinjaman tepat pada masanya.

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Puan Fong Po Kuan: Saya rasa ini peluang yang terbaik bagi Yang Berhormat untuk menunjukkan Yang Berhormat boleh dan berkemampuan menjalankan tanggungjawabnya sebagai Ketua Jawatankuasa Kira-Kira ini. Ini peranan yang baik untuk menunjukkan Yang Berhormat mempunyai standard apabila di dalam Parlimen ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Puan Fong Po Kuan: Jadi saya pohon jawapan juga daripada Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Rantau Panjang mungkin hendak memberi jawapan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Batu Gajah. Boleh Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawasanya sesuatunya negeri yang membayar hutang, hutang yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional waktu memerintah Kelantan dahulu ialah Kelantan dan sesuatu negeri yang telah membayar hutang mengikut jadual yang disepak semula ialah Kelantan, yang membayar hutang hasil daripada Kerajaan Barisan Nasional memerintah Kelantan dahulu, berhutang sebanyak RM700 juta lebih. Kemudian di antara negeri-negeri yang tidak bayar hutang hingga sekarang mengikut jadual ialah termasuk Kedah yang telah mempunyai hutang lebih daripada RM1 bilion. Setuju kah tidak?

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih, Yang Berhormat di atas maklumat, saya tidak berkemampuan untuk menjawab soalan itu tetapi terima kasih atas maklumat demikian. Saya harap Yang Berhormat Rompin ambil perhatian. Jangan masa mesyuarat hendak bersurai baru dia masuk untuk buat kacaulah. Dengar dan ambil perhatian semua perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pula kepada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2000 berkenaan Kementerian Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, laporan itu menyatakan bahawa Kementerian Pengangkutan telah gagal

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin bangun.

Puan Fong Po Kuan: Tidak payahlah, saya akan gembira kalau Yang Berhormat ambil tindakan, tidak payah hendak buat pembelaan sendiri pada masa sekarang, terima kasihlah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak beri laluan kah?

Puan Fong Po Kuan: Setakat ini Yang Berhormat, cakap, cakap banyak tetapi tindakan tidak nampak. Saya tidak bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan. Pengurusan menurut laporan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin, Yang Berhormat Batu Gajah tidak beri laluan.

Puan Fong Po Kuan: Menurut laporan Ketua Audit Negara, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tekankan di sini, saya hendak beri amaran, jangan sesiapa membangkitkan hal peribadi saya. Sama ada saya kahwin ke tidak? Ini kita mesyuarat, tempat untuk berbincang perkara, Yang Berhormat Rompin telah menunjukkan teladan yang tidak baik setiap kali dia kata Yang Berhormat Seputeh, saya sendiri, belum kahwin. Saya kata ini bukan isu dalam Dewan, saya beri amaran, jangan sesiapa lagi bangkitkan perkara ini, ia tiada kaitannya dengan apa yang kita bincang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan kewangan oleh Kementerian Pengangkutan menurut Laporan Ketua Audit Negara nampaknya amat mengecewakan dan membazirkan wang rakyat. Menurut Laporan Audit Tahun 1999 sebanyak 10,000 alat kawalan had laju telah dibeli oleh Kementerian Pengangkutan

dan didapati hanya 4,309 kenderaan yang dapat dipasang dengan alat tersebut. Menurut laporan juga, sebanyak 5,691 unit tidak digunakan. Alasan yang diberi adalah kerana kementerian mempunyai kesukaran untuk mendapatkan maklumat berkenaan jumlah kenderaan berat dan pembelian peralatan ini perlu disegerakan. Tambahan ujian ke atas kenderaan yang telah dipasang tidak dapat dijalankan kerana kenderaan tersebut seringkali digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pembelian peralatan kawalan had laju tersebut telah dibeli di dalam keadaan tergesa-gesa tanpa penilaian yang mendalam serta telah merugikan bukan kementerian tetapi rakyat. Kontrak tersebut, Tuan Yang di-Pertua, bernilai RM10.29 juta telah dimasuki pada tahun 1995. Pembayaran sebanyak 90% daripada nilai tersebut kena dibuat walaupun peralatan belum diserahkan. Adalah amat menghairankan bagaimana di atas terma kontrak sedemikian, ia dibenarkan oleh Kementerian Kewangan tambahan perkhidmatan daripada Syarikat Delcom Services Sdn Bhd juga kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap unit adalah berharga RM869.00 menurut perjanjian dan kementerian sekarang pada tahun 2000 telah menju al balik baki 5,691 unit yang tidak digunakan kepada syarikat tersebut pada harga RM1.43 sen seunit sahaja. Kementerian telah membazirkan sebanyak RM4.94 juta wang rakyat. Tambahan pula Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih mengejutkan adalah kos untuk menyimpan peralatan tersebut.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara sewa menyimpan alat kawalan had laju yang tidak digunakan adalah sebanyak RM7,000 sebulan. Kementerian telah meluluskan sebanyak RM287,000.00 untuk membayar syarikat tersebut sebagai kos untuk menyimpan peralatan selama 41 bulan. Oleh itu saya di sini menyatakan itu adalah pembaziran wang rakyat yang amat dahsyat. Wang rakyat telah dibazirkan dengan sewenang-wenangnya untuk mengayak sebuah syarikat bernama Syarikat Delcom Services Sdn Bhd (DSSB).

Alasan yang diberikan oleh pihak kementerian adalah langsung tidak munasabah. Ini adalah satu kontrak yang melibatkan RM10.29 juta dan seharusnya satu pengkajian dan penilaian mendalam diberi bahawa kini peralatan yang dibeli telah dilupuskan dan ini tidak boleh dianggap bahawa perkara ini telah diselesaikan. Saya ingin tahu apakah tindakan selanjutnya akan diambil terhadap pihak yang membuat permohonan untuk pembelian peralatan tersebut tetapi hak yang meluluskan jumlah yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Belanjawan 2002. Dari aspek pemeliharaan alam sekitar adalah juga mengecewakan bahawa belanjawan ini hanya menekankan ke atas penggalakan penggunaan dan keluaran sahaja. Apabila permintaan naik, pengeluaran juga akan naik tetapi belanjawan ini langsung tidak menyentuh berkenaan dengan insentif kepada penjagaan alam sekitar.

Menurut laporan Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1998, terdapat sebanyak 13,398 kes pencemaran alam sekitar yang berpunca dari kumbahan penduduk, industri pembuatan, ternakan khinzir dan industri berasaskan pertanian. Sebanyak 37.5% adalah dari industri pembuatan. Penjagaan alam sekitar ini bukan sahaja di bawah tanggungjawab pada pendapat saya, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar tetapi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi ia haruslah dijadikan satu tanggungjawab kesemua kementerian bersama rakyat.

Oleh itu ia seharusnya dicerminkan di dalam setiap peruntukan kepada kementerian atau insentif kepada industri di bawah bidang kuasa kementerian untuk penjagaan alam sekitar. Di sini saya ingin cadangkan agar kerajaan memberi insentif kepada industri yang mengurangkan penggunaan air ataupun bebasan ke udara. Ini adalah kerana pengurangan penggunaan air akan mengurangkan pencemaran air sungai kita ataupun faedah diberi kepada sebuah projek yang meminimumkan pembersihan tanah atau pokok di kawasan tersebut.

Saya juga diletakkan di dalam keadaan yang risau berkenaan kedudukan IWK Indah Water, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah kementerian akan sekali lagi menjual IWK kepada pihak swasta. Adalah dilaporkan ia akan dibeli oleh Tuas Emas Sdn Bhd yang pengerusinya adalah seorang bekas menteri. Apakah IWK juga akan dijadikan situasi seperti MAS nanti. Apabila keadaan yang lebih teruk berlaku kepada IWK kerajaan akan beli balik IWK dan mengatakan ini adalah kepentingan rakyat, ini adalah untuk jaga maruah rakyat. Saya percaya IWK sistem pembedaan yang baik adalah amat penting di mana negara kita sebuah negara yang sedang membangun. Oleh itu saya berharap sistem pembedaan ini dipindahkan di bawah bidang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2002 ini juga memberi kenaikan gaji sebanyak 10% kepada kakitangan pegawai perkhidmatan awam serta bonus sebanyak setengah bulan atau sekurang-kurangnya RM1,000. Ucapan saya ini akan meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan awam kepada orang ramai.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pelbagai konsep telah digunakan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan untuk mempertonjolkan keprihatinan masing-masing terhadap rakyat. Konsep mesra rakyat seringkali dilaung-laungkan oleh Menteri termasuk Timbalan Menteri. Slogan seperti “Khidmat Dengan Senyuman” juga diperkenalkan oleh Jabatan Imigresen, “Mesra, Cepat dan Betul” digunakan oleh Polis Diraja Malaysia. Kita akan nampak slogan ini di setiap pintu masuk atau pagar balai polis di Batu Gajah dan di Ipoh.

Selain daripada slogan ini, kita ada juga piagam pelanggan yang kononnya adalah untuk memastikan orang ramai mendapat layanan dan perkhidmatan yang baik. Slogan dan piagam pelanggan ini nampaknya dikuatkuasakan ke atas pegawai-pegawai bawahan sahaja. Bagi pegawai atasan seperti Menteri Besar, Pengarah, Datuk Bandar dan Ketua Pegawai Daerah pula masing-masing juga tidak ketinggalan mempertonjolkan diri sebagai mesra rakyat.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Besar Negeri Perak telah menetapkan setiap hari Selasa sebagai hari perjumpaan dengan orang ramai dan hari Rabu bagi perjumpaan ahli-ahli politik. Akan tetapi bagi saya, saya telah menulis surat banyak kali kepada Menteri Besar Negeri Perak dan sehingga hari ini belum menerima jawapannya.

Saya telah menelefon, Tuan Yang di-Pertua, bulan Januari tahun 2001 untuk mendapatkan satu tarikh temu janji. Saya diberi bulan Februari. Selepas itu ditangguhkan daripada 14 haribulan, ditangguhkan kepada 21 haribulan. Selepas itu 21 haribulan, saya pergi dengan pengadu untuk berjumpa dengan Menteri Besar tetapi dibiarkan tunggu di ruang tamu selama 2 jam. Saya telah dimaklumkan kehadiran saya. Saya pergi dengan temu janji, Tuan Yang di-Pertua.

Yang amat mengecewakan saya ialah setiausaha politiknya, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya telah maklumkan kehadiran saya dan pengadu, saya dibiarkan tunggu di luar. Selepas itu sampai pukul 5, kerani semua balik, tutup lampu. Saya terkejut mengapa saya masih tidak dipanggil untuk masuk berjumpa dengan Menteri Besar. Selepas itu saya ketuk pintu dan bertanya tetapi apa yang mengecewakan saya adalah setiausaha politik memaklumkan bahawa Menteri Besar sudah balik.

Bukan senang hendak jumpa Menteri Besar. Saya maklumkan kepada setiausaha politik bahawa saya telah buat temu janji. Apakah ini sikap? Selepas itu saya diberi satu tarikh temu janji yang baru, bulan April tetapi ditangguhkan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Haiya.

Puan Fong Po Kuan: Kita boleh bayangkan begitu sukar kalau seorang wakil rakyat hendak jumpa, bagaimana pula dengan orang biasa? Saya dimaklumkan bahawa perjumpaan orang biasa dengan Menteri Besar, tarikh temu janji 3 - 4 bulan akan datang diberikan. Saya bangkitkan ini adalah untuk memberi teguran agar mereka yang berpangkat tinggi dan berkuasa harus sentiasa ingat bahawa mereka adalah pegawai awam juga (civil servant) dan tidak terkecuali daripada piagam pelanggan.

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya,

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Saya dengar rungutan dari Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Yang Berhormat telah buat temu janji dengan Menteri Besar beberapa kali tetapi tidak dapat. Tetapi mungkin juga temu janji Yang Berhormat itu tidak kena masanya ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempunyai agenda yang lebih penting daripada Yang Berhormat. Jadi, selepas ini, Yang Berhormat, beritahu bila Yang Berhormat hendak jumpa. Saya akan aturkan perjumpaan Yang Amat Berhormat dengan Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa bukan tidak kena masa. Tarikh temu janji itu diberikan oleh setiausaha politik kepada Yang Amat Berhormat. Saya tidak suka, Tuan Yang di-Pertua, layanan istimewa diberi kepada saya *[Tepuk]* seperti melalui vektor, dengan izin, kerana persahabatan baik dengan Menteri Besar, jadi oleh itu saya boleh dapat satu tarikh temu janji. Saya ingin ikut prosedur tetapi kalau Menteri Besar berpolitik dengan masalah rakyat, saya rasa ini amat mengecewakan, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, di dalam aspek ini, saya bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa Menteri yang tidak cekap harus kita pecat. Di atas prinsip yang sama, Menteri Besar yang kurang cekap juga harus kita tegur. *[Tepuk]* Yang lain yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, perkataan yang kesat itu, saya tidak setuju Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Kami pembangkang yang adil, apa yang baik diucap oleh sebelah sana akan kami sokong dan apa yang tidak baik akan kami bagi kritikan *constructive* demi kebaikan rakyat. *[Tepuk]* Ini adalah tanggungjawab pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin rujuk kepada Suhakam. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia baru-baru ini telah mengambil satu langkah positif untuk berbincang dengan wakil-wakil universiti awam berkenaan dengan penerapan mata pelajaran

Pendidikan Hak Asasi di universiti. Pengenalan mata pelajaran ini datang tepat pada masanya di mana pada masa kini terlalu banyak tuduhan ke atas pelajar-pelajar universiti termasuk kebakaran di Dewan Tunku Canselor dan terbarunya adalah tuduhan berkenaan gerakan di bawah tanah di universiti untuk menjatuhkan kerajaan.

Pelajaran Pendidikan Hak Asasi termasuk mengenai sistem perlembagaan dan tatacara hak asasi adalah amat penting kepada setiap individu dalam masyarakat ini. Malahan, pengenalan dan kesedaran mengenai hak asasi seharusnya diperkenalkan kepada setiap pelajar di peringkat sekolah rendah lagi dan tidak dijadikan mata pelajaran yang dengan izin, privilege kepada yang berpeluang untuk pendidikan tinggi di institusi pengajian tinggi tempatan sahaja.

Oleh itu, saya menyeru agar menjadikan pendidikan hak asasi sebagai satu mata pelajaran wajib di institusi pengajian tinggi awam dan swasta kepada setiap pelajar tanpa mengira kursus yang diikutinya. Tambahan pula, di sini Suhakam memainkan peranan untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan perhubungan dengan hak asasi seharusnya dilaksanakan bersama-sama dengan pengembalian hak asasi pelajar universiti dengan penghapusan Akta Universiti dan Kolej Universiti dan peraturan yang berkenaan.

Jika Suhakam berpuas hati setakat meminda akta tersebut menjadikannya lebih mesra rakyat dan sesuai dengan suasana akademi semasa adalah amat mengecewakan. Pada masa kini, pelajar yang sudah mencapai umur 21 tahun boleh menggunakan hak mereka untuk mengundi tetapi dilarang menggunakan hak asasi mereka yang lain termasuk hak dan kebebasan bersuara, berkumpul dan mempunyai pandangan politik tersendiri. Apakah Suhakam berpendapat bahawa ada sebahagian daripada hak asasi seseorang harus disekat jika dia adalah seorang pelajar.

Suhakam harus menyedari bahawa hanya setakat penerapan mata pelajaran Pendidikan Hak Asasi di universiti ini tidak akan banyak membantu para pelajar jika hak-hak mereka yang kini disekat tidak dikembalikan pada masa yang sama.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, ada pula berkenaan gerakan bawah tanah di IPTA. Laporan ini menyatakan bahawa kononnya ada satu gerakan bawah tanah yang sistematik di universiti untuk mempengaruhi pendirian politik pelajar-pelajar supaya berjuang menjatuhkan kerajaan. Apakah kenyataan ini benar? Jika ya, saya percaya kebenarannya adalah setakat pelajar-pelajar ini berpolitik dan

bukan seperti yang dituduh untuk menjatuhkan kerajaan . Kita boleh lihat pelajar-pelajar universiti adalah bukan jenis yang ganas seperti yang dituduh dan digambarkan.

Saya percaya jika benar wujudnya gerakan bawah tanah di universiti untuk tujuan berpolitik, telah tiba masanya kerajaan menghapuskan segala undang-undang dan peraturan yang mengekang hak dan kebebasan pelajar universiti. Ini adalah satu petunjuk bahawa mereka dahagakan maklumat. Mereka telah bosan dengan maklumat yang berat sebelah. Surat khabar dan televisyen dikawal. Mereka tidak ada kebebasan langsung untuk menyuarakan suara hati mereka. Mereka tidak ada ruang untuk mengetengahkan pandangan mereka dan kritikan *constructive* mereka. Malahan mereka menerima layanan kurang baik daripada Kementerian Pendidikan juga.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi kita sekarang ini tidak mempunyai kuasa autonomi sepertimana yang diberikan kepadanya pada tahun-tahun terdahulu, seperti tahun 60-an umpamanya.

Ini disebabkan oleh kongkongan daripada Kementerian Pendidikan. Contohnya, kebebasan pelajar sebagai angkatan pelapis, mereka sepatutnya diberi kebebasan berfikir agar apabila mereka keluar daripada universiti, mereka tidak merupakan sarjana-sarjana yang tidak bermaya ataupun sarjana-sarjana jahil dan bisu, penakut atau dengan kata lain, manusia yang tidak mempunyai kewibawaan dan percaya diri.

Adakah Yang Berhormat bersetuju adalah amat baik jika sekiranya kerajaan tidak menyekat kebebasan berfikir oleh masyarakat mahasiswa di universiti dengan memberi ruang kepada mereka menganjurkan forum-forum terbuka seperti Debat Perdana yang pernah diadakan di universiti-universiti, umpamanya Universiti Malaya pada tiap-tiap tahun ada Debat Perdana, panggil Menteri, panggil wakil rakyat, panggil semua berdebat. Yang Berhormat bagi Kepong selalu waktu dahulu saya berada di sana, selalu dia sama-sama di universiti, berdebat. Daripada sana kita dapat tahu bahawasanya pelajar-pelajar akan mengikut mana yang baik kerana

mereka boleh berfikir. Tetapi sekarang nampaknya Menteri takut hendak masuk ke universiti untuk berdebat. Debat terbuka, apa salahnya.

Jadi, oleh kerana itu, saya minta penjelasan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: ... daripada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sedang berucap sudah cukup

Puan Fong Po Kuan: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Padang Terap. Kalau kita hendak melahirkan graduan-graduan yang berkebolehan, mempunyai daya kreativiti dan fikiran, kita kena menghapuskan akta-akta dan peraturan-peraturan yang menyekat kebebasan mereka tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tebrau bangun

Puan Fong Po Kuan: Maaf ya, saya tidak ada masa, semalam saya telah memberi satu peluang, maaf. Kalau ada masa nanti saya beri ya. Saya ada satu perenggan lagi.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kerajaan akan mengembalikan hak pendidikan pelajar-pelajar yang telah digantung pendidikan yang kerana dituduh di mahkamah. Antaranya ialah Khairul Ahmad Mahmud, Wan Mohamad Sanusi Wan Mohamad Noor dan 'Rasanandi' Ini adalah bercanggah dengan prinsip *a person is innocent until proven guilty*, dengan izin. Tindakan menggantung pendidikan mereka sebelum pun perbicaraan adalah amat kejam dan tidak adil kepada mereka. Apakah mereka pasti akan dihukum bersalah? Apakah jika mereka dijatuhkan tidak bersalah, bagaimanakah ganti rugi akan diberikan ke atas masa depan pelajar-pelajar ini. Pelajar-pelajar ini harus dikembalikan hak pendidikan mereka dengan serta-merta.

Akhirnya saya ingin menekankan Tuan Yang di-Pertua, pendirian DAP bahawa kami tidak bersetuju dengan deklarasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa negara kita adalah sebuah negara Islam. Kami ingin nyatakan demikian bukan kerana kami anti Islam. Kami berpendapat ada keperluan untuk mempromosikan persamaan antara agama, antara kaum di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum agama budaya dan bahasa. Perlembagaan telah tidak menyatakan bahawa negara kita adalah sebuah negara Islam, malahan bapa Malaysia telah menyatakan negara kita adalah sebuah negara sekular.

Oleh itu kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang tidak seharusnya menukar kedudukan negara kita sebagai sebuah negara demokrasi. Kita mahukan sebuah negara sekular yang untuk berbilang kaum, sebuah negara demokrasi adil dan telus untuk rakyat Malaysia. Saya berharap komponen-komponen parti Barisan Nasional yang lain juga bangkit untuk membaca sejarah negara kita, untuk meneliti undang-undang serta Perlembagaan Negara kita yang dengan jelas mengatakan negara kita adalah sebuah negara sekular. Jadi jangan jadi pak turut, saya harap ahli-ahli yang di sebelah sana kalau Menteri mengatakan kita negara Islam terima sahaja. Saya berharap mereka akan merujuk kepada sejarah dan Perlembagaan Negara kita. Saya beri kepada Yang Berhormat bagi Tebrau kalau ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya beri kepada Batang Lupar.

11.29 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Banyak juga peminat-peminat daripada pembangkang bila saya berdiri. Saya tidak sangka tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berpolitik ataupun banyak sangat retorik. Pada hari ini kita sudah hampir se minggu mendengar, semalam saya balik lima minit lebih awal daripada Dewan ini oleh kerana selepas mendengar sepuluh hujah-hujah yang menunjuk negara ini bukan negara Islam oleh seorang doktor, daripada apa kawasannya itu?

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Parit Buntar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Parit Buntar. Jadi hujah-hujah itu kalau dikata daripada *the reverse side* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kalau kita ada benda ini bukan Islam. Maknanya Sultan Brunei yang mempunyai istana yang besar itu bukan Islam lah itu. Raja Saudi Arabia yang rumah di lereng bukit istana, bukan Islam juga lah itu. Jadi, susah hendak cari. Kekayaan maknanya..., sedikit petunjuk oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar itu, Islam tidak menggalakkan orang kaya di dunia ini, tidak menggalakkan kita maju dari segi ekonomi dan tidak menggalakkan kita menjadi negara yang kuat daripada segi ekonomi dan sebagainya.

Jadi, maknanya Islam itu adalah untuk akhirat sahaja bukan untuk dunia. Jadi, saya tidak tahu macam mana hendak mempertahankan Islam itu sendiri kalau

negara kita papa kedana. Kalau negara kita miskin, negara kita kurang canggih dan negara kita tidak maju daripada ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Jadi, saya Tuan Yang di-Pertua, tidaklah hendak bercakap panjang persoalan ini. Itu sahaja saya tidak setuju 100% dengan Yang Berhormat bagi Parit Buntar dan cara penyampaian Yang Berhormat bagi Parit Buntar semalam membuat saya rasa terkilan sedikit sebagai anak Melayu, saya rasa sedih orang Melayu sudah hilang budi pekerti dan kesopanan yang baik. Kita orang Melayu sepatutnya mempunyai budi pekerti yang indah dan manis. Tetapi ditunjukkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar sebaliknya.

Orang berpendidikan tinggi juga saya percaya datuk, nenek saya pernah menyebut dan bapa saya pernah sebut adalah orang yang paling berbudi tinggi dan bercakap manis tetapi ini pendidikan telah *failed*, Yang Berhormat bagi Parit Buntar 100% Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya sebagai seorang doktor, seorang yang berpendidikan tinggi sepatutnya tidak bercakap sedemikian. Kita boleh marah, kita boleh tidak puas hati tetapi kita sampaikanlah ketidakpuasan kita itu dengan cara yang manis, cara yang bersopan santun, tidaklah sebegitu rupa, terutama sekali di Dewan ini.

Kita ambil peluang demokrasi kebebasan dalam Dewan ini untuk melemparkan tuduhan, percakapan yang keji dan kurang baik....

Tuan Mohd. Amar bin Abdullah: [*Bangun*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:.. sepatutnya kita,

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat..

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya menarik nafas pun belum. Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya belum beri jalan Yang Berhormat. Setengah jam ini, saya mukadimah setengah jam. Jadi, saya berharaplah dalam konteks ini juga Yang Berhormat bagi Ipoh kah apa tadi, bukan

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Batu Gajah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Batu Gajah, soal demokrasi. Saya juga mengenai kebebasan dan sebagainya, saya dilatih mengenai soal kebebasan ini. Saya dilatih daripada universiti yang lebih bebas daripada apa Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebut. Saya berlatih di universiti di luar negara yang mana kebebasan yang dikatakan tetapi dalam masa yang sama orang yang

mempraktikkan dasar atau konsep demokrasi itu mesti tahu parameter dia, mana batasan dan had dia. Tetapi kalau kita lihat dalam Dewan ini diberi kebebasan orang melampau. Kalau diberi kebebasan dia berlebih sangat. Tetapi kalau kita lihat di Amerika, di England umpamanya, kebebasan diberi mereka tahu macam mana hendak berhenti dan sampai mana boleh bercakap. Kalau kita lihat yang ada pada sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ada banyak keratan akhbar. Jadi, dalam keratan akhbar ini saya hendak sebutkan sedikit sebanyak soalan demokrasi yang berlaku yang kita sebut-sebutkan persoalan di Amerika.

Semenjak 11 September, selepas pengeboman WTC apabila banyak *talk show* yang menyebut perkataan itu banyak mereka ini telah dikesan hilang *advertisement*, hilang *support*, hilang bermacam-macam lagi, oleh kerana desakan-desakan daripada pihak-pihak yang tertentu dalam kerajaan ataupun orang-orang berkuasa.

Pihak universiti daripada UCLA Tuan Yang di-Pertua, ada seorang profesor telah membuat satu komen, dia dipotong gaji dan pelbagai lagi, di universiti-universiti di seluruh Amerika sekarang kalau hendak mencaci kerajaan Amerika telah terkena, kalau tidak digantung kerja, dipotong gaji.

Saya mempunyai banyak maklumat-maklumat di hadapan saya Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya hendak membaca barang kali tidak cukup satu jam. Jadi, saya tidak perlu menyebut dalam keadaan sedemikian, kita kena tahu di mana batasan yang tertentu untuk mempraktikkan dan mengamalkan demokrasi. Kita tidak tahu jangan bercakap soal demokrasi. Demokrasi bukan memberi satu tiket atau satu kunci untuk membebaskan kita berbuat dan bercakap sebagaimana yang kita hendak, tetapi kita kena melihat orang lain. Bercakap persoalan Perdana Menteri, Perdana Menteri dia manusia biasa, dia mempunyai hati dan perasaan, kalau kita merasa terkeji dan terkena begitu juga Perdana Menteri. Dia bukan manusia yang lebih yang dibuat oleh Tuhan. Dia mempunyai perasaan dia sendiri. Kalau saya rasa terkena bila Perdana Menteri dicaci, begitu jugalah perasaan Perdana Menteri apabila dicaci, lebih lagi. Sebagaimana berat mata memandang, berat lagi bahu memikul Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya tidak bersetuju cara-cara penyampaian dan cara-cara bercakap ini.

Saya berharap pihak Yang Berhormat tunjuklah sendiri sebagai Yang Berhormat, bersopan-santunlah, tunjukkan kemelayuan kita, tunjukkan ketimuran kita, tunjuklah agama kita. Kalau Islam yang kesat, yang dengki, yang khianat, yang

menyebut perkataan-perkataan yang buruk itu Islam, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, negara kita akan hancur oleh kerana Islam itu sendiri.

Saya menyerulah kepada orang Islam, tunjukkan keislaman itu, kalau belum cukup Islam, Islamkan sendiri, Islamkan fikiran, Islamkan pendirian, Islamkan percakapan kita dahulu sebelum menegur orang lain. Saya rasa sedih sekali, ini orang Melayu.

Jadi banyak persoalan-persoalan yang dibangkit. Ini juga soal SUHAKAM disebutkan. Saya tahu SUHAKAM Tuan Yang di-Pertua. SUHAKAM diberi kuasa oleh undang-undang; SUHAKAM ini badan bebas, tidak ada seorang boleh menegur, mencaci hala tuju melainkan SUHAKAM itu sendiri. SUHAKAM membuat penyelidikan-penyelidikan yang tertentu atas satu-satu kes yang tertentu. Tetapi pihak SUHAKAM mesti mengetahui jangan bawa sangat kebaratan, jangan bawa sangat keglobalisasi mereka, jangan bawa sangat kebebasan-kebebasan ala barat yang mereka pelajari di universiti-universiti mereka masa dahulu. Tetapi kita lihat juga keselamatan negara ini, kepentingan negara ini, kepentingan masyarakat di negara ini.

Kita mesti lihat juga pihak SUHAKAM apabila menjalankan tugas-tugas mereka – saya tidak mencaci SUHAKAM tetapi apa yang saya cacikan janganlah bawa dasar-dasar Barat yang telah beratus tahun diwujudkan, beratus tahun sudah digunakan di negara barat, kita hendak guna model ini untuk negara kita yang baru 50 tahun merdeka. Ini adalah tidak wajar, tidak baik, walau pun kita sebagai seorang hakim, lepasan hakim dan sebagainya. Saya membaca tetapi berat sebelah. Siapa yang hendak dipercayai adalah subjektif. Kalau Tuan Yang di-Pertua seorang bercakap, saya percaya atau tidak percaya SUHAKAM boleh siapa yang dia percaya siapa yang dia tidak percaya.

Tetapi di dalam konteks yang sama, biasalah orang yang merusuh itu dikatakan betul, orang yang mempertahankan daripada perusuh itu dikatakan salah. Ini juga tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila orang merusuh, merusuh tidak ada lesen ataupun permit, dia telah melakukan kesalahan. Apabila melakukan kesalahan, janganlah salahkan orang lain kalau orang cuba hendak memecahkan rusuhan umpamanya. Kalau polis berbuat terlebih sedikit – kalau empat orang polis, 400 orang merusuh, siapa manusia dikatakan polis ini? Adakah mereka ini mempunyai satu ketahanan jiwa yang begitu kuat, yang begitu kental sekali, berani mempertahankan empat ratus lawan empat orang? Jadi dia mesti

bertindak sebagai manusia biasa untuk mempertahankan diri dia sendiri, dia ada anak dan isteri juga Tuan Yang di-Pertua.

Jadi janganlah nilaikan bila polis berhadapan dengan pihak pemberontak dan perusuh ini kita nilaikan yang polis ini ada 400 orang juga; kalau 400 lawan 400 kita boleh marahkan polis mengapa bertindak ganas. Tetapi yang asalnya orang yang merusuh, orang yang mengganas, orang yang berdemonstrasi ini dia sudah melakukan kesabahan undang-undang. Dan bagaimana pihak polis untuk memartabatkan undang-undang dan mempertahankan keamanan negara ini? Dengan menggunakan kuasa-kuasa yang ada pada mereka di samping untuk mempertahankan diri mereka. Jadi SUHAKAM dalam menilai perkara ini mestilah lebih dahulu pandang negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, patriotisme bukan berlandaskan kita hendak kibar bendera ataupun kita kata kita hendak bebas, kita hendak demokrasi dan sebagainya. Kita lihat dahulu secara halus yang tertulis dan terselit di belakangnya – apakah benda yang perlu kita jaga. Umpamanya merusuh, pihak PAS merusuh di hadapan kedutaan Amerika Syarikat, sudah dihebah di sana-sini mengatakan Malaysia ini nampaknya radikal, nampaknya ekstrem, nampaknya orang hendak jihad, hantar orang ke Afghanistan. Kita tidak suka Amerika mengebom Afghanistan, kita tidak sokong Amerika mengebom Afghanistan walaupun kita menentang terrorism.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang kurang pemikiran, kurang difikirkan dahulu mengatakan hendak jihad, hendak menghantar orang – ini mempertahankan benda-benda yang telah tidak disukai ramai. Berapa ramai manusia telah dibunuh oleh Taliban, berapa banyak manusia yang telah mati oleh kerana Taliban. Penganiayaan dibuat oleh Taliban atas nama Islam itu sendiri. Adakah ini hendak kita pertahankan? Dasar negara kita, kemajuan negara kita, kekayaan negara ini – ini modal yang patut kita pertahankan; mengapa tidak kita pertahankan?

Yang Berhormat dari pembangkang dia tidak tahu semua bab politik – apa politik seluruh masa? Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pada tahun 1994 atau 1995, Tuan Yang di-Pertua sendiri pernah bercakap, kalau tidak di Perlis, di Kedah, Ahli Parlimen berpolitik masa pilihan raya, selepas pilihan raya jadi ahli parlimen, penggubal dasar, penggubal undang-undang; bukan parti politik sepanjang masa. Sekarang kalau kita mengikut aliran PAS, tiap-tiap masa, tiap-tiap hari berpolitik.

Macam mana menteri hendak turun pejabat kalau sibuk memikirkan politik; macam mana menteri hendak jalankan kerja kalau tiap-tiap hari fikirkan politik; macam mana pegawai-pegawai kerajaan, semua benda politik. Kita ini sudah *so highly politicized*, yang kita tidak tahu benda lain lagi. Kita tahu politik siang, politik pagi, politik malam.

Kita sebagai Ahli Parlimen tidak lagi menjalankan tugas kita sebagai Ahli Dewan Rakyat untuk menggubalkan undang-undang dan dasar negara ini. Oleh kerana kita sibuk hal politik, bercakap dalam Dewan pun sudah tidak bercakap hal belanjawan lagi – semua soalan politik. Jadi saya berharaplah soalan politik ini dibuang ke belakang sedikit, dan ahli PAS itu janganlah bawa kami orang Barisan Nasional telah mengancam negara ini ke lurah bersama menceritakan politik setiap hari, malam dan petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu berapa minit lagi tinggal bagi saya. Lama lagi? Kalau kita lihat daripada belanjawan ini, saya sedikit-sedikit sahaja hendak sebut – Belanja Mengurus 66.6%, Pembangunan 33.4%. Saya berharap semua wang yang telah diagih dan akan bakal akan diluluskan di Dewan ini nanti akan dibelanja mengikut apa yang telah dirancang oleh kerajaan.

Tetapi kalau wang ini hampir bulan lima, bulan enam atau bulan tujuh baru dia keluar, baru boleh dibelanjakan, tidak akan mungkin kita boleh belanjakan seratus juta lebih wang ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi banyak kawan-kawan menyebut – Yang Berhormat daripada Sri Aman ada sebut, semalam ada pula sebut mengatakan kadang-kadang wang ini sampai kepada jabatan-jabatan ataupun kementerian hingga bulan tujuh, bulan lapan – Julai ataupun Ogos.

Jadi saya memikirkan daripada sesi yang lepas mengapa tidak kita ubah sistem ini? Saya cadangkan supaya sistem ini diubahkan. Kalau kita perlu pindahan perlembagaan, kita pindahan perlembagaan, kalau kita perlu pindahan peraturan Dewan kita pindahan peraturan Dewan. Kita adakan sesi belanjawan ini pada bulan enam atau pun bulan Julai. Adakan pada ketika itu supaya apabila sampai untuk pengurusan dan kerja kertas dan pentadbirannya, sampai bulan sebelas, bulan dua belas, kita sudah boleh melaksanakan pada satu haribulan tahun yang berikut.

Jadi dalam keadaan sedemikian tidak adalah lagi persoalan-persoalan kelambatan dan persoalan-persoalan pelaksanaan ini berbangkit. Itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan, di sini saya sebut sekali lagi, kita ubahkan sistem ini supaya belanjawan kita diadakan pada bulan Julai

ataupun bulan Ogos, supaya pengurusan dan sebagainya boleh dilaksana selepas bulan berikut – Disember.

Yang ketiga, kalau kita lihat kalau perbelanjaan itu hanya sampai kepada jabatan di peringkat negeri pada bulan Ogos. Kalau di Sarawak, di Sabah saya percaya sama. Bulan sepuluh, bulan sebelas, dan bulan dua belas iaitu Oktober, November dan Disember – adalah musim hujan, musim landas kata orang Sarawak. Tuan Yang di-Pertua musim ini apa benda pun kita tidak boleh buat – di ulu tidak boleh mudik, ke laut bergelombang bergelora. Macam mana hendak dilaksana? Jadi meningkatlah kos-kos pengangkutan, kos-kos perbelanjaan, kos pekerja dan sebagainya. Jadi peruntukan-peruntukan dikhaskan untuk projek-projek tertentu telah meningkat harga. Jadi berlakulah pula perbelanjaan tambahan pada tahun-tahun yang berikut. Mengapa pula kalau benda ini boleh kita laksanakan dari bulan Januari sampai ke bulan sepuluh pada bulan sepuluh kita hanya untuk membuat tempat-tempat yang boleh dilaksanakan, yang belum disiapkan.

Dengan harapan perbuatan, tindakan sedemikian kita boleh melaksanakan semua projek pada tahun-tahun yang dirancangan, tidak sebagaimana yang berlaku sekarang. Walaupun ada penjelasan dari pihak kementerian bahawa projek ini walau pada peringkat awal dia lambat sedikit tetapi apabila sampai ke penghujung kita boleh laksanakan sampai 90%. Tetapi untuk penjana ekonomi, dalam persoalan ini, menjana ekonomi, duit ini kena keluar dengan sebegitu cepat; kalau dia keluar dengan cepat barulah kesan dan efeknya kepada ekonomi kita baru berlaku. Kalau dia terlambat sangat kita menjadi masalah. Kelulusan daripada Dewan tidak mendatangkan kesan kepada apa yang kita sasarkan.

Begitu juga proses-proses tender, quotation dan sebagainya kita janganlah selalu sangat buat benda-benda yang ketat. Saya selalu menyebut Tuan Yang di-Pertua, persoalan tender apabila buat tender, Tender Board biasanya walaupun dinasihat oleh jurutera-jurutera, orang yang dikatakan pakar dalam persoalan ini mengatakan yang tender ini jauh di bawah kos untuk membina satu projek. Tetapi oleh kerana ianya adalah the lowest of tender, Tender Board itu beri juga walaupun dia sudah tahu atas nasihat jurutera-jurutera yang tertentu mengatakan projek ini tidak dapat dilaksana oleh kerana kos yang terlalu rendah. Tender Board beri juga oleh kerana takut dan bimbang dituduh sebagai ada sebab-sebab yang tertentu untuk memilih orang yang lebih tinggi daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita betul jujur, betul-betul ikhlas tidak kira macam mana tinggi pun tendernya, insya-Allah, tidak ada orang boleh menuduh kita, tidak boleh mengecam kita, kalau kita betul dan ikhlas asalkan tujuan kita ialah projek itu dilaksana apabila tender diberi kepada pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan soalan ekonomi juga, saya ingin merujuk beberapa persoalan kemiskinan yang telah dibangkitkan dan Ketua Pembangkang pernah mengatakan mengenai kemiskinan di Sarawak. Kalau saya baca table ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ulangkan sekali lagi iaitu di antara negeri-negeri paling kurang maju di Malaysia:

	<u>Negeri</u>	<u>Tahun</u>	<u>Household Income Bulanan (RM)</u>
(i)	Kelantan	1995	1,091;
		1999	1,314;
(ii)	Sarawak	1995	1,886;
		1999	2,276.

Jadi, persoalan saya kepada pihak kementerian ialah apakah tindakan kementerian untuk menolong negeri Kelantan, negeri yang ditadbir oleh PAS, negeri yang tidak ditadbir dengan baik, sehingga paras kemiskinannya 18% yang mana negeri selain sudah mencecah di bawah 10%. PAS masih dalam keadaan 18% yang mana negeri lain sudah menurun.

Jadi, apakah tindakan dan apakah halangan yang dibuat oleh Kerajaan PAS sehinggakan orang-orang di negeri Kelantan ini tidak dapat meningkatkan kehidupan mereka dan tidak boleh menurunkan kemiskinan di negeri tersebut. Saya memohonlah supaya masyarakat di Kelantan itu tidak tertindas begitu sahaja oleh kemiskinan oleh kerana tindakan-tindakan yang tidak wajar oleh pihak-pihak pentadbir di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal lain iaitu soal pendidikan peruntukan banyak diberi kepada dalam Belanjawan ini iaitu 34.6% untuk sosial. Dalam segi sosial ini pula, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat: pendidikan mendapat 69%; kesihatan 21%; penerangan 3.1%; perumahan 0.6%; kebudayaan belia dan sukan 1.3% dan perkhidmatan kebajikan masyarakat 5%. Maknanya, sebahagian besar telah ditumpukan kepada pendidikan.

Pendidikan ini adalah amat penting Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pencapaian pendidikan kita walaupun kita telah mencecah kepada 86.5% literacy

rate kita, tetapi computer literacy kita mengikut apa data yang dikeluarkan oleh kementerian ialah hanya 10%. Ini masih jauh lebih rendah. Maknanya, pencapaian kita daripada segi computer literacy ini masih jauh lebih rendah, tetapi computer literacy ini maknanya industri komunikasi dan ICT.

Jadi, dalam ICT ini kalau kita ke belakang dalam ICT pada zaman ini kita akan ketinggalan pula pada zaman-zaman yang akan datang. Jadi, saya memohon kepada pihak kementerian untuk melihat dasar pendidikan kita dan hala mana dasar ini boleh membangunkan mereka supaya penetration - dengan izin - ICT dan teknologi dan komputer ini boleh meningkat pada tahun 2002 ini.

Kita mesti mempunyai satu target supaya kita mencapai tahap-tahap yang tertentu dan kita tidak boleh membiarkan sebegitu sahaja. Kita kena melihat di luar-luar bandar umpamanya, sekolah-sekolah di luar bandar mestilah diperbaiki, penyampaian telefon mestilah dibuat, penyampaian electricity mestilah dibuat supaya mereka ini boleh mengatur strategi dan menghantarkan komputer-komputer di sekolah-sekolah.

Di sekolah ini pula, Tuan Yang di-Pertua, saya memohonlah jangan kita biarkan begitu sahaja kerana kalau kita lihat study yang dibuat di luar negara sekolah-sekolah ini boleh dibuat menjadi satu tempat pembelajaran dan pelajaran, tetapi sekolah juga boleh dibuat menjadi satu sarang benda-benda ataupun pemikiran-pemikiran yang tidak baik kepada kerajaan.

Umpamanya, kalau kindergarten atau sekolah itu menjadi satu tempat untuk pihak-pihak tertentu ataupun parti-parti tertentu menaburkan benih kebencian, menaburkan benih ketidakpuasan kepada kerajaan atau pemimpin-pemimpin kerajaan, ini Tuan Yang di-Pertua, akan membahayakan negara kita.

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya gembira mendengar Yang Berhormat bercakap pasal sekolah. Beladin ialah satu kawasan perkampungan yang begitu ramai penduduknya. Saya melihat perbelanjaan untuk pergi ke sekolah adalah yang paling tinggi di Malaysia barangkali. Untuk pergi ke sekolah pelajar-pelajar terpaksa membayar tambang bot RM5 pergi, RM5 balik menjadikan jumlahnya RM10. Dan boleh dikatakan lebih 40% pelajar-pelajar di situ selepas menamatkan sekolah rendah tidak bersekolah. Ada masalah buta huruf yang tinggi di kawasan Beladin.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat apakah di Beladin itu barangkali akan diadakan sekolah menengah kerana kita di sini bercakap pasal ICT, pasal globalisasi tetapi di sana itu diperlukan kepada sebuah sekolah menengah.

Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat itulah kalau sebelum Yang Berhormat pergi ke kawasan saya tanya dengan saya apa rancangan-rancangan yang kita buat.

Sebenarnya Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri telah bekerjasama untuk mengenal pasti - bahkan sudah pun dikenal pasti - Kampung Beladin kampung Melayu yang terbesar di Sarawak itu telah dibuat menjadi satu growth centre untuk kawasan itu. Growth centre, ini Tuan Yang di-Pertua, maknanya semua infrastruktur daripada segi kesihatan, pendidikan dan ekonomi akan dibangun secara khusus untuk tempat itu supaya keciciran ekonomi, pendidikan dan sebagainya akan berlaku di tempat itu.

Maknanya, daripada segi keagamaan kita sudah mencadangkan untuk dibina sebuah masjid yang telah diluluskan peruntukan sebanyak RM4 juta dan sekolah menengah akan dibina di situ juga untuk kepentingan masyarakat di tempat itu. Buat sementara ini oleh kerana perhubungan belum siap, jalan sudah diluluskan oleh Kerajaan Pusat RM127 juta membina jalan daripada Kampung Terisor, Kampung Beludam dan Kampung Pusak.

Jadi, insya -Allah apabila jalan ini siap nanti pembangunan ekonomi juga akan bermula iaitu syarikat-syarikat daripada Semenanjung sudah datang ke tempat tersebut. Saya dimaklumkan bahawa tiga tempat sudah dikenal pasti dan diberi kepada syarikat ini untuk dimajukan sebagai ladang kelapa sawit tidak kurang daripada 60,000 ekar kesemuanya dan sekolah ini nanti akan dibina, bukan sahaja pada tahap subdistrict ataupun daerah kecil, tetapi dibina peringkat daerah yang besar. Maknanya, sekolah ini nanti akan dibina mengikut perancangannya sebagai sekolah yang terbesar di kawasan tersebut. Ini kerana sekolah Kampung Beladin, Sekolah Family Kampung Beladin sekarang mempunyai murid 1,000 orang. Dalam perangkaan orang di luar bandar, ini adalah sekolah yang besar. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang. Jangan gunakan perkara ini sebagai politik. Kerajaan Barisan Nasional sudah merancang sebelum Yang Berhormat bermimpi. Jadi,

semua perancangan kita telah buat dan insya-Allah, ini akan dilaksanakan dalam masa Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berulang kepada persoalan sekolah-sekolah termasuklah sekolah-sekolah atap, sekolah-sekolah kindergarten dan sebagainya. Kita tidak mahu sekolah-sekolah ini digunakan oleh pihak-pihak tertentu termasuk universiti sebagai sarang-sarang orang yang benci kepada kerajaan, benci kepada pemimpin, ditabur dengan perasaan-perasaan yang tidak menyenangkan. Oleh kerana tindakan inilah kerajaan akan bertindak balas untuk mengenakan sekatan-sekatan yang tertentu daripada tindakan-tindakan parti politik yang hanya memikirkan politik mereka sahaja, tetapi tidak melihat kepada keciciran daripada masyarakat pelajar di sekolah-sekolah tersebut.

Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, di Pakistan saya ingin sebutkan, mempunyai 700,000 murid-murid madrasah. Jadi, murid-murid ini tidak diajar Matematik, tidak diajar membaca selain daripada Al-Quran sahaja. Kalau ditanya 2x2 pun, dia tidak tahu. Tetapi dia tahu, dia kata dinosaur itu ada hidup. Dinosaur ini dibina orang Jewish dan Amerika untuk makan orang Islam. Ini sahaja dia ajar. Dia ajar soalan radikal, dia ajar soalan-soalan yang tidak mendatangkan hasil kepada masyarakat pelajar di tempat-tempat tersebut. Jadi, kita bimbang sekolah-sekolah kita, universiti-universiti kita, kindergarten kita dari kecil-kecil lagi sudah diajar untuk membenci manusia tertentu, orang-orang tertentu, pemimpin-pemimpin tertentu dan termasuk kerajaan. Macam mana kalau kerajaan ini nanti menjadi kerajaan? Jadi, biarlah anak-anak kita jangan jadi keciciran oleh kerana kita begitu *engross* sangat dengan politik kita, dengan hala tuju politik.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Zain bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kemenangan politik ini, Yang Berhormat ialah untuk mentadbir. Tetapi selepas itu, orang yang kita tadbir itu tidak berkualiti, tidak mendatangkan hasil kepada negara ini, kita sendiri yang rugi. Jadilah Kelantan yang kemiskinan turun di bawah *household income* kalau dibandingkan kepada negeri-negeri lain. Sepatutnya di Sarawak, kita tidak boleh naik oleh kerana keadaan negeri Sarawak itu besar, tempatnya besar, memang susah hendak dibangunkan, sebesar Semenanjung. Jadi, apa banyak sangat berbaris-baris ini berdiri?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat ada seminit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya masih bercakap lagi. Saya masih bercakap Tuan Yang di-Pertua. Haa, bagi dengan Rompin, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menggelengkan kepala*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak? Haa, tidak jadilah bagi. Jadi, kita jangan keciciran. Di peringkat universiti pun begitu juga, Tuan Yang di-Pertua. Dia ajar budak-budak ini - saya terjumpa banyak anak-anak daripada kawasan saya, pelajar-pelajar daripada Sarawak berjumpa dengan saya. Bila sampai ke universiti, tidak ada lain. Kalau tidak terlibat dengan badan-badan yang tertentu yang anti government ini, disisihkan budak ini, dibulikan orang ini, bermacam-macam lagi cara-cara supaya *freshie* ini, orang yang baru masuk ini berasa tertekan, mahu tidak mahu, terlibat. Jadi, kalau terlibat, makin banyaklah anak-anak ini terlibat. Yang malang sekali Tuan Yang di-Pertua, yang terlibat ini adalah anak-anak Melayu, atas nama Islam, atas nama pergerakan Islam, atas nama orang Melayu.

Jadi, di mana letaknya anak Melayu nanti? Jadi, ini dalam konteks yang sama, semalam Yang Berhormat bagi Beluran bercakap tentang meritokrasi. Saya cukup setuju apa yang disebut semalam tentang soal meritokrasi. Kalau sebab meritokrasi ini sedikit sebanyak anak-anak Melayu masuk ke dalam universiti, kita akan kerugian pada zaman-zaman yang akan datang. Mungkin tidak 5 tahun, mungkin 10 tahun. Kalau tidak, 20 tahun. Jadi, meritokrasi Tuan Yang di-Pertua, mesti dilihat sebab-sebab ada ciri-ciri yang tertentu. Kalau budak itu hendak masuk universiti, hendak belajar ilmu PAS, hendak belajar ilmu jihad, hendak belajar ilmu perang bersama dengan Mujahiddin dan sebagainya, berhentikannya, jangan suruh masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah tidak ada, sudah habis dah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kita kena tahu juga perkara ini. Jadi, kalau dia hendak belajar betul-betul anak ini, biar dia belajar hendak masuk sekolah walaupun ciri-ciri kemasukannya itu mungkin tidak setahap mana. Kita boleh masuk Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak percaya, '*belakang parang kalau diasah, tidak boleh tajam*' Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak percaya langsung.

Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup dah, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf oleh kerana masa saya sudah begitu sikit sahaja, jadi saya gulungkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup dah, masa Yang Berhormat sudah cukup dah, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya berharaplah pemantauan oleh Kementerian Pendidikan ini mestilah dibuat dan undang-undang mesti dikuatkuasakan supaya anak-anak kita daripada universiti, daripada sekolah jangan dianiayakan oleh pihak-pihak tertentu, oleh unsur politik yang sempit mereka, kerana ini tidak mendatangkan keuntungan kepada negara ini. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Shah Alam

12.00 tgh.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2002 ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa bukanlah perkara yang mudah bagi pihak kerajaan dalam iklim dan suasana pada hari ini untuk membuat satu belanjawan yang akan dapat memenuhi matlamat dan memuaskan kepada semua pihak, kerana, kita berada dalam keadaan yang sukar sekarang ini.

Kalau kita lihat daripada segi prospek ekonomi Malaysia untuk 2002 ini, pada saya ada tiga asas pertimbangan utama yang akan menentukan sama ada prospek ekonomi 2002 ini akan menjadi satu kenyataan yang akan membantu negara dan rakyat untuk mencapai matlamat dalam Rancangan Jangka Panjang yang Ketiga yang mana Dewan yang mulia ini, pada sidang yang lepas, kita telah pun turut serta membincang dan menerima pakai perancangan OPP3 ini dan Rancangan Malaysia Kelapan menjadi asas yang akan menjana pencapaian ini. Tiga asas pertimbangan utama prospek ekonomi 2002 ini berasaskan kepada pertama, sejauh manakah keupayaan Amerika Syarikat memulihkan ekonomi mereka ekoran daripada serangan pada 11 September yang lepas. Kemudian, kita juga ingin lihat bagaimana

kemampuan ekonomi Jepun dan Eropah untuk terus berkembang. Yang ketiga ialah kemampuan negara merancakkan lagi aktiviti ekonomi dalam negeri.

Pada saya, saya lihat bahawa keupayaan Amerika dan juga Jepun serta Eropah adalah satu di luar bidang kawalan kita. Tetapi yang saya lihat bahawa negara dan kerajaan yang memerintah tentulah boleh memainkan peranan dan tanggungjawab mengikut kebijaksanaan kita, bagaimana untuk kita menguruskan ekonomi kita ini supaya ekonomi kita ini satu ekonomi yang berdaya maju, satu ekonomi yang berdaya saing, satu ekonomi yang akan menepati kehendak dan inspirasi cita-cita negara dan rakyat? Ini satu perkara yang kita boleh kawal dan saya lihat bahawa pembentangan belanjawan yang dibentangkan pada 19 Oktober yang lepas adalah satu pembentangan yang menepati, bagaimana dalam keadaan kesukaran ini, apa pilihan yang ada daripada kerajaan melainkan kerajaan terpaksa mengambil satu ketetapan, mempertingkatkan satu iltizam untuk kerajaan tampil ke hadapan menjadi pemain utama dalam menjana pembangunan ekonomi.

Ini kerana, selama ini kita bergantung kepada sektor swasta yang akan memainkan peranan dan tanggungjawab untuk menjana pembangunan ekonomi. Tetapi, oleh kerana kita berhadapan dengan iklim dan suasana ekonomi yang tidak menentu dan dalam keadaan kelembapan ekonomi yang dihadapi, saya rasa bahawa langkah bijaksana yang diambil oleh kerajaan sesuai dengan tanggungjawab dan juga cabaran yang kita hadapi pada hari ini untuk menggerakkan ekonomi kita. Ekonomi kita ada asas yang kuat dan kukuh. Saya rasa terkilan juga bila saya dengar daripada Yang Berhormat bagi Parit Buntar dan juga hatta Ketua Pembangkang sekali seolah-olah memberi gambaran bahawa pembentangan ekonomi yang dibuat pada 19 Oktober ini, tidak ada satu asas pertimbangan utama, hanyalah merupakan satu hubaya dan gambaran yang hendak disampaikan oleh kerajaan untuk mengabui mata rakyat. Itu satu perkara yang tidak betul.

Sebagai contoh macam Yang Berhormat bagi Parit Buntar kata mana ada asas *projection* yang *growths* akan mencapai 4%. Saya ingin berkongsi maklumat dengan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa asas kedudukan ekonomi dunia walaupun selepas serangan 11 September ini masih lagi boleh tahanlah hendak rancak kuat macam dulu dia kurang sikit. Sebagai contoh, ekonomi dunia akan dijangka berkembang 3.5%.

Saya hendak ambil contoh macam negara-negara membangun. China dalam keadaan sekarang dia akan berkembang hampir kepada 7.11%. Dan ASEAN saya

rasa bahawa selain daripada Singapura yang akan menghadapi *recession*, Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia ini akan ada dia punya kekuatan. Ini *projection* yang bukan dibuat oleh Dr. Mahathir Mohamad, bukan dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Ini yang dibuat oleh International Monetary Fund daripada World Economic Outlook bertarikh pada Oktober 2001, maknanya selepas peristiwa 11 September.

Kalau kita berbelanja dari segi defisit *budget* dalam keadaan sektor swasta yang tidak hendak ambil *further business width*, dengan izin. Dia tidak tahu melabur mungkin daripada segi *cash flow management* ada masalah tidak ada *liquidity*, dia punya *respector* tidak ada, *purchasing power* tidak ada. Jadi, apa pihak kerajaan yang ada melainkan kerajaan terpaksa membuat satu belanjawan yang akan merangsang pertumbuhan ekonomi dalaman dan untuk itu kita harus mempertingkatkan *purchasing power* kita. *Purchasing power* maknanya kita hendak supaya *consumer* berada dalam keadaan yang *confident* keadaan yang selesa untuk mereka berbelanja. Dan kalau mereka berbelanja wang ini akan berpusing dan berkitar.

Jadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dia punya *multiplier effect* ini akan membantu ekonomi dalaman kita. Ini satu perkara yang kita boleh kawal. Maknanya kalau kita hendak lihat dan hendak berbincang secara *detail* apakah tindakan Amerika buat terhadap ekonomi dia dan apakah perkembangan ekonomi yang akan berlaku kepada Eropah dan sikap pemimpin-pemimpin korporat dan juga "Chibo", dengan izin, yang mengawal ekonomi negeri Jepun. Kita tidak boleh hendak bergantung dengan mereka. Tetapi apa yang kita boleh bahawa satu benda yang dalam kawalan kita, kita boleh tentukan apakah jenis perancangan ekonomi yang kita buat.

Justeru kerana itu, saya fikir bahawa dengan kerajaan mengambil sikap tanggungjawab untuk mengadakan satu belanjawan defisit. Maknanya kerajaan akan membelanjakan lebih daripada hasil yang dijangka dan defisitnya hampir RM18.6 bilion juta. Dan kalau kita kira ianya lebih kurang 5% daripada KNK. Kalau dia lebih 10% then dia *very alarming*. Dan kalau kita lihat bahawa macam mana kita hendak mengimbangkan kita punya *outflow* dan *cash flow*. Kita tidak payah hendak pergi buat *external borrowing* yang besar. Dia semua boleh *digenerate* secara dalaman. Ini bermakna bahawa asas ekonomi kita adalah satu asas yang kuat, satu asas yang kukuh, satu asas yang berdaya maju dan berdaya saing. Cuma apa yang

boleh kita lakukan kerana kita ada matlamat kita dalam OPP3 bahawa kita hendak sampai dekat situ dengan agenda yang kita telah tetapkan. Dan ini adalah satu usaha murni yang harus kita lakukan dan kita hendak supaya ini dapat dicapai dengan sebaik mungkin.

Justeru kerana itu saya menyifatkan bahawa Belanjawan 2002 ini dianggap sebagai Belanjawan yang berkonsepkan kerajaan memberikan wang kepada rakyat untuk dibelanjakan sebagai cara untuk kita merangsang dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Dan saya rasa bahawa kakitangan kerajaan yang ada lebih kurang 500,00 ke-600,000 ini memanjatkan saya rasa, rasa syukurlah dengan Belanjawan ini. Kalau di Singapura dia potong gaji, di Malaysia ini kita naik gaji 10%. Saya di *private sector* hatta saya punya perniagaan pun saya tengah hendak tengok macam mana hendak buat *budget form* ini. Jadi, ada yang

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini hendak tanya yang apa? Bagi sikit ya. Tumpat sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap lagi saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap lagi Tumpat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya lihat bahawa kita di *private sector* tetapi di peringkat kerajaan kita bagi. Kemudian bukan itu sahaja, kita bagi...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua-dua sekejap ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Selepas itu kita bagi bonus dengan tujuan supaya kita hendak *improve the purchasing power*. Tetapi saya sebagai seorang orang Melayu, orang Islam, saya lihat majoriti daripada kakitangan kerajaan ini hampir 90%-95% dan kita sedar bahawa orang Melayu dalam keadaan yang susah ini kita banyak perlu dibantu, perlu diberikan sokongan dan dorongan dan apakah cara untuk mengimprovekan, dengan izin, keadaan ini bahawa kerajaan mengambil sikap walaupun kita ada *budget defisit* kita *spend* supaya kita hendak ini

akan menjadi sebagai satu dynamo yang akan menjana pembangunan. Ini adalah satu pendekatan yang betul yang saya lihat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Silakan, Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin. Rompin pula. Tumpat ya. Minta maaf.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya bagi Shah Alam. Berkenaan dengan Singapura, mungkin perlu penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa Singapura bukan sekadar tidak memberi galakan ekonomi ataupun galakan kepada kakitangannya malah Singapura telah mengisytiharkan program rangsangan ekonomi yang berjumlah lebih daripada S\$11 bilion dan telah memberikan kepada semua rakyat warganegara Singapura, bukan kakitangan kerajaan sahaja ataupun lain, semua yang kerja tidak kerja - bon percuma bernilai beberapa ribu dolar Singapura yang mana bon ini boleh ditukar kepada wang *cash*, tunai oleh rakyat Singapura dan kalau mereka simpan pun dengan jaminan dividen saya fikir 5% atau 7% tiap-tiap tahun dan sepanjang 7 tahun bon ini boleh disimpan oleh warganegara Singapura. Jadi, maknanya ini suatu keadaan di Singapura yang mungkin baik juga untuk kita perhatikan. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okay, terima kasih atas pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tumpat. Tetapi prinsipnya dia serupa bahawa kerajaan Singapura hendak *improve the liquidity*, hendak *improve purchasing power* daripada rakyat Singapura supaya ekonomi dia boleh berkembang dan saya rasa bahawa pendekatan yang dibuat oleh kerajaan kita pun serupa juga. Silakan Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Tumpat. Kalau Kerajaan Barisan Nasional buat seperti Singapura buat sekarang ini, saya yakin Tumpat sekarang dia sudah tukar baju, dia akan mengutuk kerajaan dia kata ini membeli rakyat. Kerana apa Singapura membuat bon ini kerana mereka akan menghadapi pilihan raya. Cara mereka menambat hati rakyat Singapura supaya memberi sokongan kepada kerajaan mereka. Tetapi di negara kita pilihan raya tidak ada dua tahun lagi tetapi kita sanggup bangun membela

rakyat, tidak ada matlamat politik, agenda politik langsung. Bermakna kita tidak boleh banding dengan Singapura. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sebab itu saya sebut tadi Yang Berhormat bagi Rompin bahawa daripada segi asas pertimbangan utama Belanjawan yang dibentangkan ini ialah untuk membantu rakyat untuk mempertingkatkan daya saing kita untuk kita berbelanja. Dan untuk berbelanja kita mesti *improve* kita punya *liquidity*. Dan untuk *improve liquidity* ini kerajaan mesti sebagai sektor awam memainkan peranan ke hadapan kerana *private sector* untuk mereka mengambil risiko dalam niaga banyak dia punya faktor-faktor dan asas pertimbangan lain dan mereka berhati-hati.

Sebagai contoh macam, walaupun kita telah pun mengadakan kita punya penggabungan bank dengan *consolidate* bank, dahulu kita letak dia punya jaringan *safety* tetapi saya kadang-kadang rasa kecewa bahawa kalau kita berurusan dengan pihak bank walaupun kadang-kadang kita ke mukakan kita punya kajian kemungkinan selepas diadakan *dissection* serupa tadi akhirnya pihak bank mengambil sikap berhati-hati dan tidak mahu terlibat dalam urusan pemberian pinjaman ini kerana mereka takut bahawa menanggung risiko yang lebih tinggi, tetapi saya pun ingin menekankan di sini bahawa selain daripada pihak kerajaan mengawal tentang kita punya pengaliran kewangan ini pihak bank juga harus memainkan tanggungjawab yang besar untuk membantu supaya *liquidity* di sektor swasta ini dapat dibaik dan saya merayulah supaya pihak kerajaan terutama untuk melihat balik dasar-dasar yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia untuk menentukan setiap jumlah peratus pinjaman yang dikeluarkan oleh pihak bank ini mesti mengikut sektor-sektor.

Sebagai contoh, jikalau daripada segi bank untuk mengeluarkan pinjaman kepada sektor pembinaan telah pun menjangkau ke taraf 10% tetapi kalau ada permintaan yang boleh membantu supaya sektor perumahan dan juga yang berhubungkait dengan *trading*, yang berhubungkait dengan *services* ini boleh membantu menjanakan dan saya fikir pihak Bank Negara harus perlu melihat dan mencari kelonggaran supaya pihak bank boleh memberikan pinjaman kepada *private sector* supaya ekonomi kita boleh berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bahawa cabaran kita pada hari ini adalah lebih besar dan lebih menggugat dengan iklim dan suasana yang kita hadapi pada hari ini terutama perkara yang berhubung-kait tentang salah faham dan salah takrif. Dahulu antara kita di dalam Dewan ini PAS dengan UMNO kita bercakap siapa yang

lebih Islam daripada kita, siapa yang lebih mampu hendak membantu orang Melayu daripada segi apa tetapi hari ini saya lihat bahawa masalah dan unsur-unsur ini, saya rasa seluruh umat Islam dalam dunia ini harus bertanggungjawab dan mencerminkan kepada dunia bahawa Islam ini sebagai satu agama yang progresif, satu agama yang dinamik, satu agama yang mampu berdaya saing dan bukan satu gambaran yang bahawa kita ini merupakan golongan ekstrem, golongan *terrorist*.

Saya secara peribadi amat terkejut melihat tentang peristiwa yang berlaku serangan terhadap Amerika kerana saya dahulu pun menuntut di sana dan kadang-kadang pendedahan di sana membuatkan kita berfikir bahawa American dengan izin Dato' Yang di-Pertua *is very untouchable*. *But* realitinya, pada September 11, peristiwa ini bahawa mereka *is touchable*. Dan bila ini berlaku kita lihat bahawa tindakan yang dibuat oleh pemimpin pada September 11 dengan keadaan yang panik, dengan keadaan yang cemas, dengan *statement* yang dibuat dan saya masih ingat lagi kalau saya tidak silap, lepas tu BBC dia betulkan, dia kata Tony Blair cakap *this is the crusade*, jadi bila benda ni dia sudah tengok sudah jadi tu jadi saya mintalah merayu pada sahabat saya daripada PAS ni dan UMNO ni dengar, lihat ni apa Batu Gajah cakap pagi tadi ni.

Itu satu peringatan pada kita, pada saya kalau daripada segi logiknyalah saya tidak mahu pergi daripada segi apanya, logiknya kita 60% Raja kita raja Melayu, Raja Islam pemimpin kita Melayu oleh kerana dia orang ni Ketua Kerajaan pun Islam, Ketua Pembangkang pun Islam, saya fikir apa perlu kita hendak debat benda ni secara yang lebih terbuka. Kalau di Parit Buntar semalam, saya cukup kecewa dia *prepared 35 check list* sampaikan kononnya Kubang Pasu tidak pun menyebut tentang MSC, oh....seolah-olah *Multimedia Super Corridor* tu sudah hancur, sudah hancur lebur. Kita tahu bahawa dalam kita berhadapan dengan keadaan ekonomi yang tidak tenteram dan tidak aman dan dia pun sebut, ha itu yang menjadi masalah ni Tuan Yang di-Pertua..., dulu dia *motivator*.

Saya pun pernah pergi kursus yang dibuat di Hulu Pangsun. Saya tahu, Kerajaan Negeri Selangor pun pernah bagi tanah 50 ekar untuk dijadikan...pernah dapat di TV3 dahulu, tetapi masa tu tidak sebut pun benda-benda ni, tetapi pada hari ni macam Batang Lupar sebut kalau ikut semalam apa dia cakap, jadi saya lihat sebagai seorang yang telah pun mendapat nikmat jadi kita bila bercakap membincangkan tentulah kita ada kita punya kebijaksanaan takkan semua kita nampak semua tidak baik, saya tahulah dalam kaedah politik ini *once you cross the*

boundary dia punya *perception* sudah *different*. Macam sahabat baik saya dengan Tumpat tetapi *in politic there is no permanent friend and permanent enemy* tetapi Yang Berhormat Dato' saya hendak sebut kalau kita berhadapan dengan *common denominator* ni kita wajib mempertahankan. Dan kalau kita tahu bahawa ini akan memberikan kekuatan kita kepada bangsa saya dan bagi kita wajib. Saya tak rasa malu bahawa selama 43 tahun kerajaan UMNO yang memerintah, kerajaan Islam yang memerintah kita telah pun meletakkan negara kita di asas yang kuat, di asas yang kukuh, saya rasa berbangga.

Saya pernah saya ada urusan perniagaan dengan Bangladesh dia hampir 100% Islam dia ada penduduk 125 juta sebelum pilihan raya dia ada 'hartal' tiap-tiap sebulan, 10 hari 'hartal' tak boleh nak meniaga ekonomi 20 juta orang di Dhaka hampir 10 juta jadi '*bangsa*' dengan izin duduk di tepi jalan, negara Islam. Beritahu saya contoh negara Islam macam mana yang nak kita buat. Jadi kalau kita ada kekuatan kita ada kesempatan saya merayulah jangan kita gunakan Islam dan juga menggunakan ini untuk kita mendapatkan *political mileage* semata-mata untuk kita ada *power base*, *power base* kita 60% saja. Macam Yang Amat Berhormat Kubang Pasu dalam belanjawan dia ada sebut daripada segi sumber manusia kalau 60% kita bagi 50-50 di antara laki-laki dengan wanita tapi kalau yang 50% sumber tenaga ini tak dapat digerakkan untuk menjadi satu yang akan memainkan *catalysis* dalam pembangunan, akhirnya kita akan jadi rugi bila kita berhadapan dengan rugi dan kita tidak ada keupayaan untuk kita berdaya saing dan berdaya maju.

Sebagai contoh macam MSC, kita tahu bahawa ekonomi dunia akan berubah daripada metal kepada mental dan dia mesti ada *source* yang kita ada *human resources* kita, kita mesti melahirkan orang yang boleh menggunakan kebijaksanaan, *mental perception*, daya kreativiti kita, daya juang kita dan untuk itu kita mesti *improve* kita punya produktiviti. Dan sekarang dalam *information hedge* dia tak panggil lagi *information hedge* Dato' Yang di-Pertua ICMT (*Information Communication Multimedia Technology*) dan untuk itu dia mesti berasaskan kekuatan yang dipanggil kekuatan kita untuk menguasai *e-business* (*electronic business*) yang disebut sebagai *k-ekonomi*. Ini yang kuat dan dia punya infrastruktur yang ada di Malaysia ini MSC, saya tak kata bahawa kita *launch* MSC, kita punya hasil 100%...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis:.....[Bangun]

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed:....untuk 100% *we have to improve step by step*, jangan kita nak *rundown* benda ni, saya bersyukur tapi kalau kita ada masalah tak dapat tu bagilah kritikan yang ...tapi nak sebut tentang benda-benda ni untuk mendapat *political mileage* saya ingat kita hentikanlah. Silakan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Tentang isu ICT, era teknologi dan maklumat, peranan kerajaan memastikan infrastruktur ICT ini di negara kita seperti di negara luar, supaya kita ini global. Memang belah sana dia tidak mahu menerima tentang kejayaan kita yang sebenarnya tetapi mereka menggunakan manfaat itu. Tengok surat khabar dia *Harakah*, *web site* dia, apa *site* dan sebagainya, semua ada. Pilihan raya digunakan seterusnya. Dia menggunakan ICT tetapi tidak mahu mengaku kebaikan dan sumbangan kita yang sebenarnya. Dia setuju tetapi tidak boleh setuju sebab dia pembangkang, tidak boleh akui dengan kebijaksanaan dan kejayaan kita.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Saya bagi contoh macam untuk kita bercakap tentang merapatkan *literacy digital*. Saya selalu mengatakan bahawa *accessibility to the Internet inter connectivity* ini mesti boleh diperoleh bukan hanya orang duduk di Kuala Lumpur tetapi di Kuala Kedah pun boleh, di Pokok Sena pun boleh, di Bachok pun boleh, di Tumpat pun boleh, di Shah Alam pun boleh. Tetapi kita sedia maklum bahawa untuk *rollout* dengan izin, infrastruktur untuk mengadakan *communication technology community* bukan satu perkara yang mudah. Sahabat-sahabat kita bagi Sarawak atau Sabah.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap. Sabah dan Sarawak ini selalu mengatakannya sehinggakan kita terpaksa mengadakan satu pendekatan yang dipanggil *technology fix cellular* ini menggunakan CDMA baru ada *Internet connectivity* tetapi dalam perkara yang saya bangkitkan dalam Belanjawan yang lepas, saya hendak supaya Menteri Pendidikan mengambil satu *bull step*, satu

tindakan berani untuk melancarkan *the e-book, the electronic book* yang memberikan kesempatan kepada semua pelajar-pelajar sekolah. Kita ada 8,500 sekolah-sekolah yang daripada Perlis sampailah ke Tawau dengan menggunakan telekomunikasi ini untuk mengadakan *based station* kepada setiap sekolah dan akhirnya mereka boleh dapat *Internet connectivity* dengan menggunakan *electronic book*. *E-book* ini adalah satu cara sahaja yang saya fikir pada masa kini boleh memberikan pendedahan yang cukup meluas kepada semua orang sama ada di bandar atau di luar bandar. Ini adalah saya rasa bahawa menepati dengan strategi yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri untuk merapatkan jurang *the have and the have not*, yang kaya dengan yang tidak kaya, dengan bandar dan di luar bandar.

Ini adalah satu pendekatan yang mesti disokong oleh semua pihak dan kita jangan menggunakan Multimedia Super Corridor ini sebagai satu *buggy bag*, sebagai *punching bag* untuk kita *run down* dalam itu. Sepatutnya kita mesti berdoa, kita mesti *highlight*, kita mesti bekerja keras untuk menentukan MSC ini akan mencapai kejayaan. Kalau kita hendak *run down Multimedia Super Corridor* sebagai satu projek hanya impian dan cita-cita besar Dr. Mahathir Mohamed, saya fikir bahawa kalau dia berjaya, yang nikmatnya bukan Kubang Pasu sahaja yang dapat, rakyat Malaysia semua yang dapat. Begitu juga dalam yang saya kaji dan lihat *the new mind set* yang Yang Amat Berhormat bagi Kubang Pasu ketengahkan kepada negara. Dia selalu bercakap tentang *paradigmship*. Yang Berhormat bagi Tumpat pun dahulu saya selalu dengar dia pergi bercakap, setuju tentang anjakan paradigma, *the new mind set to conquer the new dimension*. Saya lihat bahawa meletakkan untuk Multimedia Super Corridor dalam cabaran ICMT ini, *it is to conquer the new dimension*.

Bukan satu perkara yang mudah kita hendak berlawan dengan Silicon Valley yang sudah *established*. Jadi untuk itu saya fikir bahawa kita mesti berusaha. Saya lihat bahawa

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat, masa sudah

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tadi sudah bagi, Yang Berhormat Dato' saya hendak minta Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sahabat saya [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis Yang Berhormat, tidak payah jawab lepas ini. Sila, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya hendak *flashback* balik. Saya kagum dengan Yang Berhormat sebut tadi tentang masalah *political mileage*. Setujukah Yang Berhormat kalau saya mengatakan bahawasanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga yang telah mengisytiharkan kononnya Malaysia sebagai negara Islam itu merupakan satu..., hendak ambil *advantage* sebagai *political mileage*. Setujukah?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Itu persepsi Yang Berhormat. Tetapi kalau saya bercakap, ini sebagai satu *holistic approach*. Apa dia pendekatan kita sebagai seorang Islam? Apa cita-cita kita sebagai seorang Islam? Hendak jadi apa? Hendak jadi insan. Apa insan? Insan yang dinamakan insan kamil. Apa itu insan kamil? Bukan sebagai seorang insan yang cemerlang. Untuk apa? Untuk melahirkan masyarakat yang cemerlang. Kalau kita ada pendekatan syumul untuk kita membangunkan negara ini menjadi satu negara yang kuat dan kukuh yang boleh dilihat, yang ditadbirkan dan diuruskan oleh orang Melayu, orang Islam, apa yang lagi kita hendak persoalkan? Apa lagi *political mileage* yang hendak kita ada? Hari ini OIC, dia sudah nampak dalam dunia ini siapa pemimpin Islam yang boleh diketengahkan untuk menggunakan kebijaksanaan untuk berbicara tentang pandangan negatif dunia terhadap dunia Islam.

Kalau itu yang ada hendak terima, PAS hendak buat apa? Hendak dapat *political mileage*? Ada OIC hendak panggil Nik Aziz? Ada OIC hendak panggil Hadi Awang? Saya sebutkan di sini, tuan-tuan bercakap tentang kerajaan pada hari ini merampas wang royalti rakyat negeri Terengganu tetapi pada hari ini kita hendak menguruskan wang royalti rakyat ini hendak membahagikan kepada rakyat negeri Terengganu sehingga ke hari ini, hampir RM100 juta yang dikhususnya untuk membangunkan rumah murah tidak dapat kelulusan daripada kerajaan negeri. Kerajaan Negeri apa yang ditadbirkan oleh PAS? Kalau sudah fikir.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Ini hendak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau dia fikir ini semua untuk rakyat orang Melayu, luluskanlah, apa hendak kira tentang *political mileage*. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sokong usul ini [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Kuala Kedah.

12.32 tgh.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Disampuk*] Belanjawan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri yang menunggu Belanjawan ini, yang *nervous* menungguinya bukan Ahli Parlimen, bukan pegawai kerajaan tetapi yang cemas ialah para pekerja di sektor swasta.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, untuk pada masa yang akan datang, merekalah yang paling risau sekarang ini iaitu mereka yang bekerja di sektor swasta. Jaminan pekerjaan kepada mereka sekarang seolah-olah sudah tidak ada. Pekerja elektronik yang telah dibuang lebih kurang 30,000 orang. Kesatuan Sekerja menganggarkan kemungkinan besar sehingga 90,000 orang pekerja elektronik akan dibuang termasuk lagi graduan yang sedang menganggur lebih kurang 40,000 orang dicampur dengan yang akan *graduate* pada tahun depan maka pemegang ijazah dan diploma dijangka akan menganggur lebih kurang 100,000 orang. Pembuangan daripada bank hasil daripada wujudnya *anchor bank* sudah beribu-ribu berada dalam pasaran sekarang mencari kerja.

Oleh itu kita akan menghadapi masalah yang serius untuk tahun depan dan masa-masa yang akan datang. Bayangkan apa yang boleh dibuat oleh seorang pekerja yang bekerja dua hingga lima tahun. Kalau mereka diberhentikan, mereka akan dibayar pampasan 20 hari gaji. Maka kalau lima tahun bekerja, mereka dapat lapan minggu lebih kurang notis.. Katalah gaji mereka RM600, satu hari kerja RM15.60, 15 hari kerja -RM234 didarab dengan lima tahun, mereka hanya akan dapat RM1170, dicampur dengan 1 1/2 bulan notis gaji maka mereka akan bawa balik RM2070. Setelah lima tahun bekerja, gaji RM600 kalau mereka berhenti, inilah yang akan mereka perolehi. Kalau gaji RM1,000 mereka akan bawa balik, kalau

diberhentikan kalau ikut peraturan, RM4,384. Bayangkan kalau seorang pekerja itu di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor Bahru, apa mereka boleh buat dengan wang lebih kurang RM4,000 bila mereka diberhentikan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat besar sekarang ini kalau tidak diawasi kita bimbang mereka mengambil peluang suasana ini untuk membuang para pekerja.

Kerajaan sekarang hanya memantau dan menerima laporan daripada syarikat-syarikat. Pemantauan mereka tidak sampai ke tahap meletakkan syarat supaya hendak membuang pekerja itu begitu sukar dan perlu ikut peraturan. Misalnya pekerja elektronik daripada AMD Bayan Lepas, kilang ini ditutup terus dan para pekerjanya dibuang begitu sahaja. Adakah penutupan kilang elektronik AMD ini mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Akta Pekerja ataupun Undang-undang Buruh di Malaysia ini?

Apa latihan yang diberikan kepada pekerja-pekerja yang dibuang ini dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia untuk membolehkan mereka mencari kerja di tempat lain.

Dahulu ada cadangan supaya diwujudkan tabung, 'Tabung Kehilangan Pekerjaan' iaitu majikan sumbang RM1 pekerja sumbang RM1. Cadangan itu pernah dikemukakan oleh MTUC tetapi tidak dapat sambutan daripada majikan-majikan. Barangkali pada waktu itu majikan-majikan memikirkan tidak akan berlaku kemerosotan ekonomi seperti berlaku sekarang dan pada masa yang akan datang.

Kalau di negeri Barat, khususnya *Scandinavian Countries* dengan izin, mereka ada tabung iaitu bila pekerja itu dibuang tidak bekerja dan sebagainya, majikan dan kerajaan akan memberi elaun khas kepada mereka sebelum mereka dapat pekerjaan lain. Tetapi di Malaysia daripada kerajaan pun tidak ada daripada majikan pun tidak ada.

Kita harap pihak Kementerian Sumber Manusia memikirkan perkara ini. Dalam suasana ini, tabung itu perlu diwujudkan dan kerajaan juga memberi sumbangan kepada pekerja yang dibuang untuk mereka hidup *self-sufficient* hidup yang paling minimum dalam keadaan mereka tak ada kerja. Ini barulah kita boleh lambangkan negara Malaysia yang hasil minyaknya begitu tinggi keuntungan lebih RM20 bilion dapat rakyat umum manfaatnya.

Timbalan Yang di-Pertua, sekarang ini MAS telah dimiliknegerakan semula. Ertinya dia sudah menjadi hak kerajaan. Oleh itu kita harap jangan ada pembuangan para pekerja daripada MAS, kalau dibuang para pekerja daripada MAS

yang dimiliki oleh kerajaan maka syarikat swasta yang lain menunggu masa untuk mengikut contoh. Mereka mengambil peluang bukan memerahkan fikiran berunding dengan para pekerja tetapi kalau MAS buat dahulu tindakan membuang pekerja, syarikat-syarikat swasta lain menunggu peluang untuk bertindak demikian.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita harap MAS memberi contoh yang tidak baik kepada syarikat swasta yang lain. Saya, Kuala Kedah berterima kasih kerana skim anuiti EPF yang dahulunya hendak diberi kepada syarikat-syarikat insurans untuk menjalankannya, saya juga turut membantah dalam Parlimen ini dan sekarang kerajaan kembalikan semula

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat rakan saya daripada Kuala Kedah. Tadi Yang Berhormat bercakap soal masalah pengangguran yang telah dan akan dialami oleh masyarakat pekerja dan juga yang baru yang akan masuk pasaran kerja.

Yang Berhormat, dari sudut pengangguran ini, kita sahaja bukan akan mengalami masalah pengangguran tetapi kesan daripada pengangguran ini ialah mereka juga akan menghadapi masalah peningkatan tekanan inflasi. Maka sudah tentulah bahawa ianya akan memberikan kesan masalah-masalah yang berkaitan dengan gejala sosial di kalangan masyarakat kita dan ini sudah tentulah akan mendedahkan kepada golongan-golongan ini terlibat dengan pelbagai kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral khusus dengan soal-soal jenayah, pecah rumah, mencuri dan sebagainya.

Ini kesan yang akan dihadapi. Jadi setuju atau tidak setuju bahawa seharusnya pihak kerajaan sekarang ini memikirkan untuk mengurangkan kebanjiran pekerja-pekerja asing di dalam negara kita.

Yang keduanya ialah untuk menyediakan skim perkhidmatan part time kepada apa nama dalam skim perkhidmatan ini khususnya untuk menampung mereka-mereka yang menganggur dan juga seharusnya juga pihak kerajaan menyediakan satu pelan bertindak untuk menghadapi kesan-kesan daripada pengangguran ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya setuju semua kepada cadangan itu. Memang ini di peringkat buruh, tidak ada masalah untuk mendapatkan pekerjaan

kalau pekerja-pekerja Bangladesh, Indonesia dan Filipina dikurangkan. Yang jadi masalah sekarang di peringkat *middle* peringkat pertengahan sebab graduan sedang mencari kerja dicampur yang dibuang daripada bank-bank dan dicampur daripada mereka yang telah bekerja di kilang-kilang 10 atau 15 tahun. Umur mereka pula dalam lingkungan 35 hingga 45 tahun. Golongan ini yang sukar sekarang, golongan buruh tidak ada masalah sangat kerana mereka boleh mencari pekerjaan lagi tambahan pula kalau kita menghantar balik buruh-buruh asing yang berada ratusan ribu lagi di Malaysia ini. Dan kadar peningkatan jenayah memanglah kalau rakyat ramai tidak bekerja sudah tentu peningkatan jenayah barangkali akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kenaikan minyak 10 sen, orang kampung dia tak faham 10 sen seliter. Kalau kita bagi tahu 45 sen satu gelen baru dia faham. Empat kupang, lima duit segelen.....Ohhhhh banyak! Tetapi bila 10 sen seliter dia tak faham. Jadi, bila 45 sen segelen dan naik 10 sen tahun lepas, tahun ini lagi 10 sen kenaikan lebih daripada 18%, ini kenaikan yang cukup tinggi dan memberi kesan yang banyak kepada harga barang. Kita harap Kementerian Hal Ehwal Pengguna akan lebih bekerja keras selepas ini terutama ketika Ramadan dan harga yang naik dalam bulan puasa nanti dia tak akan turun barangkali sampai tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, skim anuiti ini yang dahulunya diberi kepada syarikat-syarikat insurans, berapa juta yang telah dikutip oleh syarikat itu? Adakah mereka pulangkan segera kepada penyimpan-penyimpan EPF, sebab kalau dalam masa satu tahun mereka tidak pulangkan segera maka wang itu boleh mereka gunakan untuk perniagaan insurans mereka. Adakah diberi keuntungan kepada mereka yang telah melabur dalam skim insurans baru-baru ini dan bila EPF mengambil alih skim anuiti ini mereka boleh dapat saraan, pencen ataupun bulanan selepas 55 tahun, saya yakin ianya lebih terjamin kepada para pekerja, tuntutan MTUC dan kesatuan sekerja yang lain nampaknya diikuti ataupun di terima oleh kerajaan dan kita harap ia dapat diperbaiki lagi.

Begitulah juga faedah hilang upaya. Kita harap bahawa Fasal 58(1) dalam Akta Pekerja mesti dipinda. Sekarang ini akta ini hanya diwajibkan RM2,000 sahaja kalau hilang upaya. Sedangkan dahulunya boleh dapat RM30,000. Kenapa semakin turun, sepatutnya seorang pekerja yang hilang upaya mereka sepatutnya dalam Seksyen 58(1) hendaklah diganti kepada RM50,000 bukan RM2,000.

Bila hilang upaya, mereka terpaksa berhenti kerja dengan wang pampasan dan sebagainya, kalau mereka dapat lima enam ribu ringgit tidak boleh berbuat apa-apa. Kita harap akta ini dipinda daripada RM2,000 kepada RM50,000 kalau seseorang itu hilang upaya.

Tuan Yang di-Pertua,

[Dato' Dato' Chor Chee Heung masuk dan mengambil tempat duduk]

Tuan Mohamad bin Sabu: Aaaaa.... Timbalan Menteri Dalam Negeri pun masuk, saya nak sampai tajuk itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Di Malaysia, kalau kita lihat himpunan aman yang diadakan, kenapa pihak polis begitu mudah melepaskan gas? *[Tepuk]*. Kita lihat di Pattani, surat khabar dua hari lepas, mereka bersembahyang hajat di tengah-tengah pekan Patani, lebih 15,000 orang. Pihak polis mengawal dengan baik. Di London lebih 50,000 buat tunjuk perasaan membantah negaranya menyerang Afghanistan. Mereka berkumpul di tengah pekan London. Pihak polis mengawal dengan baik. Di Amerika, Itali, Korea, Switzerland di mana-mana melainkan jika kalau ada penunjuk perasaan mencuba untuk panjat pagar, baling batu, cuba merosakkan kedutaan-kedutaan yang lain, polis bertindak kita sokong.

Tetapi di Malaysia berkumpul sedikit gas datang. Termasuk yang kena gas pada hari itu Pemangku Ketua Polis Wilayah Persekutuan (Dell Akhbar) kerana masih berunding dengan pihak kami dan bersetuju untuk menamatkan dengan empat orang berucap tiba-tiba FRU melepaskan gas pemedih mata dengan tidak berunding dahulu dengan Pemangku Ketua Polis Wilayah Persekutuan yang menyebabkan beberapa orang anggota polis turut muntah-muntah. Akhbar *Harakah* akan datang kita akan siarkan polis muntah kena gas.

Kenapa begitu? Kalau *common issue* antara kerajaan dengan pembangkang, beri masa satu jam, satu jam suku habis kita hantar memorandum, berucap sedikit, bersurai dengan baik. Tetapi di sini cukup mudah melepaskan gas. Begitu juga saya sebagai Ahli Parlimen memberi taklimat, ceramah dalam bangunan di Kuala Kedah, dilepaskan gas pemedih mata. Banyak OCPD di Malaysia tetapi OCPD Alor Setar ini pelik sikit

Seorang ahli: Nama?

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Nama dia Husin Bapu. Sikit sikit bubuh gas, sikit sikit bubuh gas. Adakah jadi hobi bagaimana hendak memulihkan imej pasukan polis kepada orang ramai. Saya tidak meletakkan semua pasukan polis tetapi saya kata beberapa daerah, tindakannya bukan mesra rakyat tetapi membantai rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Jeli berdiri Yang Berhormat, nak bagi jalan? Sila Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Akhir-akhir ini sudah ada satu kegilaan untuk melabelkan satu parti iaitu parti siasah pembangkang PAS dengan kegiatan militan bila mana dituduh tidak sampai pun 30 orang ahli PAS yang terlibat dengan keganasan. Maka parti PAS telah dilabelkan sebagai parti penganjur keganasan.

Pada pagi semalam, Timbalan Menteri Pertahanan telah mengatakan bahawa satu peratus daripada anggota Kementerian Pertahanan terlibat dengan jenayah dah disahkan. Bukan dituduh. Adapun anggota PAS dituduh tetapi yang ini disahkan sebagai penjenayah. Apakah waras ataupun tidak waras? Saya hendak tanya waras tidak waras sahaja jawapan dia. Apakah waras ataupun tidak waras sekiranya kita mengatakan Kementerian Pertahanan adalah penganjur....Kementerian Pertahanan adalah Kementerian Penjenayah. Waras tidak waras? Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebenarnya kita tak boleh tuduh begitu. Tidak waras. Orang yang menuduh kepada kita pun tidak waras. Jadi kita tidak kalau seseorang individu atau beberapa orang melakukan, itu orang itu bukan kementerian itu. Saya nak sampai tajuk itu. Dan kita harap Tuan Yang di-Pertua, polis boleh bertindak tetapi ikutlah garis-garis undang-undang profesional dan kalau kita melanggar undang-undang, dakwa.

Misalnya saya sekarang menghadapi pendakwaan di Jelebu saya terima pendakwaan itu dan kita akan berdepan di Mahkamah. Yang kita tidak mahu, tembak-tembak gas lari. Tembak-tembak gas lari. Seorang pun tak ditangkap. Hanya dilepaskan gas. Budak-budak, orang tua menangis dan mereka menyumpah-nyumpah. Ini yang tidak baik.

Kalau mereka melanggar undang-undang, tangkap dan dakwa di mahkamah dan bila didakwa di mahkamah atas perhimpunan seperti dilalui oleh Pokok Sena dahulu dan sekarang saya pula sedang menghadapi *court case* di Jelebu, tak apa.

Saya pun lebih kerap ulang ke Jelebu ke kawasan menteri undang-undang kita.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, bila saya berada di dalam balai polis, pihak polis banyak mengadu kepada saya, di antaranya mereka minta supaya elaun anggota polis bila beri habuan hendaklah diselaraskan, jangan beri kepada unit Trafik sahaja dahulu kemudian baru kumpulan ini pula.

Kata mereka, semua anggota polis menghadapi risiko, semua anggota polis bertugas dengan begitu tekun, oleh itu kalau beri elaun janganlah kepada unit Trafik dahulu, yang lain kecil hati. Kata mereka pula, "*Kalau trafik di Kuala Lumpur betul sah sibuk, bagaimana trafik di Gua Musang*". Kereta 5 minit sekali barangkali, jadi mereka pun naik elaun dan anggota lain tidak naik. Kita minta naik semua, elaun ini kalau naik biarlah se rata.

Yang kedua, pihak cawangan khas, mereka jarang memakai pakaian uniform, mereka pakai pakaian biasa. Elaun mereka, elaun pakaian itu mestilah diberi kepada mereka setimpal dengan harga pakaian sekarang. Ini mereka minta saya – walaupun dia mai tangkap saya, mereka rayu supaya saya bercakap dalam Parlimen *[Ketawa]* sebab bagi kita bukan kita bermusuh dengan pasukan keselamatan. Kalau kami memerintah pasukan keselamatan inilah juga yang akan kami pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada harapan tidak kena hukum, itu nampaknya Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ha!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi, ini permintaan-permintaan mereka dan juga selalunya anggota polis bila penyelarasan gaji, mereka yang paling lambat dapat. Kenapa? Pegawai kerajaan lain dapat dahulu, kalau pegawai kerajaan lain tahun ini, barangkali pihak polis tahun depan. Mereka minta mereka ini diselaraskan, dicepatkan dengan anggota lain. FRU yang duduk tembak gas itu pun beri elaun yang sama dengan orang yang lain. Itu soal tugas mereka.

Yang kedua, mereka ini mestilah tuntutan mereka perlu diselaraskan.

Seorang Ahli: Bodekkah?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rantau Panjang, hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Kuala Kedah. Tadi, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah menyebut berkenaan dengan gaji ataupun elaun diberi terlebih dahulu kepada mereka yang agak kerja kuatlah seperti FRU, polis bahagian Trafik dan sebagainya. Munasabah atau tidak Yang Berhormat kalau saya mengatakan bahawasanya memang mana-mana atau sesiapa sahajalah – pegawai, kalau terlalu taat sangat kepada pemerintah, maka pegawai itu biasanya tidak diambil berat, sama dengan rakyat kampung juga, kalau kuat UMNO atau kuat sokong Barisan Nasional maka pembangunan tidak banyak di kampung itu, seperti mana berlaku di Sabah, Sarawak, kerana kuat UMNO, kuat Barisan Nasional bukan UMNO, maka pembangunan tidak wujud sangat.

Pegawai kerajaan pun kalau sentiasa taat setia kepada kerajaan maka kerajaan tidak ambil 'bena' dari dia, tetapi kalau selalu menentang kerajaan maka cepat-cepat kerajaan bagi apa yang dikehendakinya. Setuju tidak Yang Berhormat?

Tuan Mohamad bin Sabu: Setuju! *[Ketawa]* Sebab ini banyak berlaku di Kuala Kedah sekarang, sejak kita menang banyak, projek infrastruktur dibuat di situ. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Colin Powell mengatakan bahawa Malaysia salah sebuah negara yang dianggap melindungi pengganas, tetapi Amerika tidak akan menyerang negara-negara tersebut termasuk Malaysia. Hari yang sama atau pun pada masa yang sama 6 orang lagi mereka yang dituduh KMM ditangkap di bawah ISA. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak Perdana Menteri apakah yang maksud oleh Colin Powell ini, KMM atau ada kumpulan lain. Sebab kalau KMM, kerajaan telah bertindak dua bulan sebelum itu dan 9 orang telah pun masuk ke kem Kemunting. Belum kejadian 11 September, dua bulan kemudian di katakan Malaysia melindungi kumpulan pengganas.

Saya bimbang bukan budak-budak kampung yang dituduh KMM ini, ada kumpulan lain yang disembunyikan oleh kerajaan tidak mahu didedahkan. Sebab terdedah juga bahawa kumpulan bin Laden ini ada menyimpan wang di Malaysia. Apakah benar wang itu disimpan di Arab Malaysian Bank? Kemudian pula projek terowong daripada KLIA, ke mana? Ke Putrajaya atau ke mana? Soalnya yang dimaksudkan oleh Setiausaha Negara Amerika itu barangkali ada kumpulan lain

yang tidak mahu didedahkan kepada rakyat. Ini kita minta pihak Kementerian Dalam Negeri jelaskan dalam Dewan ini.

Kemudian, yang jadi mangsa ialah rakyat Malaysia, kena tangkap bawah ISA. Pihak Barisan Nasional mencabar, ahli-ahli KMM ini kalau Ahli PAS, PAS hendaklah pecat mereka. Mana boleh kita bertindak begitu. Kalau kerajaan tangkap Ketua Pembangkang, Yang Berhormat bagi Pendang di bawah ISA, kami pun pecat, wakil rakyat Pendang. Dia tangkap pula Yang Berhormat bagi Marang, kami pula pecat daripada ahli, lama-lama tidak ada ahli kami. Ini satu cabaran yang tidak berapa cerdas [*Ketawa*] sebab kes ditangkap di bawah ISA tidak dibuktikan apa kesalahannya.

Kalau ditangkap di bawah ISA, kebetulan Ahli PAS kita pecat, ditangkap, dipecat, lama-lama ahli kami dengan saya seorang sahajalah. [*Ketawa*] Sebab itu, apa yang disebut itu adalah tidak logik. ISA ini yang menyebabkan rakyat menjadi ragu, Perdana Menteri sendiri yang bercakap, iaitu ketika dia hendak membebaskan tiga Abdul di dalam kem Kemunting. Perdana Menteri sendiri mengatakan bahawa tangkapan ISA itu yang dahulunya itu boleh disalah guna, boleh mereka itu teraniaya – yang berlaku di zaman Perdana Menteri sebelum itu. Oleh itu, selagi digunakan ISA untuk memerangkap mana-mana parti politik, ia tidak akan berjaya, sebab majoriti rakyat tidak menerima alasan-alasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selalu bila bercakap hal pembangunan, hal perempuan/wanita, PASlah disasarkan kononnya PAS tidak menggalakkan wanita bekerja. Ahli-ahli *Backbencher* bercakap hal itu, sedangkan mereka tahu kalau mereka pergi ke Kelantan yang menguasai perniagaan adalah orang-orang perempuan, mereka aktif berniaga - perempuan Melayu, sehingga Pasar Buluh Kubur ditukar kepada nama Pasar Siti Khadijah, pengiktirafan wanita berniaga. Di Malaysia ini wanita yang paling aktif dalam perniagaan ialah wanita Kelantan.

Bila PAS memerintah, ulama menjadi Menteri Besar, dia tidak melarang langsung wanita bekerja di pasar-pasar dan sebagainya, bahkan paling aktif mereka menyumbangkan kegiatan ekonomi. Ada ahli Parlimen di sini, dia kata di Kelantan wanita tidak bekerja, dia ialah Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Bolehkah pergi bercakap macam itu di Kelantan. Di Pejabat Menteri Besar, ada wanita bekerja. Ahli Parlimen, separuh lebih isteri-isteri kami, Ahli-ahli Parlimen ini adalah bekerja.

Kalau PAS mengenakan dasar wanita tidak boleh bekerja, sudah tentulah Presiden akan mengarahkan kami dahulu memberhentikan isteri kami daripada

bekerja. Sebab itu kalau bercakap, berceramah di kampung, boleh. Dalam Parlimen, pegawai kerajaan ada dengar, sebab itu mereka tidak sokong lagi UMNO, *[Ketawa]* sebab dia tengok, dia lihat apa yang berlaku itu.

Begitulah juga hal perpaduan, bila sebut perpaduan PASlah yang memecahbelahkan perpaduan. Sebenarnya perpaduan mesti ada dua. Perpaduan dalam istilah wakil-wakil rakyat daripada UMNO apabila UMNO kuat, itu perpaduan, bila UMNO lemah, itu perpecahan. Di Kelantan berpecah kerana mereka lemah, di Terengganu, orang Melayu berpecah kerana mereka lemah. Di Johor, orang Melayu bersatu kerana mereka kuat, ertinya perpaduan dilihat kayu ukur UMNO kuat atau lemah.

Kalau begitu di Kedah, perpecahan kerana UMNO lemah, di Pahang sekarang, sedang mula pergi kepada perpecahan kerana UMNO mulai lemah. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini istilah yang mereka sebut sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah buat kajian Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ha!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah buat kajian, ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kalau lihat di sudut demokrasi, PASlah parti yang paling setia dengan demokrasi. Walaupun Dr. Burhanuddin, Presiden PAS pertama, dahulu ditangkap, PAS tidak ubah pendiriannya untuk mengambil alih kuasa melalui pilihan raya. Kemudian kita hadapi darurat Kelantan, hilang Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1978, PAS tidak ubah pendirian iaitu untuk mendapatkan kuasa melalui pilihan raya.

Peristiwa Memali, Abdur Rahman Talib dibunuh secara zalim di Padang Terap oleh petugas-petugas Barisan Nasional dibuktikan di mahkamah, PAS tidak ubah pendiriannya untuk mendapatkan kuasa melalui demokrasi. Begitulah juga penangkapan anak Menteri Besar, penangkapan beberapa Ahli PAS yang dituduh KMM, PAS tidak akan ubah pendiriannya iaitu untuk terus berjuang melalui demokrasi. Ertinya, kita paling setia dengan demokrasi, paling setia dengan pilihan

raya. Walaupun apa kita hadapi, kita setia dengan demokrasi, setia dengan pilihan raya.

Kita tidak tahulah bila parti lain kalah, barangkali mereka tidak boleh terima kekalahan, mereka akan mengamuk seperti kita lihat di antaranya peristiwa 13 Mei dan orang yang mengapi-apikan rakyat supaya menentang kerajaan, mengkritik Perdana Menteri ialah Perdana Menteri sekarang, yang menggunakan pelajar-pelajar universiti pada waktu itu untuk mengkritik dan menentang kerajaan, semuanya itu Ahli Parlimen dan wakil-wakil kerajaan boleh baca buku sebelum dan selepas 13 Mei, karangan Almarhum Tengku Abdul Rahman, bagaimana perangai Kubang Pasu apabila dia tidak berada dalam kerajaan. *[Ketawa]* Termasuk panjat atas pentas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu:pembangkang untuk menghentam kerajaan pada waktu itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rasah dan sila sambung ucapan selepas ini, ya. Daftar dahulu, ya. Jadi, masuk Rasah bercakap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rasah. 2.30 ptg.

Dato Goh Siow Huat [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan berbilang terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2002.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana begitu ramai rakyat kita perlu dapat kerja yang sesuai di pusat bandar, ini memang telah menyebabkan ramai anak-anak Malaysia perlu duduk di pusat bandar. Dalam pembangunan bandar yang pesat ini,

masih ada ramai generasi muda suka duduk di luar bandar dan bekerja di pusat bandar. Oleh sebab ramai orang muda ini suka duduk di tempat yang lebih menghijau, lebih relax, dengan izin, lalu lintas dari luar bandar ke bandar bukan satu masalah utama. Lagi pun kawasan luar bandar juga mempunyai alam rekreasi yang semula jadi.

Satu contoh, mengikut rekod statistik perumahan Negeri Sembilan, terdapat banyak unit rumah pangsa dan unit rumah kos sederhana di pusat bandar masih belum dimiliki. Dan ini bermakna ada ramai orang muda suka duduk di luar bandar dan suka memiliki harta benda rumah di luar bandar. Oleh itu, jika dapat bina rumah-rumah yang bersusun, perancang yang canggih, saya percaya rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana boleh dijual dan amat perlu dibina di luar bandar. Ini akan jadi satu program mengurangkan orang berhijrah ke pusat bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kad-kad kredit adalah begitu popular di negara kita pada hari ini dan ramai orang telah mempunyai kad-kad kredit. Ini adalah satu kemudahan perbelanjaan kepada orang ramai. Tetapi, berbanding dengan kadar faedah pinjaman bank dan simpanan tetap bank yang telah turun lebih kurang 3% sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kadar faedah kad-kad kredit di Malaysia masih kekal 18% tingginya. Oleh itu, saya menyeru kepada kerajaan supaya dapat juga mengurangkan kadar faedah bagi kad-kad kredit memandangkan ianya adalah satu kemudahan dan juga keselamatan kepada orang ramai dan ramai masyarakat kita telah mempunyai kad kredit ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan skim tanaman semula bagi pekebun-pekebun kecil seperti tanaman pokok getah dan tanaman pokok kelapa sawit, saya amat memuji langkah kerajaan yang telah memberi galakan dan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil untuk berusaha dalam tanaman semula melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Masalahnya ialah walaupun negara kita adalah negara pengeluar susu getah iaitu latex, yang banyak, tetapi harga pasaran kita adalah tidak dapat bersaing dengan harga dari negara jiran kita iaitu negara Thailand.

Susu getah dari negara Thailand dijual ke kilang di negeri Perak atau Negeri Sembilan adalah lebih murah jika berbanding dengan jualan tempatan. Oleh itu, kebanyakan pekebun-pekebun kecil kita tiada keyakinan dalam tanaman pokok getah ini. Saya harap kerajaan dapat mengkaji kenapa harga pasaran susu getah kita tidak mampu bersaing dengan negara Thailand itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh masa beberapa tahun kebelakangan ini, kes pekerja asing pembantu rumah yang menghilangkan diri kerap berlaku di negara kita setelah masuk bekerja dengan majikan cuma seketika waktu sahaja. Kehilangan diri ini bukan ada masalah tentang kerja atau tentang majikan. Ini difahamkan kehilangan diri pembantu rumah ini majoriti adalah kali yang pertama datang bekerja di negara kita.

Mengikut laporan Tuan Pengarah Imigresen Negeri Sembilan, dalam tempoh enam bulan tahun ini seramai 600 orang pekerja pembantu rumah Indonesia telah masuk bekerja di Negeri Sembilan dan antaranya seramai 36 orang telah dilaporkan menghilangkan diri. Ini adalah satu perbuatan yang tidak sihat dan disebabkan kehilangan diri pekerja asing ini, pihak majikan yang tidak bersalah pula dikenakan denda sebanyak RM500 oleh pihak Jabatan Imigresen. Denda seperti ini adalah tidak patut.

Di samping itu, golongan yang menghilangkan diri pula akan menjadi *'people in transit'*, dengan izin, dan boleh menimbulkan pelbagai masalah sosial di negara kita. Saya harap kerajaan dapat cepat mengatasi masalah kehilangan diri pekerja asing supaya perbuatan yang tidak sihat ini tidak berlaku lagi. Jika ada orang lain menyimpan pembantu-pembantu rumah ini secara tidak sepatutnya, perlu didenda atau dipenjarakan dengan tindakan yang berat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan daripada sahabat saya Yang Berhormat Rasah. Agaknya Yang Berhormat, apakah faktor-faktor yang mendorongkan pembantu-pembantu rumah ini lari daripada rumah, adakah disebabkan oleh tekanan kerja atau tekanan oleh majikan atau ada tawaran yang lebih baik di tempat lain ataupun disebabkan oleh tarikan daripada kawan-kawan satu negara yang menawarkan kehidupan yang lebih selesa atau bagaimana agaknya dan bagaimanakah cara mengatasinya, sebab dalam keadaan sekarang, kadang-kadang, dengan izin, they abuse of their visa untuk kerja-kerja lain, yang paling kita kluatir ialah dari segi melakukan kerja-kerja maksiat. Apa pendapat Ahli Yang Berhormat dalam perkara ini?

Dato' Goh Siow Huat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa pembantu-pembantu rumah yang datang ke negara kita, barangkali mereka sudah ada kontek dan memang mereka suka datang ke negara Malaysia atau negara yang bersekitaran, memang mereka hendak keluar daripada negara Indonesia, tetapi saya percaya barangkali majoriti yang menghilangkan diri ini adalah

mengambil peluang supaya dia dapat keluar dari negara mereka. Jadi, mereka cuma mengambil peluang itu keluar dari negara Indonesia dan dia bukan betul-betul hendak bekerja di Malaysia kita dan saya rasa kerajaan perlulah mengambil berat dengan membuat sedikit ruling atau undang-undang supaya mereka tidak dapat melalui cara ini dapat datang ke Malaysia dan gunakan pasport mereka datang ke sini dan dalam tempoh satu atau dua bulan akan menghilangkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada satu runtuhan blok bangunan sekolah yang sedang dibina sehingga tingkat satu telah berlaku di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil Rantau, SRJK(T) Rantau. Ini adalah satu insiden yang amat dirisaukan dan juga bernasib baik bangunan belum digunakan, jika tidak, sudah tentu ramai kanak-kanak sekolah ditimpa kemalangan. Saya difahamkan reka bentuk dan pembinaan bagi projek sekolah ini adalah oleh pihak konsultan swasta dan JKR cuma sebagai koordinator sahaja. Saya harap projek awam sekolah seperti ini, JKR perlu juga berkuasa dan bertanggungjawab untuk memberi jaminan kekuatan keselamatan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu dapat membaca dalam surat khabar tentang begitu ramai orang membantah pembinaan stesen pemancar telefon di atas bangunan pusat komersial dan kawasan kediaman kerana dipercayai stesen pemancar ini adalah membahayakan kesihatan manusia. Sehingga kini, Kementerian Kesihatan masih tidak dapat mengesahkan atau memastikan sama ada stesen pemancar telefon ini bahaya atau tidak ke atas kesihatan manusia dan walaupun bantahan adalah begitu banyak, didapati banyak stesen masih lagi dibina di atas bangunan tinggi kawasan kediaman.

Oleh itu, sebelum dapat dijamin stesen pemancar telefon ke atas kesihatan manusia, stesen-stesen yang telah dibina itu patutlah dipindahkan atau dirobohkan dan saya cadangkan pembinaan stesen pemancar ini hendaklah ke kawasan tinggi yang terpencil serta jauh daripada pusat business atau kawasan kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, ini di simpang-simpang jalan kawasan bandar ada terdapat papan-papan tanda mencatatkan nombor telefon *hotline* JKR atau kerajaan tempatan untuk memberi kemudahan kepada orang ramai melaporkan kerosakan awam. Ini adalah satu langkah kerajaan yang amat baik dan menunjukkan kerajaan mahu sentiasa memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada orang ramai. Tetapi, sayangnya talian ini selalu tidak dapat

layanannya atau tindakan yang sepatutnya daripada kakitangan-kakitangan yang bertugas, kebanyakan panggilan sama ada tidak dijawab atau dianggap sebagai panggilan tidak benar dan tidak ada tindak balas yang berkesan. Oleh itu saya harap kerajaan dapat mengkaji untuk mendapat satu kaedah atau alternatif yang lebih baik demi untuk meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Australia Barat perkhidmatan dan urusan kecemasan ambulans di negara ini adalah di bawah tanggungjawab St. John Ambulance. Perkhidmatan sukarelawan St. John Ambulance di negara itu adalah perkhidmatan kecemasan ambulans 24 jam iaitu *emergency service 24 hours*. Di Malaysia, pasukan sukarelawan St. John Ambulance juga ada perkhidmatan ambulans tetapi adalah perkhidmatan bukan kecemasan (*non-emergency service*). dengan izin. Setakat ini kawasan yang aktif adalah pasukan St. John Ambulance di Kelang, Selangor dan Seremban.

Saya ingin cadangkan kepada kerajaan supaya peruntukan khas dapat juga diberikan kepada pertubuhan NGO seperti St. John Ambulance ini untuk memberi galakan kepada sukarelawan kita menjalankan perkhidmatan dengan lebih berkesan. Jika boleh dapat menjalankan perkhidmatan kecemasan ambulans supaya dapat menolong pihak hospital, ini boleh merapatkan perhubungan kerajaan dengan pertubuhan sukarelawan NGO's dan juga dapat menambah kemudahan yang lebih luas kepada orang ramai dan seterusnya mengukuhkan hubungan kerajaan dengan rakyat.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sandakan.

2.46 ptg.

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada mulanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad atas pembentangan Belanjawan 2002 yang baik dari segi kemurahan dan pengembangan negara untuk mengatasi impak akibat kemelesetan di Amerika Syarikat khususnya dan ekonomi dunia amnya. Saya percaya belanjawan pada kali ini akan lebih menguntungkan dan memberikan faedah kepada semua lapisan masyarakat khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Langkah-langkah yang disasarkan adalah untuk

memperkuat ekonomi tempatan dan menimbulkan keyakinan pelaburan dan insentif pengguna-pengguna serta meningkatkan perbelanjaan pengguna-pengguna. Kita bertuah kerana pengasasan ekonomi Malaysia kukuh dan inflasi pada tahap rendah dan ini tidak menimbulkan masalah untuk membiayai belanjawan defisit ini. Rizab luar negeri negara kita berjumlah USD29.7 bilion dan ini cukup untuk membiayai 4.6 bulan pengimportan negara dan 6.2 kali hutang luar jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2002 ini dijangka diluluskan dan seterusnya melalui dengan pakej baru yang memberangsangkan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak RM4.3 bilion. Saya ingin memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan atas pengenalan pakej perangsang sebanyak RM4.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini. Pakej perangsang ini adalah tepat pada masanya dan akan memanjang untuk menjana aktiviti ekonomi dan mewujudkan kesan-kesan pendorong yang diperlukan oleh negara kita, khasnya pada masa negara kita dijangka menghadapi ke melesetan dalam pertumbuhan ekonomi akibat daripada kejadian serangan penganas di Amerika Syarikat.

Saya ingin membangkitkan hujah ini bahawa wang tersebut hendaklah dibelanjakan secara baik dan secara berkesan supaya dapat mencapai objektifnya. Saya amat gembira bahawa daripada jumlah itu, RM100 juta telah diperuntukkan kepada Sabah dalam bentuk projek-projek istimewa Minor, dan ini merupakan salah satu peruntukan yang terbesar di negara untuk projek-projek pembangunan ekonomi. Saya merayu kepada agensi-agensi kerajaan dan kerajaan tempatan supaya menyahut seruan Ketua Menteri Sabah untuk melaksanakan projek-projek tersebut dalam masa 3 bulan untuk melawan kemelesetan ekonomi global yang dijangkakan ada impak kepada Malaysia dan Sabah khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Sabah jauh ketinggalan di belakang berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Kami memerlukan jalan-jalan raya, hospital dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik supaya setaraf dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Pada masa ini peruntukan yang besar untuk pembangunan projek-projek luar bandar, infrastruktur major, bekalan air dan elektrik serta kemudahan-kemudahan asas lain yang amat diberi keutamaan kepada Sabah. Projek-projek ini akan menggiatkan ekonomi negeri Sabah yang telah dilanda oleh beberapa kejadian yang tidak menguntungkan. Contohnya, negeri Sabah memerlukan pelabuhan-pelabuhan yang lebih baik untuk pengangkutan barangan

dan industri estet memerlukan kemudahan bulking untuk kapasiti yang lebih tinggi. Kemajuan dalam infrastruktur asas diperlukan untuk menyokong pembangunan industri-industri major di Sabah. Pembangunan berterusan di kawasan bandar dan luar bandar diperlukan untuk merangsangkan ekonomi. Dengan cabaran-cabaran ekonomi yang kian meningkat, adalah perlu untuk Sabah berganding bahu dengan kerajaan pusat. Keutamaan hendaklah diberikan kepada aktiviti-aktiviti yang dapat menjana keuntungan supaya dapat memberikan kesan maksimum untuk menggerakkan ekonomi.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa dana diperlukan untuk menangani kemasukan pendatang haram ke dalam negeri Sabah yang menimbulkan banyak masalah sosial dan mengetatkan keselamatan di Sabah. Penghapusan masalah-masalah sosial yang tidak diingini yang ditimbulkan oleh pendatang-pendatang haram hendaklah dilaksanakan supaya industri pelancongan dapat berkembang iaitu industri yang difokuskan oleh negeri Sabah. Pada masa yang sama, jalan-jalan raya yang baik hendaklah dibina untuk sampai ke destinasi pelancongan. Contohnya, keadaan jalan raya yang teruk ke Sukau hendaklah dinaikkan taraf supaya eco-pelancongan di Sandakan dapat menarik pelawat-pelawat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, industri minyak kelapa sawit telah banyak menyumbang kepada pembangunan Sabah dan telah memperkukuhkan dasar ekonomi buat beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam masa sepuluh tahun kebelakangan ini, keluasan penanaman kelapa sawit di Sabah telah meningkat 5 kali ganda daripada 276,171 hektar kepada 1,000,727 hektar. Sebenarnya minyak kelapa sawit adalah komoditi penting perdagangan luar Sabah, hanya selepas petroleum mentah. Dari tempoh Januari 2001 hingga Julai 2001, keuntungan daripada minyak sawit berjumlah sebanyak RM1,869.2 juta dan menyumbang 25% daripada jumlah keuntungan eksport walaupun harga eskport f.o.b. rendah iaitu RM796 setan. Dengan penduduk dunia semakin bertambah dan permintaan minyak sawit dan barangan sawit di pasaran dunia meningkat, masa depan untuk industri ini adalah luas.

Banyaknya tanah yang terdapat di Sabah dan kesesuaiannya untuk penanaman kelapa sawit memberikan persaingan baik kepada Sabah dalam pembangunan industri ini. Sebenarnya selain tanaman ini, Sabah hendaklah memfokuskan pembangunan industri berasaskan tanah dan agro.

Dalam pasaran, kepenggunaan BIMP-EAGA mempunyai penduduk 40 juta adalah pasaran eksport yang sesuai untuk produk-produk sawit dari Sabah. BIMP-EAGA boleh menjadi tempat permulaan untuk Sabah membawa eksport sawit ke mercu kejayaan. Untuk membangunkan industri kelapa sawit di Sabah secara betul dan memberikan sokongan efektif, agensi-agensi persekutuan yang terlibat hendaklah membiasakan diri mereka dengan alam sekitar unit dan keadaan terkini di sini supaya objektif mengeluarkan kualiti baik dan produktiviti tinggi dapat dicapai. Dengan perancangan yang betul dan usaha yang mencukupi dalam bidang R & D, Sabah dapat memperkukuhkan statusnya sebagai negeri pengeluar minyak sawit utama, membawa keuntungan wang pertukaran asing yang amat diperlukan.

Untuk menambah keuntungan daripada minyak sawit, industri bawahan hendaklah dimajukan dan diperkembangkan. Lokasi yang sesuai untuk industri ini adalah di Pantai Timur Sabah di mana kebanyakan kawasan pengeluaran terletak di sini.

Ketua Menteri Sabah baru-baru ini mengadakan dialog dengan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) di Sandakan dan konsensus yang dicapai adalah untuk mencari jalan untuk meningkatkan status industri kelapa sawit di Sabah dengan bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri. Dalam hal ini, saya merayu ahli-ahli MPOA bekerjasama rapat dengan EPU dalam menambah nilai kepada minyak sawit dan makanan-makanan lain.

Kajian saintifik dan teknologi terkini dapat menolong memajukan pengeluaran. Ada potensi untuk pertumbuhan industri makanan di Sabah kalau diuruskan dengan baik dan menawarkan serta menjana keuntungan untuk masa depan dalam masa 10 hingga 15 tahun.

Kita haruslah mencontohi kejayaan negara-negara maju dalam pengeluaran pertanian seperti Australia dan New Zealand. Negara-negara ini telah membuktikan bahawa industri perkembangan makanan dan pengeluaran pertanian adalah paling sesuai dan industri utama dalam menjana keuntungan lumayan kepada negara-negara tersebut. Kita juga tidak mengetepikan kepentingan getah. Industri ini mempunyai masa depan yang menggalakkan, memandangkan penggunaannya yang pelbagai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berjaya membina Poliklinik Sandakan yang lengkap dengan kemudahan-

kemudahan perubatan yang diperlukan. Saya yakin bahawa ia akan memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh penduduk Sandakan dan mempromosikan kesihatan yang baik.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, ada rancangan untuk memulakan pembinaan wad pembedahan pesakit bertingkat di Hospital Kent. Ini menunjukkan bahawa kerajaan mengambil berat tentang kesihatan dan kebajikan rakyat. Saya yakin bahawa apabila projek ini siap dibina, kita dapat meningkatkan mutu perubatan di Sandakan.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa masih ada kekurangan jururawat-jururawat terlatih di Sandakan. Sebenarnya, keperluan jururawat-jururawat amat serius. Saya mencadangkan bahawa tanah bersebelah dengan tanah hospital kini dapat digunakan untuk pembinaan sekolah latihan jururawat. Ini haruslah diberikan keutamaan kerana bandar-bandar di Pantai Timur Sabah seperti Tawau dan Lahad Datu sudah ada hospital dan klinik sendiri. Oleh itu, tenaga terlatih khasnya jururawat terlatih amat diperlukan. Saya berharap agar kerajaan dapat menimbangkan permintaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memberi komen mengenai infrastruktur jalan raya, air dan elektrik di Sandakan. Pertama sekali, terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah meluluskan dua buah projek besar jalan raya di Sandakan yang sedang dalam pembinaan iaitu jalan raya *Sibuga Bypass* dan *Labuk Bypass*.

Saya telah difahamkan bahawa projek pembinaan jalan lintas *Sibuga Bypass* bernilai RM51 juta lebih dan projek naik taraf *Labuk Bypass* bernilai RM23 juta lebih telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat bagi pelaksanaan kedua-dua projek berkenaan dan yang terbaru, satu lagi projek besar pembinaan jalan raya telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan iaitu jalan raya Northern Ring Road. Bagi projek ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah peruntukan yang besar untuk pelaksanaannya.

Seluruh rakyat di Sandakan sangat mengalu-alukan pembinaan jalan raya ini. Mereka amat bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah memenuhi dan melaksanakan janji-janji semasa pilihan raya yang lalu. Saya pasti dengan adanya sistem perhubungan ini kelak, segala masalah kesesakan di bandar Sandakan akan dapat diatasi. Di samping itu juga, keadaan infrastruktur jalan raya di Sandakan akan lebih bertambah baik dan menjadi lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, syabas dan terima kasih juga kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas keprihatinan dan tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan sistem perkhidmatan bekalan elektrik di Sandakan. Kini Sandakan telah mempunyai dua loji janakuasa IPP yang telah dipertingkatkan dengan kuasa kapasiti 93 kilowatt di Seguntor dan Batu Sapi, Sandakan. Dengan bertambahnya kuasa kapasiti bekalan elektrik di Sandakan, masalah kekurangan bekalan elektrik tidak lagi ditimbulkan.

Walau bagaimanapun, masalah masih wujud terhadap gangguan bekalan elektrik yang sering terputus-putus berpunca daripada kabel-kabel dan talian transmisi lama yang belum diperbaiki. Masalah gangguan elektrik yang berlaku ini bukanlah satu perkara yang baru. Masalah ini telah ditimbulkan semenjak dari tahun 1997 lagi.

Saya telah difahamkan bahawa peruntukan sebanyak RM81 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat untuk menampung kos membaik pulih dan memperbaiki sistem kabel dan talian transmisi yang telah lama dan rosak. Namun sehingga kini, projek ini masih belum siap dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Kita juga masih lagi menunggu projek-projek besar yang sedang dijalankan seperti Projek Bakun di Sarawak dan Projek Kuasa Hidro elektrik Liwagu Fasa I dengan penggunaan kapasiti 400 Mega Watt yang sedang dijalankan dan dijangkakan siap menjelang 2005 nanti. Saya berharap semoga projek ini mampu mengatasi masalah gangguan elektrik untuk jangka masa yang panjang agar semua rakyat di Sandakan dapat menikmati perkhidmatan dan infrastruktur yang lebih selesa.

Satu lagi berita baik kepada seluruh penduduk di Sandakan di mana di dalam sebuah akhbar harian, Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga merupakan Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah telah mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat dan kerajaan akan sedia membantu untuk mengatasi masalah bekalan air di Sandakan.

Saya difahamkan Kerajaan Pusat telah memperuntukkan RM3 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelidikan, khidmat *engineering* dan seterusnya mempertingkatkan projek perluasan bekalan air. Projek ini dijangkakan menelan belanja sebanyak RM482 juta sehingga projek ini siap dengan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, saya berharap Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri mengkaji dan mengambil tindakan secepat mungkin untuk mengatasi masalah

mengenai hutang yang berbillion ringgit terhadap tiga buah syarikat penswastaaan dalam tempoh masa yang telah lama. Jika tidak, masalah ini mungkin menjejaskan perkhidmatan dan pembangunan projek air yang dijalankan secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kerajaan sedang berusaha memperkukuh dasar ekonomi negara, kita jangan lupa akan pentingnya mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Keharmonian antara rakyat yang berbilang bangsa hendaklah wujud setiap masa. Tidak seharusnya ada perbezaan antara rakyat. Keamanan dan kestabilan adalah tiang dan kemakmuran negara. Benarkan saya merayu kepada semua rakyat Malaysia tidak kira bangsa, agama, parti-parti politik supaya bersatu ke arah sebuah negara Malaysia yang aman, harmoni dan bersatu. Akhir sekali saya menyokong Belanjawan 2002. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

3.13 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan belanjawannya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa Belanjawan 2002 merupakan satu belanjawan yang amat penting bagi kita semua untuk menghadapi rintangan dan cabaran persekitaran luar yang semakin tidak menentu dan mencabar. Hari ini kita bukan sahaja kena berdepan dengan cabaran-cabaran globalisasi, liberalisasi dan gelombang digital. Dunia kini juga kena menghadapi cabaran dan masalah politik ekonomi dan keselamatan yang berlaku ekoran kejadian 11 September. Serangan ke atas Amerika Syarikat adalah satu jenayah kejam terhadap umat manusia dan dia harus dikutuk oleh semua pihak.

Amatlah dikesali bahawa apabila semua parti politik patut mengambil pendirian yang bersama atas tragedi ini, parti SUPP telah mengeksploitasi isu ini di pilihan raya Sarawak baru-baru ini. SUPP telah menjalankan satu, dengan izin, *terrorizing campaign* dengan menakutkan para pengundi. DAP mengutuk serangan ke atas WTC Amerika Syarikat dan DAP juga membantah serangan ke atas Afghanistan. Saya berharap bahawa cadangan DAP supaya satu *round table conference* diadakan untuk semua parti politik untuk mencari satu pendirian bersama atas kedua-dua kejadian ini dapat dipertimbangkan. Barisan Nasional terutama sekali UMNO haruslah mengambil inisiatif untuk memanggil *round table conference* ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum belanjawan dibentangkan, kerajaan telah mengumumkan pakej *pre-emptive* berjumlah RM 3 bilion pada March tahun ini dan pakej rangsangan tambahan berjumlah RM4.3 bilion pada bulan September ini. Kerajaan harus faham dan menerima hakikat bahawa Parlimen adalah tempat di mana polisi penting harus diperbahaskan. Sepatutnya kedua-dua package itu hendaklah dibentangkan di persidangan Parlimen. Kewibawaan Parlimen hendaklah dipertahankan dan kerajaan mestilah menghormati institusi demokrasi yang penting ini. Atas isu kewibawaan Parlimen adalah sangat dikesali bahawa walaupun Ahli Parlimen bagi Kinabatangan telah melakukan satu perbuatan yang menghina dan menjatuhkan maruah Parlimen, tiada apa-apa tindakan yang serius telah diambil terhadap beliau.

Saya telah digantung selama tiga hari daripada persidangan Parlimen pada 17 April tahun ini oleh kerana saya dituduh tidak mematuhi arahan Speaker. Seorang yang telah menjatuhkan maruah Parlimen begitu dilepaskan sahaja. Saya akan *pursue* perkara ini pada masa yang akan datang oleh kerana saya memandangkan perbuatan beliau adalah amat serius. Pertama, beliau bukan sahaja telah menggunakan bahasa kesat apabila saya menimbulkan isu di dalam Parlimen ini, tetapi beliau telah memfitnah dan menuduh bahawa Ahli Parlimen Tanjung telah menunjukkan tanda lucah yang sebenarnya tiada siapa pun yang nampak. Yang ketiga, apabila beliau diminta untuk meminta maaf kepada Dewan, beliau tidak menunjukkan apa-apa sikap yang ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bahawa strategi kerajaan untuk menggalakkan *consumers spending* adalah satu strategi yang agak betul, tetapi yang mustahak ialah sama ada kita boleh betul-betul menggalakkan keyakinan *investors* dan juga para pengguna. Memandangkan keadaan tidak menentu sekarang telah melanda dunia dan juga negara kita dan apabila keadaan begitu tidak menentu, memang bukan sahaja para pelabur dan juga para pengguna akan begitu *hasten and reluctant*, dengan izin untuk belanja, maka adalah tanggungjawab utama kerajaan untuk meyakinkan para pelabur dan juga para pengguna. Walau pun kerajaan telah mengumumkan pemberian bonus dan juga kenaikan gaji kepada pegawai dan kakitangan kerajaan, tetapi kalau kita bandingkan apa yang telah dinaikkan untuk menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, setiausaha politik, ini sebenarnya dalam *chicken feed* sahaja.

Saya pernah dedahkan di dalam Parlimen ini, Dewan yang bersidang pada 8 Ogos, di mana saya telah mendedahkan bahawa imbuhan tetap kerajaan pembantu rumah, pinjaman perumahan, pinjaman kereta, menerangkan rumah untuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, setiausaha politik naik dengan kadar yang begitu dahsyat. Tetapi malangnya, Yang Berhormat Menteri, Datuk Rais Yatim kalau tidak silap nanti telah mengelak daripada mengesahkan keadaan ini, walaupun saya tahu perkara ini adalah perkara yang sebenar.

Saya telah juga mendedahkan dalam tahun lalu bahawa kabinet telah mengadakan satu keputusan di mana kiraan gratuiti mereka untuk anggota kabinet telah ditukar di mana walau pun sepatutnya mereka mengikut formula yang telah ditetapkan dalam undang-undang tertentu tetapi bagi Jemaah Menteri, anggota mereka, had maksimum telah dibatalkan.

Bagi Ahli Parlimen, had maksimum ialah enam tahun dan bagi Jemaah Menteri nampaknya sekarang tidak ada had lagi. Saya memang berpendirian bahawa ini adalah menyalahi undang-undang, oleh kerana tanpa meminda jadual yang tertentu, Jemaah Menteri tidak ada kuasa langsung berbuat demikian. Kalau kita ingin mendapat keyakinan para pengguna, saya rasa satu perkara yang penting bagi kerajaan ialah dengan melaksanakan *open government, be transparent about it*, jangan buat secara curi-curi dan diam-diam. Selepas kita dedahkan dalam Parlimen, Menteri yang bertanggungjawab pun cuba mengelak daripada kebenarannya walaupun sebenarnya saya telah nampak jadual yang sama di atas meja dia, apabila saya berbincang dengannya. Ini bukanlah satu amalan yang baik, yang harus dilakukan oleh sebuah kerajaan yang sentiasa mengatakan bahawa ia adalah satu kerajaan yang adil, yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan petrol memang kalau kita mengikuti laporan akhbar, begitu ramai orang telah bimbang bahawa kenaikan petrol ini akan membawa inflasi yang akan membebankan mereka. Jadi saya bercadang, untuk membantu golongan bawahan, kerajaan seharusnya menimbang cadangan untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman untuk projek perumahan rendah, *low cost housing*. Dan saya juga mencadangkan walaupun kerajaan sentiasa menghebohkan bahawa Malaysia menghadapi ancaman dan militan, saya tidak percaya bahawa kita perlukan begitu banyak peruntukan untuk Kementerian Pertahanan. Maka saya mencadangkan supaya peruntukan yang begitu banyak

diberikan kepada Kementerian Pertahanan dikurangkan untuk memberikan sebagai subsidi kepada makanan.

Dengan mengurangkan harga makanan, maka lebih wang akan wujud di dalam negara kita dan dengan cara ini boleh menggalakkan *consumers spending*.

Walaupun saya telah katakan bahawa strategi kerajaan untuk menggalakkan *consumer's spending* adalah betul tetapi satu *message* yang agak *confusing* telah diberikan oleh kerajaan apabila kerajaan mengenakan cukai yang baru terutama sekali apabila restoran, *bars*, *snack bars*, *coffee house* dan kelab persendirian semuanya telah dikenakan cukai perkhidmatan apabila nilai jualan tahunan telah dikurangkan daripada RM500,000 kepada RM300,000. Jadi kalau kerajaan ingin menggalakkan *consumer's spending*, maka tidak haruslah kita menaikkan cukai di sana-sini tetapi masalah ialah selepas begitu banyak *bailout* nampaknya kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup untuk menyokong atau menampung insentif yang telah diputuskan untuk diberikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang saya harap boleh mendapat perhatian kerajaan iaitu berkenaan dengan '*sunflower project*', satu cadangan yang telah diutarakan, telah disampaikan kepada semua menteri kabinet dua tahun yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, *sunflower project* adalah satu cadangan yang telah didrafkan oleh para penternak khinzir untuk menyelamatkan sektor atau industri dan penternak khinzir. Dan begitu ramai orang telah hilang pekerjaan – lebih daripada 100 orang telah mati ekoran berlakunya wabak JE dan industri yang berharga RM2.5 bilion itu telah runtuh dan 5,000 orang telah hilang pekerjaan.

Baru-baru ini seorang pakar yang bertanggungjawab ke atas kajian virus itu iaitu Profesor C.T. Tan daripada Universiti Hospital telah mengesahkan bahawa kelawar atau *bat* yang bertanggungjawab ke atas virus JE ini, bukan khinzir, maka saya tidak nampak apa-apa sebab kerajaan tidak boleh membenarkan aktiviti penternakan khinzir diteruskan di Bukit Pelanduk atau di Negeri Sembilan. Sebenarnya aktiviti menternak khinzir sekarang memang wujud dan dibenarkan di tiap-tiap negeri kecuali Negeri Sembilan.

Jadi janganlah kerajaan membiarkan penduduk-penduduk atau para penternak khinzir di Bukit Pelanduk terus mengambil sikap bahawa kerajaan memang mempunyai prejudis terhadap mereka. Oleh kerana walaupun industri ini telah runtuh dan mereka telah banyak menderita, sehingga hari ini mereka tidak nampak apa-apa bantuan konkrit yang telah dihulurkan oleh kerajaan. MCA telah

mengutip lebih daripada RM10 juta untuk membantu mereka; walaupun ada penyelewengan kerana kerajaan telah melalui cabutan loteri khas mengutip sebanyak RM155 juta untuk membayar sebagai *ex-gratia payment* untuk pelupusan khinzir. Semua ini adalah wang rakyat, bukan wang kerajaan. Jadi mereka telah menganggap kerajaan adalah satu kerajaan yang nampaknya mempunyai prejudis terhadap mereka, dan masa telah sampai untuk kerajaan membuktikan bahawa kerajaan sanggup membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat *over-supply of properties*, dengan izin, sama ada harta kediaman atau perdagangan di Malaysia, kerajaan harus memberikan insentif yang boleh membantu pemaju-pemaju menjual rumah-rumah dan kedai-kedai yang terbengkalai. Salah satu sebab rumah-rumah dan kedai-kedai terbengkalai ialah kuota rezab yang ekstrem yang dikenakan oleh kerajaan negeri, umpamanya di Melaka. Tiada suatu had tempoh dikenakan maka kuota rizab itu akan dikekalkan walaupun tiada sesiapa hendak membeli unit-unit yang telah dirizabkan.

Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan mengeluarkan satu garis panduan yang uniform untuk semua negeri supaya orang yang ekstremis seperti Ketua Menteri Melaka tidak akan membebankan rakyat, membawa penderitaan kepada beberapa pemaju dan juga pembeli dengan tindakannya yang ekstrem.

Tuan Yang di-Pertua, insentif yang diberikan kepada sektor pendidikan adalah dialu-alukan. Akan tetapi Kementerian Pendidikan harus bekerjasama dengan IPTS untuk memastikan insentif yang diberikan itu akan membawa manfaat kepada rakyat iaitu IPTS hendaklah memberikan *quality and affordable education* selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai *centre of educational excellence*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin menyentuh perkara negara Islam. Berapa minit lagi, boleh saya tahu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cuma ada lagi sepuluh minit.

Tuan Kerk Kim Hock: Sepuluh minit ya? Tuan Yang di-Pertua, pada 22 September tahun ini, DAP telah memutuskan untuk keluar dari Barisan Alternatif ekoran kegagalan DAP dan PAS untuk menyelesaikan kontroversi negara Islam. Pendirian DAP atas isu negara Islam tidak bermakna bahawa kami adalah anti-Islam atau anti-Melayu. Kami tidak pernah memburuk-burukkan imej atau konsep negara

Islam seperti apa yang dilakukan oleh komponen parti Barisan Nasional terutama sekali parti MCA, Gerakan dan SUPP. DAP memang menghormati falsafah dan ideologi parti lain walaupun kami tidak setuju dengan ideologi mereka. Falsafah kami ialah, dengan izin, *“we are committed to the struggle for a free, democratic socialist Malaysian-Malaysia based on the principles of human rights, equality, social and economic justice and founded on the constitution of parliamentary democracy”*.

Sejak penubuhan parti kami pada tahun 1966, memang kami telah berjuang untuk mewujudkan satu masyarakat yang demokratik sekular, yang bersatu-padu, makmur dan adil. Kami akan tetap mempertahankan jaminan dan prinsip Perlembagaan negara kita iaitu “Malaysia adalah sebuah negara demokrasi yang sekular”. Sebenarnya Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman telah berkata di dalam Parlimen pada tahun 1958 bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara Islam. Saya *quote* apa yang Tunku berkata pada masa itu, dengan izin, *“I would like to make it clear that this country is not an Islamic state as it is generally understood. We merely provide that Islam shall be the official religion of the State”*.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Sepanjang 44 tahun lalu, tidak ada apa-apa pindaan kepada Perlembagaan Malaysia untuk mengubah jaminan Tunku Abdul Rahman bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam. Maka Kerajaan Barisan Nasional adalah terikat untuk terus menuruti maksud tersurat dan tersirat para penggubal Perlembagaan Merdeka tahun 1957 seperti yang diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman. Kertas Putih mengenai Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Reid yang dibentangkan oleh Kerajaan Perikatan telah juga dengan jelasnya mengisytiharkan bahawa “negara kita yang dibentuk pada 31 Ogos 1957 telah ditubuhkan sebagai negara sekular”. Kertas Putih yang berkenaan berbunyi, dengan izin,

“57. There has been included in a proposed Federal Constitution a declaration that Islam is the religion of the Federation. This will, in no way, affect the present position of the Federation as a secular state and every person will have the right to profess and practise its own religion and the right to propagate his religion.

Though this last right is subject to restrictions imposed by State law relating to the propagation of any religious doctrine or belief among persons professing the Muslim religion”.

Prinsip Perlembagaan asas bahawa Malaysia adalah negara sekular juga telah disahkan oleh Federal Court di dalam keputusan kes Che Omar bin Che Soh lawan Pendakwa Raya tahun 1988.

Ketika menyampaikan penghakiman panel lima hakim Mahkamah Persekutuan, Ketua Hakim Negara ketika itu Tun Syed Abbas memutuskan bahawa Perlembagaan dan sistem perundangan adalah sekular dan bahawa makna perkataan Islam atau agama Islam dalam Perkara 3 membawa maksud, *“Perbuatan-perbuatan yang berkait dengan upacara dan istiadat sahaja.”*

Beliau berkata tidak terdapat keraguan bahawa Islam bukan sekadar koleksi dogma atau amalan semata-mata tetapi adalah suatu sistem hidup menyeluruh yang merangkumi segala bidang kegiatan manusia baik peribadi atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, moral atau kehakiman, tetapi beliau menolak hujahan bahawa istilah Islam atau agama Islam di dalam Perkara 3 adalah suatu konsep yang merangkumi segala-galanya seperti yang lazimnya dipercayai yang mengandungi bukan sahaja aspek upacara amal tetapi juga suatu sistem hidup menyeluruh termasuk jurisprudence dan standard moralnya. Oleh sebab ini bukan makna yang diniatkan oleh para penggubal Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, penghakiman Tun Salleh Abas bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular adalah selaras dengan tafsiran Ketua Hakim Negara sebelum beliau, Allahyarham Tun Mohamad Sufian Hashim, yang telah mendefinisikan skop Islam di dalam Perlembagaan pada tahun 1962 sebagai terutamanya bagi tujuan-tujuan istiadat seperti kebenaran untuk doa-doa dibuat menurut cara Islam pada hari-hari awam rasmi yang melibatkan pelantikan dan hari jadi Yang di-Pertuan Agong, Hari Merdeka dan seumpamanya.

Pendirian DAP ialah jaminan dan prinsip asas perlembagaan Malaysia adalah sebuah negara sekular dan kami tetap berpendirian bahawa Malaysia hendaklah kekal sebagai sebuah negara demokratik yang sekular.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, MCA telah memberitahu rakyat Cina melalui kenyataan Bahasa Cina bahawa mereka memang menyokong deklarasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana mereka menyokong sebuah secular Islamic state. Ini cuma dikeluarkan dalam kenyataan Bahasa Cina dan saya masih ingat

apabila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menimbulkan perkara ini Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menentang dengan kuatnya. Dan saya ingin menjelaskan di sini bahawa ini bukan apa yang kita kata, seperti apa yang saya kata tadi. Walaupun kita tidak dapat menerima penubuhan negara Islam di negara kita ini tetapi kita tidak akan memutar-belitkan fakta atau memburukkan konsep negara Islam.

Kita pernah mengatakan bahawa apa yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah secular Islamic state. Ini telah dikatakan oleh MCA sendiri dan saya tahu parti SUPP juga telah menyifatkan deklarasi yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat itu ialah democratic Islamic state .

Saya tidak tahu sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sanggup menjawab versi-versi yang diisytiharkan oleh komponen parti lain tetapi nampaknya mereka sanggup membuat penafsiran sendiri untuk keperluan politik. Saya dapat baca di sini *The Star [Menunjukkan salinan potongan akhbar]* bahawa Dato' Seri Ling Liong Sik telah mengatakan Malaysia is not a theocratic state.

Saya rasa bahawa Yang Berhormat bagi Labis sendiri pun tidak tahu bahawa apabila beliau kata Malaysia is not a theocratic state, therefore it is secular. Beliau kemungkinan tidak tahu bahawa PAS juga menentang theocratic state. Ada orang yang mengatakan bahawa Islamic state yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu Islamic state yang moden , tetapi pada DAP asas Perlembagaan kita ialah Malaysia harus kekal sebagai satu negara sekular dan memang ini adalah pendirian kita.

Saya menyesal apa yang telah berlaku apabila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berucap oleh kerana memang semua rakyat Malaysia mempunyai hak untuk sama-sama membincangkan isu yang akan membawa implikasi yang besar sekali kepada negara ini terutama sekali dalam tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Beluran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuaran, Tuaran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran , sorry.

3.37 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Ketawa]* Terima kasih. Beluran sudah balik, Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Belanjawan Tahun 2002 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat 19 Oktober 2001 yang lalu. Masa 30 minit yang diberikan kepada saya akan menyentuh tiga aspek utama iaitu pendidikan, kewarganegaraan dan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mukadimah saya selaku wakil rakyat daripada kawasan saya yang sebahagian besar daripada rakyatnya terdiri daripada orang-orang luar bandar mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Belanjawan yang saya sifatkan sebagai mesra pembangunan luar bandar.

Saya juga mengalu-alukan jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pengagihan kekayaan negara di antara luar bandar dan bandar serta di antara negeri yang maju dan kurang maju akan terus diperseimbangkan apabila mengagih-agihkan peruntukan di bawah Belanjawan Tahun 2002 ini.

Saya juga bergembira kerana pendidikan terus diberi peruntukan yang terbesar iaitu 23.4% daripada jumlah keseluruhan Belanjawan berbanding dengan 7.9% dan 7.3% masing-masing untuk pertahanan dan kesihatan. Langkah ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional amat peka dengan peranan pendidikan sebagai teras pembinaan dan pembangunan negara kita.

Walaupun Belanjawan ini pada prinsipnya adalah satu Belanjawan yang berfokus kepada proses merangsang pertumbuhan ekonomi negara sebagai langkah untuk menangani kesan kelembapan ekonomi global tetapi bagi kita di luar bandar Belanjawan ini adalah satu hikmah di sebalik keadaan ekonomi global yang kian merudum. Sebab itulah kunci kepada kejayaan Belanjawan Tahun 2002 ini adalah perlaksanaan projek-projek kecil luar bandar yang berhemah dan efisien termasuklah pembinaan kemudahan prasarana pendidikan di kawasan luar bandar.

Mudah-mudahan limpahan perlaksanaan projek ini akan memberi manfaat secara meluas kepada rakyat dan negara kita keseluruhannya. Dalam konteks ini kerajaan kena pantau keberkesanan perlaksanaan projek-projek di bawah Belanjawan ini. Dalam masa yang sama kerajaan juga hendaklah memastikan supaya perlaksanaan projek-projek mahupun program-program dalam Belanjawan ini dipandu dan terbimbing dengan semua perakuan dan garis panduan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (OPP3).

Sebagai contoh, OPP3 ada menyatakan dengan tegas dalam 10 tahun akan datang mulai tahun 2000 kerajaan akan mempertingkatkan ekuiti penyertaan bumiputera minoriti di negara ini termasuklah suku bangsa Iban, Kadazandusun, Bidayuh, Bajau, Murut, Orang Asli dan sebagainya.

Jadi, saya berharap apabila melantik atau memilih para pelaksana projek itu tolonglah daftarkan dalam fikiran para pembuat keputusan kerajaan supaya melantik secara terancang anak-anak bumiputera kita daripada kalangan minoriti seperti mana yang diperakui oleh OPP3 itu. Janganlah para kontraktor hanya dipilih daripada satu kumpulan yang sudah berkali-kali atau mempunyai kerja berbilion-bilion, orang kata dia sahaja yang dapat, orang lain putih mata.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam soal pendidikan, izinkan saya nyatakan beberapa perkara yang dinyatakan dalam laporan Ketua Audit Negara Tahun 2000 untuk perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan soal penyelenggaraan serta pembangunan prasarana pendidikan. Teguran Audit Negara di perenggan 18.4.3 berbunyi, "Mengikut amalan masa kini sebarang masalah berkaitan dengan prasarana pendidikan akan dilaporkan oleh pihak sekolah kepada Jabatan Pendidikan Negeri yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya."

Antara masalah yang dilaporkan itu ialah mengenai kerosakan prasarana yang memerlukan pembaikan dan masalah kekurangan kemudahan prasarana. Walau bagaimanapun, pihak audit mendapati laporan-laporan tersebut tidak dimaklumkan kepada kementerian. Saya ulang, pihak audit mendapati laporan-laporan tersebut tidak dimaklumkan kepada kementerian. Sebaliknya, pihak Jabatan Pendidikan Negeri hanya mengambil tindakan ke atas laporan-laporan yang diterima secara *ad hoc*. Kelemahan dari segi pemantauan adalah kerana pihak kementerian atau Jabatan Pendidikan Negeri tidak mempunyai sistem pemantauan terhadap prasarana di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, pemartabatan sistem pendidikan negara kita adalah perjuangan kita bersama. Dalam soal ini, sejak dipilih sebagai Ahli Parlimen pada November 1999, saya telah menyatakan masalah prasarana pendidikan di luar bandar dalam setiap kesempatan di Dewan yang mulia ini. Pernah juga saya ditegur oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Sungai Petani iaitu Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, apabila saya menyatakan pelbagai masalah prasarana pendidikan di kawasan saya di Tuaran. Beliau menegur saya, kononnya saya hanya

cuba memberikan gambaran yang buruk atau memperbesar-besarkan isu kecil berhubung dengan pendidikan di kawasan saya dan di Sabah amnya.

Pada ketika itu Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar hairan dan terkilan kenapa saya dituduh begitu sedangkan saya selaku wakil rakyat kerajaan, dengan mata dan pengalaman sendiri, melihat kedudukan prasarana pendidikan di kawasan saya, dengan mata sendiri. Saya pada ketika itu tidak faham dari mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mendapat maklumat?

Tuan Yang di-Pertua, setelah membaca laporan Ketua Audit Negara tahun 2000, maka barulah saya faham. Rupa-rupanya, Kementerian Pendidikan kita ini tidak mempunyai sistem pemantauan tentang kerosakan-kerosakan ataupun permasalahan tentang prasarana pendidikan di negara kita. Jabatan Pendidikan Negeri hanya memberi maklumat kepada kementerian secara *ad hoc* iaitu, apabila menerima aduan tentang adanya masalah daripada orang awam. Jadi, barangkali apabila saya sebut di Parlimen, bila saya sentuh di sini, maka para pegawai di kementerian pun diberilah arahan bertanya kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan sudah tentu dia tidak mempunyai maklumat yang tersusun rapi tentang keadaan tiap-tiap prasarana di kawasan saya. Jadi, beri sahajalah *general statement*. "Ah!...that YB is giving a bad picture of the educational facilities in constituency" dengan izin, itu sahaja dia cakap, *general statement*.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersungguh-sungguh. Bukan niat jahat saya menyatakan semua itu di Dewan yang mulia ini. Bukan niat saya untuk memburuk-burukkan prestasi kerja, mana-mana Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen ataupun mana-mana pegawai di kementerian atau di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Apa motif saya berbuat demikian? Tidak ada motif. Tuan Yang di-Pertua, niat saya hanya satu iaitu membantu kerajaan, menjadikan negara kita pusat kecemerlangan pendidikan dan agar rakyat di luar bandar pun dapat bersama-sama menikmati kecemerlangan tersebut. Pendek kata, kita mahu memastikan supaya rakyat di luar bandar terbela, itu sahaja dan tiada motif lain.

Oleh itu, dalam soal prasarana pendidikan ini, saya tidak menyalahkan mana-mana pihak di Kementerian Pendidikan sebab mereka ini tidak mendapat maklumat yang tersusun rapi atau secara sistematik, tepat serta betul tentang keadaan semasa mana-mana prasarana pendidikan. *They do not have information of the tip of their finger. They do not have it, they didn't click of the button* dengan izin. Kenapa, apa sebab, audit bercakap dan laporan audit, kementerian tidak ada Unit Pemantau di

Jabatan Pendidikan Negeri. Kenapa tidak ada Unit Pemantau? Dia jawab, "*Tidak ada kakitangan, tidak cukup kakitangan, tidak cukup duit, pertolongan terhad*".

Jadi, di sinilah, saya ingin minta penjelasan daripada menteri. Sila beritahu Dewan yang mulia ini, bilakah Unit Pemantauan itu akan diwujudkan? Kalau boleh, saya cadangkan pasal duit itu, dimuatkan sahaja dalam Belanjawan 2002 ini. Jangan lagi beralih-dalih. Bak kata pepatah, kalau hendak seribu daya, kalau tidak seribu dalih, beralih-dalih. Hujung-hujung kita orang yang kena. Di katakan memberi gambaran buruk tetapi barangkali Menteri sendiri tidak dapat maklumat yang tepat tentang keadaan prasarana semasa.

Perkara ini amat serius, bukan main-main Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan saya, anak-anak didik kita yang baru-baru berumur enam tahun masih lagi terpaksa bangun sebelum matahari terbit dan berjalan kaki berjam-jam untuk sampai ke sekolah, ini benar. Kanak-kanak ini memerlukan asrama desa dan saya sudah sebut beberapa kali. Dalam Belanjawan 2000, peruntukan untuk asrama desa zero, kosong, tiada. Ini bukan gurauan, ini bukan mainan. Saya fikir *it does not take long for the Guru Besar or the PIBG Chairman* dengan izin, *to make a periodic report to the PPD* dan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri. Pengalaman saya, setiap kali saya melawat mana-mana sekolah, ada sahaja surat cinta, ada sahaja permohonan daripada pihak sekolah. Apabila kita menerima surat permohonan ini, sememangnya pun kita dapat lihat bahawa diperlukan sebab sememangnya kita memerlukan prasaranapendidikan yang lebih baik di luar bandar.

Jadi, dalam laporan audit akan datang, kita tidak mahu lagi mendapat penjelasan yang mengatakan, "Masalah ini adalah berpunca daripada kekurangan kakitangan di samping peruntukan kewangan untuk memantau adalah terhad". Penjelasan ini seolah-olah oleh sebab kita kekurangan kakitangan, masalah ini terpaksa berlarutan. Kita tidak mahu lagi penjelasan seperti ini dalam laporan audit pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan bangunan-bangunan sekolah, rumah-rumah guru, asrama-asrama dan prasarana pendidikan yang kian meningkat di seluruh negara sudah sampai masanya baik kerajaan untuk mewujudkan sistem pemantauan prasarana pendidikan. Jadi, diwujudkan sahajalah Unit Pemantauan di Jabatan Pendidikan Negeri dan berilah peruntukan kewangan secukupnya bermula barangkali dalam Belanjawan 2002 ini. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, *how can you manage government properties when you don't even maintain of database of the*

current condition of those building and other development needs for education infrastructure dengan izin. Bagaimana kita mahu memantau. Tentu sekali sistem ini bila ada diwujudkan, bukanlah satu sistem yang *foolproof* dengan izin, tetapi kita pasti kerajaan akan mempertingkatkan perkhidmatannya kepada rakyat dalam soal pendidikan dengan lebih baik.

Untuk ini, sekali lagi saya mohon supaya taraf Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) di Sabah dan di Sarawak dinaiktarafkan sama dengan PPD yang ada di Semenanjung. Berilah ia sedikit kuasa. Berilah sedikit bukan sahaja kuasa tetapi, keselesaan dari segi menjalankan tugas. Pada hari ini, PPD yang ada di Sabah dan Sarawak, mereka tidak dapat menguasai sekolah-sekolah menengah, hanya guru-guru besar yang mendengar kepada PPD sebab taraf Guru Besar, pengetua sekolah menengah dengan PPD sama.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya seperti juga dengan beberapa teman-teman di Dewan yang mulia ini, saya juga ingin menyentuh tentang sistem meritokrasi kemasukan dalam IPTA yang akan dimulakan pada tahun hadapan. Bagi saya prinsip meritokrasi itu boleh mendatangkan persaingan yang sihat di antara pelajar selain memberi mereka motivasi untuk meneroka yang terbaik. Walau bagaimanapun, saya tertanya-tanya apakah pelaksanaan ini wajar dilaksanakan secara menyeluruh ataupun *a blanket ruling*, dengan izin. Kita semua tahu jurang yang begitu besar yang wujud di antara pelajar di bandar dan di kawasan terpencil dalam soal prasarana, dalam soal kualiti tenaga pengajar dan dalam soal suasana pembelajaran.

Kenyataan oleh Ketua Pengarah Pendidikan baru-baru ini yang mengatakan bahawa kemasukan ke IPTA bagi tahun hadapan akan hanya berasaskan kepada pencapaian akademik sedikit sebanyak membimbangkan para ibu bapa dan para pelajar di luar bandar khususnya di kawasan terpencil. Ini adalah disebabkan *the playing field is not level*. Itu sebabnya. *The better teachers will not under normal circumstances serve in the remote places*, dengan izin. Apakah adil untuk menetapkan hanya mereka yang mendapat 7A atau 8A dalam peperiksaan SPM yang boleh masuk IPTA. Kalau inilah ketetapannya maka pelajar kami di kawasan terpencil yang memang pun sudah agak keterbelakangan memanglah tidak akan mendapat peluang. Dan ada pula kata-kata yang saya anggap sedikit sensitiflah yang mengatakan biarlah orang-orang hulu ini memasuki kolej-kolej komuniti ataupun Institut Latihan Perindustrian sahaja sebab mereka mengatakan yang kami

ini tiada kelayakan akademik untuk masuk IPTA. Aduh, saya mengatakan itu sakit. Negara ini negara kita, hak kita sama. Kami di kawasan terpencil perlu bimbingan dan pembelaan. *So, we can really do without those* cemuhanlah, dengan izin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya pohonlah supaya kerajaan mempertimbangkan pewujudan satu *handicapping system*, dengan izin, dalam soal kemasukan para pelajar ke IPTA. Sistem ini akan membolehkan para pelajar daripada kawasan terpencil mendapat peluang sama rata dengan para pelajar di bandar-bandar yang mempunyai prasarana yang jauh lebih baik. Dengan demikian, pelajar terbaik dari luar bandar diberikan peluang ke IPTA tanpa mengira sama ada mereka mendapat A ataupun tidak. Yang penting mereka adalah pelajar terbaik. Sudah terbukti bahawa murid-murid yang mendapat B pun mampu mendapat pencapaian terbaik termasuk mengalahkan mereka yang *straight A's* apabila diberi peluang di peringkat yang lebih tinggi. Saya yakin kami yang datang dari kawasan terpencil di Sabah mampu bersaing dengan yang lain andai kata diberi peluang yang sama.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Bukit Mertajam bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebentar-sebentar. Panjang hendak cerita ini. Jadi, selagi prasarana pendidikan luar bandar di Sabah tidak dipertingkatkan, *right assure, we will continue to pursue this matter*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara berhubung dengan pendidikan ialah kemasukan pelajar asing dalam sistem persekolahan negara kita. Saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Setakat ini saya belum puas hati dengan jawapan-jawapan sama ada secara bertulis mahupun cara lisan yang telah diberikan dalam soal ini. Kadang-kadang saya rasakan seolah-olah ada maklumat yang disorok dalam soal pelajar asing di sekolah-sekolah kerajaan. Dalam soalan lisan saya semalam sebagai contoh, saya minta senarai sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar asing. Yang dia jawab, dia beri pula saya bilangan pelajar-pelajar asing. Dia tidak bagi senarai sekolah. Kalau beginilah hendak jawab soalan peperiksaan dia tetap gagal. Kita tanya begini, dia jawab lain. Apa hendak sorok-sorok, bagi tahu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, laporan audit perenggan 27.1.2 menyatakan "Kerajaan Persekutuan telah menetapkan sejak tahun 1995 supaya pelajar-pelajar asing yang

menuntut di sekolah-sekolah di Malaysia dikenakan yuran pelajar asing." Mengikut peraturan itu, "Pelajar asing adalah mereka yang tidak mempunyai sijil beranak dan bapanya bukan warganegara Malaysia ataupun bukan penduduk tetap atau penduduk sementara." Tidak ada sijil beranak punya orang. "Kadar bayaran yuran yang dikenakan ialah RM120 setahun bagi setiap pelajar sekolah rendah dan RM240 setahun bagi setiap pelajar sekolah menengah. Pihak sekolah adalah bertanggungjawab untuk memungut yuran daripada pelajar asing ini. Semakan audit di 76 sekolah mendapati 44 sekolah berjaya memungut yuran tersebut dengan teratur, manakala 32 sekolah yang lain gagal memungutnya. Berdasarkan perkiraan audit, jumlah pelajar asing yang gagal dipungut oleh 32 sekolah berkenaan bagi tempoh tahun 1997 hingga November 2000 adalah RM66,171."

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan di sini bukan soal jumlah RM66,171 ini, bukan fasal yang tidak dikutip itu. Persoalan di sini ialah *the rule of law*, keluhuran undang-undang. Laporan audit menyatakan "Pelajar asing ialah mereka yang tidak mempunyai sijil beranak dan bapanya bukan warganegara Malaysia atau bukan penduduk tetap ataupun sementara." Persoalan saya ialah adakah pihak kementerian telah mengguna pakai undang-undang imigresen. Orang asing mesti ada pasport antarabangsa kalau mahu bersekolah di negara kita. Macam juga kalau kita bersekolah di England atau di Australia kita kena pakai pasport antarabangsa. Jadi, kenapa dalam soal ini pihak imigresen telah turut berdiam diri. Kenapa tidak diambil tindakan? Orang masuk tanpa sijil beranak. Orang tempatan apabila mendaftar masuk ke sekolah mesti ada sijil beranak, tetapi orang asing tidak ada sijil beranak boleh masuk. Ini yang menghairankan. Bagi saya ini adalah satu krisis dalam pelaksanaan undang-undang negara kita. Jadi, saya pohonlah beri penjelasan, orang tidak ada sijil beranak boleh masuk sekolah. Minta penjelasan, orang asing pula itu. Dan nyatakanlah senarai sekolah-sekolah itu, tidak perlu sorok-sorok, bagi tahu 70 lebih sekolah, senaraikan bagi tahu Dewan ini. Kalau tidak bagi tahu pun, bagilah salinan kepada kamilah.

Tuan Yang di-Pertua, menurut data yang lepas daripada Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah baru-baru ini bahawa terdapat lebih 2.4 juta penduduk di Sabah bagi tahun 2001. Barangkali ini mengikut banci penduduk tahun 2000. Tetapi lebih satu juta daripada mereka tidak mempunyai sijil beranak. Ini diberitahu sendiri oleh Timbalan Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah lebih sejuta

tidak ada sijil beranak. Sudah tentu hal ini merumitkan lagi keadaan dan kita tidak tahu siapa yang satu juta yang tidak ada sijil beranak ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sungai Petani bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Masa pendek. *[Disampuk]* Kalau tidak habis, kalau ada masa nanti bagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai rakyat asing dan pendatang tanpa izin adalah di antara isu yang paling rumit di Sabah. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah yang ada sekarang telah mengambil isu ini sebagai salah satu agenda penting dalam pentadbiran beliau *He call it one of the sin in Sabah to illegal immigrant*, dengan izin.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Keningau bahawa isu ini bukan satu isu lapuk. *This is one issue in Sabah where we all would like to see the light of the end in the tunnel*, dengan izin. Ini bukan isu pembangkang dan ini juga bukan isu Barisan Nasional. Ini adalah isu rakyat. Ini adalah masalah nasional, masalah Malaysia dan bukan masalah Sabah. *This is our problem together*. Bayangkanlah setengah juta pendatang asing di Sabah, pekerja asing ataupun pendatang tanpa izin dan kita ambil dia dan kita bagi-bagi pada tiap-tiap negeri di Malaysia, tetapi sekarang ini kita di Sabah yang dibebankan.

Ingatlah Tuan Yang di-Pertua, ramai PPI daripada Filipina berada di Sabah. Kerajaan Filipina pula menuntut hak ke atas Sabah. Syukurlah kerana menurut laporan akhbar semalam pihak *International Court of Justice* yang terdiri daripada 15 hakim telah menolak permohonan Kerajaan Filipina untuk turut campur dalam tuntutan bertindih daripada negara kita Malaysia dan Indonesia terhadap Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan.

Penolakan keinginan Filipina itu adalah satu kemenangan awal bagi Malaysia amnya dan Sabah khususnya. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Wisma Putra di atas kejayaannya.

Kita juga berharap agar pihak Wisma Putra akan mendapat persetujuan daripada Kerajaan Filipina untuk melaksanakan Perjanjian Davao iaitu bagi Kerajaan Filipina mendirikan Pejabat Konsulat di Kota Kinabalu dan bukan hanya Pejabat Kebudayaan dan Ekonomi seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah semalam yang dilaporkan dalam akhbar pada hari ini. Yang kita mahu ialah konsulat. Tindakan Kerajaan Filipina ini bererti bahawa

mereka masih lagi bermimpi dan bercita-cita menuntut hak ke atas Sabah. Dia tidak tubuh konsulat sebab dia mengatakan: "*How can I establish a consulate in my own territory?*" - dengan izin. Kita berdoa agar hubungan baik di antara Malaysia dengan Filipina yang sedia ada akan berakhir dengan Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.

So, itulah kerajaan perlu memperhebatkan usaha melalui saluran-saluran diplomasi untuk menangani cabaran negara kita yang amat penting ini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tebrau bangun

Tuan Wilfred Madius Tangau: Boleh saya sambung panjang sedikit lagi? Nanti saya bagi lepas ini, terima kasih.

Harapan kami dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, lebih tinggi daripada Gunung Kinabalu. Ini ialah kerana rakyat di Sabah seolah-olah tidak akan pernah terlepas daripada belenggu ketakutan. Saya pun takut, Tun. Di depan rumah saya ada tiga rumah pendatang tanpa izin dan apabila saya datang ke Parlimen, fikiran saya adalah dengan anak-anak saya kalau-kalau dia masuk ke rumah. Dan ini sudah berlaku. Kita berada dalam ketakutan. Memang benar inilah tahap keselamatan di negeri Sabah.

Untuk pengetahuan Dewan ini, saya sendiri sudah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam soal ini tetapi belum lagi selesai. Di depan rumah saya - bukan tempat lain - di depan rumah rasa takut itu masih ada. Dahulu kumpulan pengganas dari negara jiran membuat cerita kita tersebar di seluruh dunia. Tidak cukup itu, isu pelarian dan pendatang tanpa izin seolah-olah membuat kami begitu tertekan dari segi mental. Malah baru dua hari yang lalu, tentera laut kita berbalas tembakan dengan orang-orang yang bersenjata dari pulau yang datangnya dari negara jiran di Pantai Timur Sabah. Mujurlah tiada anggota keselamatan kita yang cedera. Sebaliknya saya agak kecewa kerana dua orang yang dipercayai rakyat asing itu terjun ke laut dan gagal ditangkap. Semoga 12 penumpang yang kini ditahan polis akan memberikan pihak keselamatan kita lebih banyak maklumat agar tindakan berpatutan akan diambil. Justeru itu kejadian seperti itu menyebabkan kami tidak akan terlalu beria-ia untuk berjalan-jalan di kawasan tertentu kerana kehadiran PTI ini.

Sejak akhir-akhir ini pula krisis yang tercetus ekoran serangan 11 September di Amerika turut memberikan kesan negatif terhadap soal keselamatan ini. Saya

agak terkilan kerana Dewan yang mulia ini pun ada kalanya menjadikan istilah seperti Taliban sebagai bahan seloroh, bahan gurauan dan bahan jenaka. Kita tertawa. Tetapi sedarkah kita bahawa masalah berkaitan *terrorism* ini begitu nyata di kalangan kita? Saya difahamkan ada beberapa rakyat Pakistan yang berniaga di Sabah telah bersiap sedia untuk pulang ke negara mereka untuk menentang Amerika. Orang-orang Pakistan ini kita tidak tahu sama ada mereka ini berada di Malaysia secara sah ataupun secara haram. Kita boleh katakan bahawa anak buah orang yang dikaitkan dengan terrorism barangkali berada di Sabah.

Memang sudah meningkat pendatang-pendatang dari Pakistan dan dari India. Dahulu orang kata hanya 5,000 di Sabah, sekarang sudah meningkat lebih 20,000. Mereka berniaga di sana. Ada yang sampai ke kampung jual kain, dahulu jalan kaki lepas itu naik basikal, lepas itu motosikal, sekarang sudah pakai kereta, orang Pakistan di Sabah.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, *this is a cause for concern, it is certainly not a laughing matter*- dengan izin - bagi kami.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Amboi, panjang lagi ini.

Kehadiran pendatang tanpa izin dan juga pekerja asing di Sabah sudah menjangkau lebih ½ juta orang. Telah saya sentuh di setiap kesempatan berucap di Dewan yang mulia ini. Kalau diberi dua atau tiga jam, saya boleh habis cerita, kita diberi 30 minit sahaja, itu pun dapat peluang pada hari ini bercakap.

Kita mengucapkan syabas kepada Kementerian Dalam Negeri bersama-sama dengan *the Federal Task Force* yang telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani banjir pendatang tanpa izin di Sabah. Walau bagaimanapun, lain kali yang kita mahu dengar bukan lagi langkah-langkah, tetapi *results. We want results the next time*, dengan izin.

Dalam penggulungan ini, Tuan Yang di-Pertua, berilah peluang menggulung dalam satu perkara yang dinyatakan dalam Laporan Audit Negara yang berbunyi: "Jabatan Imigresen tidak menetapkan bilangan operasi penguatkuasaan yang patut dijalankan pada sesuatu tahun. Sebaliknya penguatkuasaan dibuat berdasarkan kepada aduan yang diterima daripada orang awam. Antara sebab penguatkuasaan tidak dijalankan secara terancang ialah kerana kekurangan kakitangan..." Lagi-lagi kekurangan kakitangan. Pendidikan pun kekurangan kakitangan, Jabatan Imigresen pun kekurangan kakitangan. Jadi

apabila kekurangan kakitangan seolah-olah kita mengatakan, “*Sorry, we cannot handle this problem because we don't have enough manpower*” dan kita biarkan masalah ini berlarutan.

Dahulu kita katakan, apabila kita sebut PTI di Sabah, *the crossing line is too long, we cannot control. So we cannot do anything...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini terakhirlah. Selepas episod Sipadan-Pandan, tiba-tiba kita hantar tentera dan sebagainya. Ada pula penyelesaian. Kali ini kita ada masalah PTI di Sabah, kekurangan kakitangan. *We have a big problem.* Jadi saya minta wujudkanlah unit risikan yang dicadangkan oleh Ketua Audit Negara itu dan tambahlah kakitangan di Jabatan Imigresen Negeri Sabah dan berilah peruntukan untuk menjalankan kerja. Kita berjalan di mana-mana bandar di Sabah, kita nampak pendatang tanpa izin. Kalau saya di Manila, loghat lain, cakap lain, mesti ada orang Imigresen jumpa. Awak dari mana? *Where are you from? Where is your passport?* Di sini tidak ada buat begitu, di negara ini, di Sabah tidak ada buat begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya cukup Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Rupanya ini disebabkan oleh kerana tidak ada kakitangan. Jadi tambahlah kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Jadi disebabkan masa tidak mengizinkan, sekian dan terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Larut ma lam! *[Ketawa]*

4.08 petang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai mukadimah, saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana negara kita aman dan selamat. Kedudukan ini membolehkan kerajaan yang memerintah - Kerajaan Barisan Nasional - membentangkan Belanjawan 2002 yang prihatin terhadap semua rakyat.

Saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri yang berjaya memainkan peranannya sebagai Menteri Kewangan tanpa menggunakan kata-kata

yang bombastik dan perkataan yang pelik-pelik. Belanjawan disampaikan dengan berkesan sebagai mesej bahawa ia perlulah berkesan kepada seluruh rakyat.

Pembentangan Belanjawan pada 19 Oktober yang lalu sudah pasti memuaskan banyak pihak. Sudah pasti pembangkang akan mengerti dan ada sahaja yang tidak kena. Seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masih wujud beberapa cabaran dalam negeri yang belum selesai. Sering kali diulangi bahawa antara pra syarat utama dalam usaha melangkah ke hadapan ialah keamanan dan kedamaian.

Saya menyokong penuh pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apalah ertinya perancangan dan program pembangunan yang hebat-hebat jika tiada keharmonian dan kestabilan. Yang pasti, semua pihak perlu menolak keganasan dan ekstremis kerana ia tidak ada tempat di negara ini. Semua pihak di negara ini perlulah bertindak secara telus. Jelas sekali pengajaran pilihan raya negara kita khususnya apa yang berlaku dalam Pilihan Raya Kecil di Sabah dan Pilihan Raya Negeri Sarawak yang terbaru menunjukkan rakyat telah menolak parti-parti yang berjuang kerana kepentingan individu dan yang mengajak kepada kacau-bilau, kerana keganasan, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja membabitkan ekonomi bahkan juga industri sukan seperti bola sepak.

Pernah berlaku di mana dalam satu pertandingan di Amerika Selatan, Copa America, ada pemain-pemain yang berasa ketakutan hinggakan tidak dapat mengambil bahagian. Inilah kalau kita membiarkan dunia kita ini menjadi kacau-bilau. Apalah gunanya kita memperkatakan mengenai Islam, negara Islam, hudud, undang-undang Islam, peraturan Islam dan entah apa lagi Islam tetapi hakikatnya kita hanya menyebut di mulut dan di bibir. Saya mengalu-alukan kesungguhan kerajaan dalam usaha memberikan kefahaman dan pengetahuan agama Islam yang sebenar. Ini penting bukan sahaja untuk mereka tidak mudah terjebak atau dipengaruhi oleh mereka yang berselindung di sebalik Islam.

Kefahaman dan pengetahuan Islam ini penting sebagai prasyarat kepada pembangunan masyarakat Islam di negara ini. Saya melihat perkara ini penting memandangkan kempen-kempen memburukkan kerajaan kononnya tidak Islam. Dan kalau Islam pun kurang Islam. Kita tidak mahu seperti di sesetengah negara yang tidak henti-henti bertelingkah akibat satu pihak menganggap pihak lain kurang Islam.

Malah apabila kerajaan mengatakan negara ini negara Islam, banyak pula cakap-cakap songsang yang sepatutnya tidak dilayan langsung. Lihatlah apa yang berlaku di beberapa buah negara Islam, apabila masing-masing cuba menegakkan Islam, mereka yang akhirnya bunuh membunuh sesama Islam dan banyak lagi masalah lain akan timbul. Di sesetengah negara peperangan saudara sesama Islam menyebabkan kemunduran dan kemiskinan. Bukankah kemiskinan itu boleh membawa kepada kekufuran?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha kerajaan yang berhasrat menyediakan peruntukan secukupnya bagi tujuan Islam. Peruntukan sebanyak RM294.3 juta melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk faedah masyarakat Islam adalah amanah dan tanggungjawab yang besar. Apalagi kerana ia untuk tujuan suci dan murni.

Keprihatinan kerajaan terpancar jelas apabila kerajaan menekankan kepada pembangunan institusi keluarga dan khidmat sosial serta pendidikan melalui pendekatan kefahaman dan penghayatan Islam, pendidikan di sekolah agama dan kelas Al-Quran serta fardu ain. Institusi keluarga adalah penting dalam pembangunan sosial kerana pendidikan bermula di rumah. Kebahagiaan rumah tangga akan menenangkan fikiran penghuninya dan sudah pasti akan membawa kepada kecemerlangan rumah tangga.

Rumah tangga yang huru-hara sudah pasti akan membawa kesan buruk kepada anak-anak. Satu daripada punca penting gejala sosial di kalangan belia ialah kerana masalah keluarga. Oleh itu saya berharap benar agar JAKIM menjadi peneraju kepentingan Islam di negara ini. Dengan jaminan kerajaan untuk terus melaksanakan beberapa program pembangunan termasuk pengubahsuaian dan pembinaan masjid, kompleks latihan Islam, pembinaan sekolah agama serta pembangunan sistem maklumat. Sewajarnya fungsi JAKIM lebih menyerlah.

Di sini ingin saya timbulkan beberapa perkara yang menyentuh JAKIM yang sering diperkatakan. Sebagai institusi yang diberikan perhatian oleh kerajaan bagi melantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyelia hal ehwal agama, JAKIM perlu menyelidik dan bertindak cepat untuk memajukan Islam serta mengawal dakwah dan fahaman-fahaman yang merosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tak mahu JAKIM yang sepatutnya membantu kerajaan menyelesaikan masalah yang mencabar umat Islam di Malaysia berdiam diri dan membisu seribu bahasa dalam isu-isu tertentu. Malah kakitangan JAKIM

sewajarnya lebih kerap turun padang membantu kerajaan menerangkan dasar-dasar kerajaan. Ia tidak terbatas kepada soal-soal Islam semata-mata tetapi semua bidang pembangunan dan pentadbiran kerana negara kita adalah negara Islam.

JAKIM perlu menjayakan hasrat kerajaan kerana ia adalah merupakan institusi penting. Walaupun ada tuduhan kononnya ramai kakitangan Pusat Islam dan JAKIM menyokong pembangkang tetapi saya yakin sebaliknya. Cara terbaik membuktikan tuduhan tidak benar ini ialah dengan turun ke padang dan tunjukkan kepada kerajaan dan rakyat bahawa kakitangan JAKIM tidaklah sedemikian rupa.

Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan yang bercadang melaksanakan lebih banyak program kefahaman Islam yang sebenar kepada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan swasta serta pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta. Maka ini penting kerana jika orang Islam sendiri yang menyeleweng akibatnya Malaysia akan menghadapi masa depan yang muram. Maka ini perlu dipercepat memandangkan dakyah dan jarum racun pihak-pihak sudah lama menyeludup masuk ke kampung-kampung dan bandar bagi menyuntik kebencian dan ekstremis.

Kita tidak mahu ada pihak yang mengajar ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Umpamanya seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri baru-baru ini bahawa ada pihak yang mengajar membenci orang Islam lain, menolak persaudaraan dalam Islam, mengajar bahawa orang Islam tertentu adalah kafir, menyebarkan fitnah. Kita juga perlu menyekat ajaran-ajaran yang menggalakkan kepada mengangkat senjata atau mencetuskan huru-hara. Sikap melampau ini bercanggah dengan prinsip ajaran setiap agama dan sudah tentu dalam agama Islam, ajaran yang sewajarnya ialah yang sentiasa menanamkan sikap cintakan hubungan kemanusiaan dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, belia kini menjadi kuasa politik dan penyumbang ekonomi yang penting kepada negara. Walaupun demikian, masalah sosial semakin berleluasa. Kita tidak mahu belia yang hanya berharap kepada kerajaan untuk menyediakan segala-galanya. Penyelesaian masalah pengangguran bukanlah melalui demonstrasi atau laungan antikerajaan semata-mata.

Persepsi ini perlulah diubah. Reformasi pemikiran belia bukannya kempen menjatuhkan kerajaan. Reformasi pemikiran belia ialah bagaimana berdikari dan mempersiapkan diri untuk berjihad tetapi bukan ke Afghanistan, sebaliknya ke arah kecemerlangan pendidikan, latihan, pengetahuan dan kemahiran. Mempersiapkan

diri untuk melakukan kerja-kerja profesional yang bertaraf tinggi adalah jihad yang lebih mulia.

Tuan Yang di-Pertua, walau berapa banyak sekali pun peruntukan disediakan oleh kerajaan tetapi jika minda belia terus dihantui sikap pergantungan kepada kerajaan semata-mata untuk mencari kerja, ia akan menjadi sia-sia. Oleh itu Kementerian Belia dan Sukan perlulah mengubah sikap golongan muda dan pelajar supaya melakukan perpindahan paradigma daripada berharap untuk makan gaji dengan kerajaan atau swasta kepada bekerja sendiri sebagai pakar teknologi, pakar ICT, peniaga, pengusaha, petani, penternak, nelayan atau mungkin juga pelatih-pelatih di bidang sukan, latihan dan banyak lagi.

AIDS, bohsia, Black Metal, Pink Metal atau sebagainya tidak dapat diubah dengan peruntukan semata-mata. Ia lahir daripada pendidikan dari rumah hinggalah ke sekolah dan institusi sosial. Bagi saya institusi seperti media sepatutnya menolak program seperti mencari ratu, *super model* atau sebagainya kepada keutamaan seperti menganjurkan atau mengajak remaja dengan pendidikan moral dan kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi parti politik pula daripada menganjurkan belia menentang kerajaan adalah baik menganjurkan program belia menentang dadah, seks bebas, ratu cantik, AIDS dan banyak lagi yang lebih dekat dengan mereka. Kerana itu sahaja kita berharap lebih kurang 375 buah badan sukarela kebajikan yang mendapat peruntukan daripada kerajaan bolehlah membuat program yang bersifat intelektual daripada yang berbentuk hiburan, glamour semata-mata.

Saya mengatakan demikian kerana seperti yang disebut oleh Perdana Menteri, golongan belia adalah sumber dan aset terbesar kepada negara. Mereka berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Program Rakan Muda hendaklah berkaitan dengan memenangi masalah remaja. Apakah masalah mereka yang sebenarnya? Ia tidak lain tidak bukan ialah berhubung daripada pendidikan, membentuk identiti, keagamaan, latihan, pergaulan dan paling penting ialah perencanaan masa hadapan mereka. Berikutan itu program promosi dan publisiti program Rakan Muda yang mendapat peruntukan yang besar hendaklah tepat dan sesuai dengan kepentingan negara, agama dan pembinaan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah satu sektor penting sesuai dengan tuntutan k-ekonomi ketika ini dan masa hadapan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerajaan telah berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat

kecemerlangan pendidikan. Galakan ini dibuat agar industri institusi pengajian tinggi swasta dibangunkan dan dimajukan. Memandangkan usaha ini sebagai *on going process* dengan izin, langkah memperkenalkan beberapa pakej baru ini akan menyumbang kepada kemajuan negara.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri dengan dua langkah baru di mana semua institusi pengajian tinggi swasta dan institusi bahasa swasta diberi pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas peralatan pembelajaran termasuk kelengkapan makmal, bengkel, studio dan sebagainya.

Kerajaan juga membenarkan supaya royalti yang diterima oleh bukan pemastautin daripada institusi pengajian tinggi swasta bagi skim pendidikan francais diberi pengecualian cukai pendapatan. Di sini ingin saya mencadangkan supaya mutu pendidikan dan tempat tinggal serta asrama dipertingkatkan lagi agar nilai bayaran yang dibuat oleh pelajar mendapat ganjaran sewajarnya.

Sesuai dengan perkembangan semasa di mana rakyat Arab menghadapi masalah belajar di beberapa negara Barat kerana peristiwa 11 September dan berlakunya diskriminasi kaum, adalah baik kiranya Malaysia melihat peluang ini dengan sebaik mungkin. Malah pendidikan tinggi awam juga perlu melihat kemungkinan ini khususnya Universiti Islam Antarabangsa.

Saya mendapat berita mengatakan permintaan beberapa Kerajaan Arab untuk pelajarnya belajar di sini begitu banyak sekali. Kecemerlangan pendidikan dan prasarana yang berkaitan dengannya akan menjadikan bidang ini salah satu daripada sumber pendapatan negara dan tukaran asing jika dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, jihad tidak hanya tertakluk kepada mati di medan perang. Jihad bagi umat Islam turut membabitkan usaha individu dan kerajaan menentang kemiskinan. Janji Perdana Menteri bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan terus memberi perhatian kepada golongan rakyat miskin supaya nasib mereka sentiasa terbela juga merupakan satu jihad.

Usaha kerajaan memerangi kemiskinan bagi mengelakkan rakyat menjadi kufur bagi program kesejahteraan rakyat adalah juga berjihad. Peruntukan berjumlah lebih RM 200 juta melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar hendaklah dilihat sebagai anugerah dan ehsan Kerajaan Pusat. Ia bukan untuk memancing undi atau kerana kepentingan memenangi pilihan raya kerana itu hakikatnya walaupun tiada pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional berkhidmat musim, bukan dekat pilihan raya baru turun ke padang, menjanjikan akan memberi bulan dan bintang atau kemakmuran sama rata dan sebagainya. Selepas pilihan raya, selepas undi diberikan, mata, hidung pun tidak nampak. Malah ada parti yang menghadapi krisis kepimpinan dan kepercayaan akibat terlalu banyak berjanji dan tidak mampu melaksanakan janji-janji berkenaan tidak seperti Barisan Nasional, di mana tidak kira ada pilihan raya atau tidak, yang penting ialah membela rakyat. Inilah tradisi kita Barisan Nasional bukan seperti pembangkang yang tradisinya menghasut, memecah belah dan membuat kacau-bilau.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Tepuk*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya mengalu-alukan usaha untuk mengubah sikap keluarga miskin, membantu keupayaan mereka, menambah pendapatan, program makanan tambahan keluarga termiskin, pembasmian kemiskinan di bandar, peningkatan pertanian dan ekonomi kampung. Program pemulihan umah dan pembangunan masyarakat setempat, saya mengalu-alukan pembangunan luar bandar secara menyeluruh bertujuan meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan rakyat luar bandar.

Kita bersyukur kerana Belanjawan 2002 menyediakan peruntukan terbesar yang pernah diberikan iaitu sebanyak RM5.34 bilion. Ini melibatkan RM1.58 bilion untuk pertanian. Sebanyak RM378 juta bagi pembangunan tanah dan wilayah serta RM392 juta untuk pembangunan kampung dan masyarakat. Kita harap projek jalan luar bandar, jalan kampung serta..., dapat menyediakan bekalan elektrik dan air yang secukupnya bagi manfaat penduduk desa.

Dalam konteks kesejahteraan rakyat ini, saya bersyukur kerana adanya usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi tahap liputan bekalan air bersih kepada 99% di Semenanjung dan 75% di Sabah dan Sarawak. Dalam konteks bekalan elektrik, yang menjadi penjana kepada kemudahan pembelajaran, perkilangan serta aktiviti perniagaan di luar bandar, hasrat kerajaan mewujudkan bekalan 100%, menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelapan sangatlah dinanti-nantikan.

Sebagai rakyat yang tahu berterima kasih, kita tidak menganggap pengumuman ini sebagai tugas kerajaan semata-mata. Projek pembangunan luar bandar tidak datang begitu sahaja tanpa perancangan yang rapi. Pembangunan memerlukan kajian, komitmen dan *political will*, untuk melakukannya dan bukan

semua kerajaan mempunyai kesungguhan dan keupayaan seperti yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang mahu saya timbulkan ialah perkhidmatan kesihatan luar bandar. Usaha kita untuk memperbaiki kemudahan dan mutu di klinik bidan, di klinik desa dan klinik kesihatan adalah langkah yang perlu dipuji. Dengan adanya program seperti *tele-primary care*, perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan akan menggalakkan pembangunan keluarga yang sihat, yang meliputi kesihatan wanita dalam kumpulan produktif, pembangunan kanak-kanak serta penjagaan kesihatan remaja, warga tua dan golongan istimewa.

Saya juga menyeru supaya pendidikan kesihatan di luar bandar dipertingkatkan lagi kerana jika sikap dan kesedaran kesihatan tidak berubah, projek-projek yang dilaksanakan yang merangkumi sistem pembinaan bekalan air, tandas dan sebagainya serta pengurusan sisa pepejal dan air limbah umpamanya tidak akan mendatangkan kesan yang baik.

Sebagai wakil rakyat yang datang daripada kawasan luar bandar, saya menaruh harapan yang tinggi kepada program pendidikan luar bandar. Memberikan pendidikan yang bermutu dan menyeluruh adalah jihad kerajaan. Adalah wajar setiap pihak termasuk pembangkang memberikan perhatian serius mengenai pendidikan luar bandar. Kita tidak mahu melihat adanya kesenjangan jurang pencapaian antara pelajar luar bandar dan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap bahawa enam buah projek baru kolej matrikulasi yang membabitkan belanja sebanyak RM5.5 juta akan benar-benar mendatangkan kemudahan kepada pelajar daripada segi kemudahan fizikal dan komputer sekolah. Seperkara lagi yang melegakan ialah janji kerajaan untuk memastikan keselesaan tempat tinggal guru-guru.

Isu rumah guru ini sudah banyak diperkatakan. Malah adalah wajar untuk memberikan guru keselesaan kerana walau dalam apa juga keadaan dan masa, mereka adalah ibu bapa kedua kepada pelajar. Mungkin ketika ini ramai yang menganggap *portal* dan kemudahan pembelajaran lain semakin penting tetapi hakikatnya guru tetap memainkan peranan penting di kelas dan di sekolah.

Malah saya mohon supaya peranan mereka dipertingkatkan lagi. Kecemerlangan pelajar bukan sahaja bergantung kepada kokurikulum tetapi sikap dan komitmen guru-guru. Keselesaan tempat mereka tinggal akan juga memberikan ketenangan dan ini akan dapat memperbaiki mutu pengajaran. Saya yakin dengan

kemudahan itu akan memberikan semangat baru kepada guru-guru untuk mengadakan kelas-kelas bimbingan dan sebagainya. Ini kerana mereka tidak risau mengenai perjalanan pulang yang terpaksa menempuhi masalah jauh, trafik jam dan banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menumpang rasa gembira dengan rakan-rakan guru di Sabah dan Sarawak kerana RM180 juta diperuntukkan untuk pembinaan dan menaik taraf rumah guru serta menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan elektrik di sekolah-sekolah di kedua-dua negeri tersebut.

Masalah setinggan di bandar tidak kiralah bandar raya atau pun bandar utama dan bandar kecil menghadapi masalah. Lebih buruk kerana kedudukannya yang tidak terurus akibat daripada mereka sendiri, dijadikan modal politik pembangkang. Mereka menjadi pejuang tetapi tidak cuba mengatasi masalah. Tindakan mereka ini ialah sekadar menyuarakan dan membantah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Tepuk]*

Saya mohon supaya projek perumahan kos rendah ini dipercepat dan diatur dengan suasana yang menarik. Saya berharap melalui peruntukan sebanyak RM943 juta bagi menampung pelbagai projek perumahan kos rendah, dimanfaatkan sebaik-baiknya. Saya mengalu-alukan usaha mewujudkan kemudahan khusus bagi golongan istimewa.

Selain itu, kerajaan juga mengambil berat masalah perumahan yang dihadapi oleh kakitangan sektor awam terutamanya anggota angkatan tentera dan polis. Saya menyambut baik peruntukan sebanyak RM1.8 bilion disediakan di mana sebanyak RM710 juta untuk perumahan pasukan angkatan tentera.

Dalam hubungan ini, saya juga ingin bertanya dengan kedudukan Askar Melayu Diraja. Apakah Askar Melayu Diraja masih lagi penting atau tidak lagi, jadi saya mohon kepada kementerian yang berkenaan supaya dapat menyatakan kedudukan tentang Askar Melayu Diraja pada hari ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon supaya kontraktor yang dilantik dan mendapat manfaat melakukannya yang terbaik dan tidak melengah-lengahkan usaha murni ini. Kita juga ingin melihat supaya dalam memberi kontrak pembinaan, mereka yang dipertanggungjawabkan tidak memilih kumpulan yang sama mendapat manfaat. Kekayaan tidak harus dibolot oleh sekumpulan sahaja.

Saya menyeru supaya lebih ramai kontraktor bumiputera terutamanya mendapat manfaat ini. Satu daripada tugas mulia yang disebut oleh Perdana Menteri dalam Belanjawan 2002 ini ialah program kebajikan masyarakat. Program ini bertujuan membantu mereka yang memerlukan pembelaan termasuklah orang tua, anak yatim, ibu tunggal yang tidak berupaya menyara keluarga dan banyak lagi. Tugas menjalankan kebajikan tidak semestinya diwujudkan setelah kita mendakwa negara kita sebagai *welfare state* ataupun *Islamic state*, dengan izin. Membantu mereka yang daif dan malang adalah tugas Kerajaan Barisan Nasional sepanjang masa.

Kerajaan memperuntukkan wang yang begitu besar melalui perbelanjaan mengurus dan RM57.3 juta di bawah perbelanjaan pembangunan mengamalkan betapa kerajaan prihatin kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan negara kini berada di tempat kedua sebagai penyumbang terbanyak kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) selepas pengilangan. Jika pada penggal yang lepas, saya mencadangkan mengenai *medical tourism* yang kini diberikan perhatian serius oleh kerajaan, pada sidang ini, saya ingin mencadangkan agar bidang pelancongan ini juga turut diberikan perhatian.

Saya ingin mencadangkan pelancongan sukan. Kita kini mempunyai acara Grand Prix, kereta dan motosikal, kita ada perahu layar, kita ada bot laju, lumba basikal serta penganjuran lain yang kesemuanya boleh menarik pelancong. Selain kumpulan yang ikut serta, pelumba, kempen besar-besaran di luar negara juga patut diadakan untuk dimasukkan dalam diari pelancongan Malaysia bagi menarik pelancongan antarabangsa.

Selain itu, untuk pelancongan ke Malaysia dari negara-negara Arab, selain usaha galakan yang diadakan sekarang, saya ingin mencadangkan supaya satu kejohanan sukan Islam diadakan. Tidak kiralah apa jenis sukan. Memandangkan bolasepak adalah kejohanan yang diterima umum dan mudah untuk mendapatkan pasukan yang baik, saya cadangkan ia diadakan secara tahunan yang pasti di antara pasukan yang hebat-hebat dan melayakkan di kejohanan piala dunia adalah juga terdiri daripada negara Islam.

Umpamanya, Arab Saudi, Iran, Iraq, Kuwait, Bahrain, Qatar, Mesir, Tunisia, Algeria, Morocco

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Pakistan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu pembangkanglah.
[Ketawa] Yang itu saya tidak berani katalah, sebab dalam map bola sepak ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pasukan pembangkang.sebagai satu daripada jadual untuk menarik pelancongan bukan sahaja di kalangan negara-negara Islam, mungkin juga rakan-rakan kita yang lain untuk melihat kekuatan, kerana kita bimbang kalau kemelut peperangan, boleh menjejaskan umpamanya apabila Kuwait berperang dengan Iraq, dua pasukan ini tidak mahu bertemu dalam satu kejohanan. Ini pembangkang tak tahulah.

Jadi, ini satu gambaran, jadi kalau ada program seperti ini, insya Allah, kita yakin, sukan pelancongan ini juga boleh bukan sahaja menjadi daya tarikan, bahkan juga boleh mengeratkan lagi persaudaraan dan saya berharap Malaysia boleh menjadi sebagai penggerak utama terutamanya menjelang kelayakan ataupun menjelang pertandingan akhir Piala Dunia tahun 2002 yang akan diadakan di Jepun dan di Korea. Mungkin Malaysia boleh mengambil kesempatan ini bagi pasukan-pasukan negara Islam yang telah melayakkan diri untuk ke Piala Dunia, untuk bermain di Kuala Lumpur. Janganlah kita hanya mengharap segala penganjuran kejohanan sebesar ini kepada persatuan bola sepak semata-mata. Bahkan kita juga ingin melihat pembabitan badan-badan lain, agensi-agensi, syariakt-syarikat gergasi atau mungkin juga daripada pihak pembangkang yang juga turut berminat dalam bola sepak.

Tuan Yang di-Pertua, jika di bandar ada banyak kemudahan perkhidmatan kesihatan, tetapi di desa masih di tahap tidak memuaskan. Selaras dengan hasrat 'Rakyat sihat negara maju,' pelaksanaan projek hospital, klinik kesihatan dan klinik desa perlulah dipertingkatkan lagi. Kesihatan di desa lebih ditumpukan kepada kesihatan ibu dan kanak-kanak. Satu kajian teliti perlulah dilakukan segera kerana dengan kedudukan ekonomi yang semakin tercabar, masalah mendapatkan makanan yang mencukupi dan berzat semakin menjadi masalah.

Kejatuhan harga kelapa sawit dan getah menjadikan penduduk di rancangan tanah semakin getir, kecuali tidak diganggu oleh pihak pembangkang dengan ceramah-ceramah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jika harga makanan naik dan ditambah dengan kemudahan kesihatan yang tidak mencukupi, sudah pasti akan menyebabkan masalah kepada ibu dan kanak-kanak. Lebih menyulitkan lagi jika ibu tidak bekerja dan punca pendapatan daripada satu sumber sahaja iaitu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan kerajaan memperkenalkan langkah rangsangan fizikal yang akan dilaksanakan segera. Sudah pasti langkah ini akan menggerakkan lagi aktiviti ekonomi dalam suasana ekonomi dunia dan negara yang agak muram, kesan kelembapan 1997, 1998 dan peristiwa 11 September yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, habis Yang Berhormat ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kenaikan petrol 10 sen seliter akan menjejaskan pengguna, tetapi kita tidak boleh lari daripada kenaikan seperti ini, saya berharap rakyat akan bersabar dan pihak-pihak tertentu tidak mengambil kesempatan berikutan ini bagi melindungi pengguna. Bagi melindungi pengguna, pihak penguat kuasa perlulah menjalankan tugas sebaik-baiknya dan jangan biarkan yang melakukan kesalahan dan jenayah terlepas begitu sahaja walau pun orang kerajaan, orang politik atau sesiapa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya terpaksa potong-potong, jadi pada akhirnya, saya menyokong belanjawan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman.

4.36 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk membahas Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri pada 19 Oktober 2001.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan kebimbangan saya terhadap kepincangan yang melanda negara yang menghadapi kegawatan dan kemelesetan ekonomi yang berterusan dan berpanjangan akibat daripada pelbagai skandal kewangan, pembaziran, kegagalan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, ketidakcekapan dan kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran kewangan dan ekonomi negara yang menimbulkan pelbagai masalah kronik yang tidak dapat diselesaikan.

Dengan perkembangan mutakhir kegawatan politik global di mana Pusat Perdagangan Dunia (WTC) dan Pusat Pertahanan Amerika Syarikat, Pentagon diserang, Afghanistan diserang Amerika Syarikat bersama sekutu-sekutunya tanpa sebab munasabah, maka kemuraman ekonomi negara dijangkakan berpanjangan lagi. Walaupun Perdana Menteri menjanjikan pemulihan ekonomi semenjak pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dari kerajaan pada 2 September 1998 dalam masa tiga bulan, kemudian enam bulan, tetapi sehingga kini sudah melebihi tiga tahun, tidak ada tanda-tanda ekonomi negara akan pulih, malah makin parah sedang rakyat dikhayalkan kononnya ekonomi amat memberangsangkan.

Rakyat diberitahu kerajaan mempunyai perancangan dan perencanaan ekonomi yang memberangsangkan, tetapi apa yang berlaku ialah penggunaan wang rakyat yang begitu besar untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kroni kepimpinan negara dan UMNO.

Rakyat diberitahu pengurusan ekonomi negara lebih baik dari negara jiran, tetapi Indonesia telah mengambil langkah berjimat cermat dan berhemah dengan membentangkan belanjawan defisit hanya 2.5% untuk tahun 2002, berbanding 5% yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita pada minggu lepas.

Rakyat diberitahu kerajaan bertegas untuk menghapuskan rasuah dan penyelewengan, tetapi Perdana Menteri mengumumkan tindakan tidak akan diambil terhadap Yang Berhormat bagi Merbok yang juga bekas Menteri Kewangan dan Tan Sri Halim Saad yang didedahkan dalam Dewan yang mulia ini melakukan pelbagai jenayah korporat, rasuah, penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa, sedangkan bekas Presiden Filipina, Joseph Estrada dihadapkan ke muka pengadilan kerana terlibat dengan rasuah hanya US7 juta bersamaan dengan RM26.6 juta sahaja.

Rakyat diberitahu penswastaan menguntungkan rakyat dan kerajaan, sedangkan kerajaan menggunakan puluhan dan mungkin sudah mencecah ratusan bilion ringgit untuk menyelamatkan syarikat-syarikat gergasi UMNO dan kroni kepimpinan negara seperti Indah Water Konsortium, MAS, TimeDotCom, Ekran, Perwaja, Hot Thick Investment Incorporation, Konsortium Perkapalan, Maju Holding, Proton, Bank Bumiputra, Kumpulan Renong, Maminø dan banyak lagi.

Selepas FIESCO, dengan izin, Kumpulan Renong UEM, difahamkan 29 lagi syarikat yang berhubung kait dengan UMNO dan kepimpinan negara termasuk kumpulan Lion yang mana anak Perdana Menteri mempunyai kepentingan akan

diselamatkan pula yang mungkin melibatkan wang simpanan rakyat dan kerajaan sebanyak RM30 bilion lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini kerugian dan kehilangan sumber kewangan dari ekonomi negara yang disebabkan kegagalan, ketidakcekapan, kelemahan dan kesilapan keputusan dan skandal kewangan melebihi RM120 bilion. Selain dari itu susutan modal dan kerugian akibat kejatuhan indeks Pasaran Saham Kuala Lumpur (BSKL) dianggarkan berjumlah RM500 bilion lagi. Kerugian akibat rasuah dan penyelewengan kerana projek-projek dibina di bawah atau tidak mengikut spesifikasi tetapi diluluskan juga serta *cost overrun*, dengan izin, yang begitu tinggi terutamanya yang diswastakan dianggarkan berjumlah RM100 bilion berdasarkan 20% daripada perbelanjaan pembangunan dalam tempoh 20 tahun. Kerugian akibat penurunan nilai mata wang ringgit kerana kemeruduman ekonomi dianggarkan berjumlah melebihi RM100 bilion.

Projek-projek terutamanya projek perumahan yang terbengkalai dianggarkan bernilai RM32 bilion. Hutang lapuk atau NPL di dalam sistem perbankan dianggarkan RM100 bilion dan ini tidak termasuk lagi kerugian yang dialami oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri dan projek-projek yang diswastakan. Kalau dijumlahkan semua sumber kewangan dan modal yang hilang dari ekonomi negara, ia sudah mencecah atau melebihi RM1 trilion. Bayangkan sekiranya sumber-sumber ini masih berada dalam ekonomi negara, kemungkinan besar negara akan menjadi sebuah kuasa ekonomi terunggul di rantau ini. Tetapi malang bagi rakyat Malaysia, pemerintahan 20 tahun kebelakangan ini diselubungi penuh dengan sejarah kegagalan, tamak haloba, rasuah, ego dan kebodohan.

Empangan, bangunan-bangunan termasuk bangunan tertinggi di dunia, litar Formula Satu, jambatan dan jejambat, lebuh raya dan jalan raya, Putrajaya dan berbagai projek mega dan mewah yang membazir dan tidak diperlukan dibina. Perkhidmatan sosial terutamanya kesihatan dan pelajaran diabaikan. Penuntut yang sepatutnya diasah berwawasan ditekan dan ditindas. Pensyarah yang diharapkan dapat memberi pandangan dan pendapat yang membina dengan bebas bersesuaian dengan pengetahuan mereka dikongkong dan ditindas sekiranya tidak sehaluan dengan kerajaan. Media yang sepatutnya membina minda rakyat untuk

mengharungi era teknologi maklumat dikongkong dan dimanipulasikan. Jelas, kerajaan sudah hilang kewarasan dan hala tuju.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada senario ekonomi semasa dianggarkan senario ekonomi untuk tahun 2002 dan 2003 lebih muram lagi. Hutang lapuk atau NPL dianggarkan akan mencecah 25% meningkat dari 12.6% pada kadar sekarang. Memandangkan lebih banyak syarikat-syarikat akan menunggak hutang kerana kemerosotan permintaan dan kelembapan ekonomi yang berpanjangan. Ini akan memburukkan lagi keadaan ekonomi yang sudah lemah akibat daripada kemerosotan eksport. Dianggarkan kedudukan hutang lapuk atau NPL sekarang sudah mencecah 20%. Pertumbuhan ekonomi untuk suku tahun kedua tahun 2001 sebenarnya sudah -0.5% walaupun kerajaan melaporkan pertumbuhan 0.5% , satu angka yang sudah dimanipulasikan. Untuk suku ketiga dan keempat keadaan lebih parah lagi dan dianggarkan terus berada pada tahap negatif. Satu kejatuhan mendadak dari 3.25% pada suku pertama tahun ini.

Walaupun sebenarnya ekonomi negara sudah mengalami kemelesetan tetapi berdasarkan perkiraan mengikut data dan fakta baru Malaysia secara rasmi akan mengalami kemelesetan ekonomi pada suku keempat tahun 2002 dengan kemerosotan di antara 2% hingga 3% tiap suku tahun melainkan kerajaan sekali lagi memanipulasikan angka-angka ini. Kemelesetan ekonomi dijangka melarat dalam tempoh masa di antara 6 hingga 8 suku tahun bermula dari suku kedua tahun 2001.

Dianggarkan pemulihan hanya akan berlaku di akhir tahun 2002 atau mungkin sehingga pertengahan tahun 2003 dan diramalkan berlaku secara perlahan dan bertahap-tahap. Berkemungkinan kemelesetan berpanjangan lagi berdasarkan senario politik global semasa. Negara akan terperangkap dalam keadaan kemelesetan ekonomi berbentuk "L" yang mana kemelesetannya melarat buat seketika dan amat sukar untuk dipulihkan. Dalam waktu ini kerajaan terpaksa mengibar bendera putih mengisytiharkan kekalahan mereka dalam mempertahankan polisi kawalan modal dan polisi ketetapan kadar pertukaran ringgit. Kerajaan terpaksa membubarkan polisi-polisi ini dan mengikuti polisi-polisi sealiran dengan perkembangan ekonomi semasa ke arah globalisasi.

Satu kekalahan peribadi kepada Perdana Menteri yang melaksana dan mempertahankan polisi-polisi ini dengan apa cara sekalipun walaupun ia amat membebankan negara. Akibat dari pembubaran polisi ini maka akan berlaku lingkaran deflasi di mana kos barangan melambung tinggi mengatasi pendapatan di

dalam ekonomi yang sedang meleset. Sumber utama pertukaran asing hanyalah dari hasil eksport dan kemasukan terus pelaburan asing. Apabila kedua sumber ini merosot dan berkurangan maka rizab luar negara akan susut dan adalah mustahil kerajaan dapat mempertahankan polisi menetapkan kadar pertukaran asing pada kadar sekarang. Pelaksanaan polisi kawalan modal dan ketetapan kadar pertukaran asing tidak dapat bertahan secara berkesan dalam keadaan rizab luar negara merosot.

Tuan Yang di-Pertua, zaman pertumbuhan ekonomi yang tinggi sudah berlalu dan dianggarkan pertumbuhan ekonomi hanya berkisar pada kadar tidak lebih dari 2.5% sahaja untuk tahun-tahun 2003 dan 2004. Pada kadar ini amatlah sukar untuk pertumbuhan ekonomi memberi kesan kepada peningkatan pendapatan secara menyeluruh kerana pendapatan perseorangan 80% dari penduduk tidak berubah atau makin berkurangan menyebabkan permintaan dan perbelanjaan lemah serta rendah. Keadaan ini tidak membantu kepada rangsangan pertumbuhan ekonomi waktu itu dan ini akan menyebabkan ekonomi negara terus muram untuk beberapa tahun akan datang.

Pelaburan swasta baik dari dalam mahu pun luar negara akan merosot atau berkurangan dan ini akan menghakis daya saing ekonomi negara atau *economic competitiveness*, dengan izin, kerana pelaburan baru tidak berupaya mengganti kilang-kilang lama yang tidak kompetitif dan efisien. Zaman pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya tetapi diselubungi dengan kegagalan, pembaziran, ketidakcekapan, kelemahan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang merugikan rakyat dan negara. Zaman kemelesetan ekonomi ini akan memberi pengajaran pahit kepada rakyat dan membongkar segala salahlaku kepimpinan negara di bawah UMNO dan Barisan Nasional.

Dalam beberapa tahun mendatang masa depan hala tuju ekonomi negara tidak menentu dan masa depannya amat kabur. Sekiranya permasalahan rangka ekonomi tidak diselesaikan dengan berkesan, maka kemelesetan ekonomi akan bertambah parah. Mengambil kira sikap Kerajaan Barisan Nasional sekarang tidak kelihatan masalah ini berupaya diselesaikan. Sistem perbankan mungkin sekali lagi akan memerlukan suntikan modal pada tahun 2002 atau 2003. Kedudukan ini terletak pada bagaimana kerajaan menangani permasalahan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat termasuk UMNO dan kroni-kroni kepimpinan negara yang di *bailout* oleh kerajaan dan tempoh masa kemelesetan ekonomi berada dalam bentuk "L".

Daripada apa yang sedang dirancang, kerajaan sekali lagi akan melancarkan siri baru projek mega secara menggila yang tidak berupaya memberi pulangan kewangan dan ekonomi untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Projek-projek mega ini seperti biasa kemudiannya akan terpaksa diselamatkan lagi oleh kerajaan kerana pulangan yang diperolehi tidak memadai untuk menyelenggara dan membayar balik pinjaman-pinjaman yang dibuat pada peringkat implementasi. Apabila ini berlaku, maka NPL dalam sistem perbankan akan meningkat dan ini memerlukan suntikan modal baru untuk menyelamatkan sistem perbankan dari lumpuh.

Akibat daripada kekurangan pelaburan baik dari dalam mahupun luar negara maka peluang pekerjaan untuk mengisi permintaan daripada lulusan institusi pengajian tinggi dan institusi kemahiran amatlah terhad. Akan berlaku *under-employment*, dengan izin, secara meluas di mana pekerjaan tidak secocok dengan kemahiran atau kelulusan pekerja. Dianggarkan pada tahun 2002 terdapat 80,000 graduan akan memasuki pasaran pekerjaan dan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan amatlah terhad. Keadaan yang sama juga akan berlaku pada tahun 2003 pasaran dan prospek pekerjaan bersuasana muram kerana sumber kewangan negara telah habis disalurkan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat UMNO dan kroni kepimpinan negara.

Juga sumber kewangan akibat daripada kegagalan, pembaziran, penyelewengan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam pengurusan kewangan dan ekonomi negara. Bersamaan dengan 160,000 graduan terdapat juga 120,000 pekerja akan kehilangan pekerjaan pada suku akhir tahun 2002. Ini akan merosotkan lagi pendapatan dan kuasa membeli dalam ekonomi. Tanpa safety net - dengan izin - ataupun polisi-polisi yang jelas untuk membantu masalah pengangguran tetapi yang ada hanya polisi-polisi untuk menyelamatkan syarikat-syarikat UMNO dan kroni kepimpinan negara, jangan salahkan parti Barisan Alternatif sekiranya berlaku bantahan dan protes terhadap kerajaan sekarang. Tindakan dan keputusan kerajaan selama inilah yang mengolah polisi yang jauh menyimpang dan tempang yang menyebabkan ekonomi negara berada dalam keadaan yang amat lemah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu sedar kesilapan terbesar yang berlaku dalam pengurusan ekonomi negara dalam tempoh tiga tahun yang lalu yang menghakis keyakinan pelabur, baik tempatan mahu pun luar negara untuk terus melabur dalam pasaran saham ialah:

Pertama, cara kerajaan menangani isu CLOBB yang memaksa pelabur menjual saham mereka dengan harga yang dipaksakan kepada syarikat yang dikaitkan atau mempunyai hubungan dengan Yang Berhormat bagi Merbok, bekas Menteri Kewangan, menyebabkan ribuan pelabur asing yang melabur melalui Singapura tidak lagi berminat melabur dalam pasaran saham negara. Mereka lari dan meninggalkan pasaran saham negara kerana dilihat mempunyai polisi-polisi yang tidak konsisten, tidak telus, mengongkong, tidak mesra dan menjaga kepentingan orang-orang tertentu sahaja.

Kedua, kerajaan memperkenalkan peraturan yang paling bodoh iaitu kawalan modal yang menafikan kita untuk menjana modal dari pasaran modal antarabangsa. Akibatnya, pasaran saham negara tidak bermaya untuk pulih seperti sediakala kerana pelabur tidak lagi berminat untuk melabur di pasaran saham negara. Pelabur sedia ada keluar dan tidak lagi kembali apabila peluang dan melabur di negara-negara jiran yang lebih terbuka dan telus seperti Singapura, Taiwan, Korea Selatan dan China.

Ramai pelabur terperangkap yang melibatkan pelaburan berbilion ringgit buat seketika dan ada yang mengalami kerugian besar yang menyebabkan hutang mereka tertunggak dan lapuk dalam sistem perbankan akibat kejatuhan pasaran saham yang berterusan.

Pendekatan yang diambil oleh kerajaan tidak sealiran dengan globalisasi, sedangkan globalisasi ekonomilah yang menyebabkan kemasukan ketara pelaburan ke dalam negara yang menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat sebelum ini. Sikap pemimpin negara yang tidak bijak dan ego untuk melaksanakan polisi ekonomi ala Malaysia yang hanya Perdana Menteri seorang sahaja mengerti akan pentafsirannya, meletakkan negara di tahap haprak dan dalam ekonomi global.

Negara mengarah aliran ekonomi bertentangan dengan aliran ekonomi global, hasilnya kita mengalami kemelesetan ekonomi yang lebih parah dan berpanjangan dari yang sepatutnya kerana pendekatan kerajaan sendiri.

Ketiga, pelaburan asing juga jatuh mendadak kerana rekod hak asasi kemanusiaan negara tercemar apabila kerajaan menyalahgunakan institusi polis, kehakiman dan media dalam menangani isu pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dari kerajaan. Kerajaan dilihat melindungi keganasan polis terhadap pukulan hampir maut oleh bekas Ketua Polis Negara terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim dan cara polis menangani kebangkitan kemarahan rakyat terhadap kezaliman kerajaan.

Pemecatan, penangkapan, perbicaraan, penghukuman dan penyebaran pertuduhan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim dilihat sebagai satu tindakan tidak bermoral dan bermaruah serta melanggar semua prinsip keadilan dan kemanusiaan sejagat. Tindakan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim dianggap sebagai tindakan politik dendam yang kotor dan jahat, tidak bermoral dan tidak bermaruah oleh seorang pemimpin yang takut akan kedudukan kuasanya tergugat.

Penggunaan ISA untuk menindas rakyat dan mereka cipta pertuduhan dilihat sebagai negara tidak lagi menghormati prinsip-prinsip keadilan dan hak asasi kemanusiaan sejagat. Penafian hak Kerajaan Negeri Terengganu mendapat royalti petroleum dan gas yang termaktub di dalam perjanjian di antara Petronas dengan

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...dengan kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat, hendak minta penjelasan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Kejap, kejap, kejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia minta tunggu.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Dilihat sebagai sebuah negara yang tidak menghormati kehendak undang-undang dan perjanjiannya sendiri. Pengongkongan saluran media melalui penguasaan oleh parti-parti politik pemerintah dilihat sebagai tindakan yang tidak demokratik dan menyekat kebebasan media dan penyebaran maklumat. Akibatnya, negara tidak lagi dilihat sebagai sebuah negara yang demokratik, bebas dan menghormati piagam hak-hak asasi kemanusiaan.

Suasana sebegini tidak sesuai dan menarik untuk pembangunan dan perkembangan industri berteknologi tinggi. Pelaburan dalam industri berteknologi tinggi tidak lagi memilih Malaysia sebagai destinasi mereka yang sedia ada dan mengalih operasi mereka ke negara lain yang lebih terbuka dan bebas.

Keempat, bertentangan dengan kebijaksanaan amalan ekonomi, kerajaan menggunakan simpanan rizab kerajaan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kepunyaan kroni kepimpinan negara dan UMNO yang membebankan kerajaan,

bukan sahaja dari segi kos pembelian yang melibatkan puluhan bilion ringgit tetapi juga terpaksa menanggung hutang-hutang berjumlah berpuluh bilion ringgit lagi berserta kerugian operasinya sekali.

Selain daripada itu, kegiatan rasuah, skandal kewangan, kerugian pelaburan dan pembaziran juga mengakibatkan negara kekeringan sumber kewangan untuk mengolah keluar ekonomi dan kemelesetan dan menjana pertumbuhan ekonomi. Kehilangan sumber kewangan dalam ekonomi berserta ketiadaan pelaburan, baik dari dalam mahupun luar negara telah memberi kesan kemerosotan modal yang ketara dalam ekonomi negara dan Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab terhadap kepincangan ekonomi dan kemerosotan modal yang dialami negara sekarang.

Perlu diingatkan kesan *bail out* amat buruk dan merugikan rakyat dan negara dari segi kos peluang atau *opportunity costs* - dengan izin - yang menafikan hak rakyat untuk menikmati peluang perniagaan, pekerjaan dan pulangan kewangan dari pelaburan hasil pertumbuhan ekonomi. *Bail out*, dengan izin, hanya menguntungkan segelintir orang-orang tertentu sahaja dan menafikan hak majoriti rakyat. Ia mengeringkan sumber kewangan negara untuk digunakan bagi memulih dan menjana pertumbuhan ekonomi yang menghadapi kegawatan sekarang.

Kerajaan Barisan Nasional akan menafikan kesilapan mereka dengan menyatakan bahawa seluruh dunia sedang menghadapi kemelesetan dan kegawatan ekonomi dan kita tidak terkecuali darinya. Ini saya tidak nafikan tetapi apa yang saya ingin utarakan ialah keupayaan negara ataupun ramuan ekonomi untuk keluar lebih pantas atau bertahan menghadapi kemelesetan ekonomi yang berpanjangan tidak wujud lagi.

Polisi-polisi yang diambil oleh kerajaan menyebabkan negara akan mengalami kemelesetan ekonomi berbentuk "L" yang sekiranya berpanjangan bermakna negara berada dalam depresi atau kemurungan ekonomi atau dalam bahasa Inggerisnya, *depression* - dengan izin - yang akan dialami, mungkin yang mendalam dan berpanjangan.

Kalau kita memahami teori ekonomi, penyebab utama negara mengalami kegawatan dan kemelesetan ekonomi sekarang ini ialah kerana pendekatan polisi ekonomi yang tempang dan menyimpang. Kegagalan, pembaziran, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa serta rasuah yang dilakukan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional dalam tempoh 20 tahun yang lalu.

Dengan peluang keemasan tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya, negara menghala ke arah keadaan yang sama seperti ekonomi Jepun. Ekonomi Jepun lumpuh disebabkan hutang lapuk atau NPL yang menggunung dalam sistem perbankan mereka dan Malaysia tidak terkecuali daripadanya. Apa yang dicita-citakan oleh Perdana Menteri dalam politik pandang ke timur akhirnya menjadi realiti. Ekonomi Jepun dan Malaysia berada dalam keadaan yang sama, terperangkap dengan hutang lapuk atau NPL yang begitu besar dan tidak dapat diselenggarakan lagi.

Inilah hasil pemerintahan 20 tahun Yang Berhormat bagi Kubang Pasu sebagai Perdana Menteri. Syabas dan tahniah buat beliau yang meletakkan negara dalam keadaan yang pincang dan gawat selama 20 tahun memegang takhta sebagai Perdana Menteri. Sejarah akan menilai dan menghukum sumbangan beliau kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 yang merupakan satu fantasi yang tidak mempunyai asas realiti dan kebenaran digunakan untuk mengkhayalkan rakyat dari mempersoalkan niat sebenar pelaksanaan projek-projek mega dan mewah yang tidak *viable*, membazir dan merugikan. Berapa banyak wang rakyat dan kerajaan dicurahkan untuk merealisasikan projek-projek fantasi Wawasan 2020 yang menempuh kegagalan demi kegagalan seperti Perwaja, Proton, KLIA, Multimedia Super Corridor, bangunan tertinggi di dunia, KLCC, Putrajaya, pembelian Lotus, pembinaan industri penerbangan, penswastan harta-harta kerajaan dan banyak lagi kerenah-kerenah projek fantasi yang membebankan dan merugikan rakyat.

Atas nama Wawasan 2020, segala pembaziran, kegagalan, kelemahan, ketidakcekapan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang berleluasa dalam kerajaan UMNO dan Barisan Nasional tidak dipersoalkan. Wawasan 2020 hanya merupakan satu igauan seorang pemimpin untuk menjustifikasi polisi-polisi, dasar-dasar dan perancangan-perancangan beliau yang tempang dan menyimpang.

Apabila tembelang Wawasan 2020 pecah, maka rakyat bangkit dan menentang segala kepincangan yang berlaku dalam pelaksanaan Wawasan 2020. Untuk menyekat dan meredakan kebangkitan rakyat, maka kepimpinan negara mengambil pendekatan memenuhi tuntutan yang kononnya mencerminkan kehendak rakyat tetapi tidak berniat untuk melaksanakannya.

Kepada masyarakat Cina, ditawarkan pelaksanaan sistem meritokrasi dan kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam, mengisytiharkan negara sebagai negara Islam tanpa perlu apa-apa pindaan kepada Perlembagaan. Dengan pengisytiharan ini, maka kepimpinan negara beranggapan mereka telah berjaya menyangga, menyekat dan meredakan kebangkitan dan kemarahan rakyat. Keredaan ini pula diambil kesempatan untuk menyerang secara menggilu parti-parti pembangkang, pelajar, pensyarah dan pendukung-pendukung parti pembangkang baik Cina mahupun Melayu.

Siar raya parti-parti pembangkang ditutup melalui pengharaman ceramah, pengharaman kaset dan video, penahanan pemimpin-pemimpin mereka melalui akta zalim ISA. Mengehadkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah cukup ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap ya, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Sambung sedikit lagi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...Mengehadkan pengedaran akhbar mereka supaya mereka tidak dapat mempertahankan diri daripada serangan-serangan menggilu kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional sekarang. Tindakan tidak berperikemanusiaan ini sama seperti yang dilakukan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim apabila dipukul hampir maut dengan tangan bergari dan mata tertutup oleh bekas Ketua Polis Negara.

Memang layak Perdana Menteri dan negara dipilih sebagai Ketua Negara-negara OIC untuk menangani masalah keganasan. Adalah menjadi kelaziman seseorang dilantik menjadi ketua apabila mereka adalah ahlinya. Pelantikan ini mengesahkan negara diperintah secara ganas dan mungkin juga oleh seorang penganas, bukan sahaja kerajaan mengganas, tetapi juga secara sistematik menafikan hak rakyat yang terjamin dalam Perlembagaan Negara untuk menyuarakan dan mengetahui keadaan sebenar kedudukan mereka serta implikasinya terhadap mereka. Berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sedikit lagi. Dua minit lagi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Dua minit lagi? Mengapa UMNO dan Barisan Nasional terlalu takut hingga terpaksa bertindak demikian, apakah kerana

syarikat-syarikat yang di *bailout* benar-benar kepunyaan UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional menyalahgunakan wang rakyat dan kerajaan untuk menyelamatkannya daripada membelanjakan untuk kebajikan rakyat. Oleh kerana usaha menggunakan wang rakyat dan kerajaan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat ini mendapat tentangan dari Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa beliau masih dalam kerajaan. Maka apa yang kita saksikan mengesahkan dakwaan beliau selama ini. Kehadiran beliau dalam kerajaan membahayakan orang-orang tertentu yang akan menyalahgunakan wang rakyat dan kerajaan. Sebab itulah beliau perlu disingkirkan.

Jadi, apa yang didakwa oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim selama ini adalah benar dan kerajaan takut rakyat mengetahuinya atau orang-orang tertentu dalam syarikat yang di *bailout* terlibat dalam beberapa skandal yang boleh dipersoalkan termasuk memindahkan wang ke bank di luar negara. Kalau tidak bagaimana syarikat Kumpulan Renong-UEM yang diberi hak hampir kesemua projek-projek mega kerajaan boleh berhutang sehingga RM26 billion. Kenapa tidak dibuat audit secara menyeluruh sebelum kerajaan membuat keputusan mengambil alih kumpulan syarikat ini. Apakah kerajaan cuba melindungi penyelewengan dan penipuan yang berlaku dalam syarikat ini dari diketahui umum atau pemimpin tertinggi UMNO takut berhadapan dengan ahli mereka jika dipersoalkan, bagaimana syarikat-syarikat ini boleh mengalami kerugian dan di mana aset dan pendapatan parti UMNO selama 20 tahun kebelakangan ini.

Persoalan ini akan melibatkan Presiden dan Bendahari UMNO sejak 20 tahun yang lalu. Jadi, kedua-dua mereka ini tidak mahu dipertanggungjawabkan akan kegagalan syarikat-syarikat UMNO yang menyumbang kepada kegawatan ekonomi negara sebab itulah ia diambil alih oleh kerajaan. Mengenali Presiden UMNO beliau tidak akan mengaku bertanggungjawab di atas kegagalan termasuk pukulan hampir maut terhadap bekas Timbalan Presiden UMNO, walaupun beliau menjawat Menteri Dalam Negeri waktu itu atau mungkin syarikat-syarikat UMNO ini memerlukan bantuan kerajaan tetapi oleh kerana kerajaan kekeringan sumber kewangan maka kepimpinan negara terpaksa menggunakan wang rakyat seperti KWSP, KWAP termasuk Tabung Haji untuk menyelamatkan syarikat-syarikat ini.

Ini dengan kata lain, wang rakyat digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat UMNO dan kroni kepimpinan negara. Segala kegagalan, pembaziran, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, penipuan, rasuah, ketidakcekapan dan

kelemahan pentadbiran yang berlaku selama 20 tahun telah menunjukkan kesan melalui kejatuhan ekonomi negara dan kelumpuhan ekonomi orang Melayu. Maka kerajaan tidak mempunyai pilihan melainkan bertindak mengalih pandangan rakyat dari mempersoalkan. Kerajaan Barisan Nasional di bawah UMNO yang diketuai oleh Yang Berhormat bagi Kubang Pasu sebagai Perdana Menteri selama 20 tahun takut sekiranya ini difahami rakyat maka orang Melayu akan bangkit dan mengamuk kerana kedudukan ekonomi mereka telah lumpuh. Untuk menyelamatkan kedudukan kuasa Perdana Menteri dan UMNO maka rakyat terutamanya orang Melayu mesti diletakkan di dalam kegelapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya beri Yang Berhormat bagi Lanang.

5.05 ptg.

Dato' Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan dan mengemukakan pandangan saya berkenaan Belanjawan 2002 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, memasuki alaf baru, masyarakat sejagat menyambut dengan perasan gembira dan berhasrat agar dunia ini menuju ke arah yang lebih aman, makmur dan bebas menjelang alaf baru ini. Negara-negara di seluruh dunia bekerjasama agar dapat memulihkan ekonomi dunia yang sedang meleset. Negara maju menghulurkan bantuan sama ada dari segi ekonomi kepada negara miskin supaya rakyat negara miskin juga berpeluang menikmati hidup yang lebih baik.

Pelbagai langkah dan inisiatif diambil oleh semua negara bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara masing-masing. Tetapi malangnya berlaku peristiwa 11 September yang mengejutkan masyarakat sejagat. Peristiwa ini telah membebankan lagi kadar pertumbuhan ekonomi dunia.

Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, pemimpin yang dinamik dan berkemampuan, tentu telah mempertimbangkan dengan mendalam dari semua aspek, bagaimana menghadapi situasi ekonomi negara dan dunia yang tidak menentu dan mencabar. Kita boleh menyaksikan pelbagai belanjawan diambil

termasuk potongan cukai, pengecualian cukai dan galakan untuk menggalakkan rakyat berbelanja dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan padu kepada Belanjawan 2002 ini. Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan peristiwa 11 September merupakan peristiwa keganasan yang dirancang oleh kumpulan pelampau agama. Pelampau agama memberi ancaman besar kepada keamanan dan keselamatan nyawa di seluruh dunia. Saya berpendapat kerajaan harus mendefinisikan perkataan “pengganas” agar orang ramai mempunyai fahaman yang lebih tepat dan jelas mengenai perkataan ini.

Kita memang bernasib baik kerana masalah pelampau atau ajaran sesat di negara kita telah dibendung oleh kerajaan. Demi keamanan dan kestabilan politik negara, kita tidak boleh mengizinkan kewujudan mereka. Saya bersetuju menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) iaitu dengan izin, untuk menentang kegiatan pengganas adalah cara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya negara kita terdapat satu parti, yang menggunakan peristiwa 11 September, untuk menyeru orang Muslim berjihad di Afghanistan, malahan memimpin orang awam menyertai tunjuk perasaan di depan Kedutaan Amerika Syarikat. Perbuatan ini adalah memberi tanggapan salah kepada negara yang gemarkan keamanan bahawa terdapatnya kegiatan pengganas di negara kita.

Selain itu, parti ini juga menggunakan isu agama dengan bertujuan untuk merampas kuasa pemerintahan. Ini adalah motif politik yang bahaya. Sejarah telah membuktikan negara yang menggunakan agama untuk memerintah sesebuah negara adalah tidak aman dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum. Setiap kaum mempunyai kebebasan untuk menganut agama dan mengikut amalan warisan budaya masing-masing berbilang kaum hidup dalam suasana harmoni dengan saling hormat-menghormati, bermaaf-maafan, bertolak-ansur dan bergotong-royong. Kita tidak boleh memerintah negara dengan menggunakan agama tertentu. Biasanya ajaran agama digunakan untuk memurnikan rohani manusia agar berjauhan daripada perbuatan jahat dan mempunyai hati yang suci, belas kasihan dan penyayang untuk menolong orang yang memerlukan pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar ajaran agama termasuk ajaran Islam, Kristian disenaraikan sebagai salah satu mata pelajaran sekolah dan

murid-murid sekolah bebas memilih apa yang mereka mahu diikuti. Cadangan ini dapat menangani pelbagai masalah sosial remaja semakin berleluasa seperti penyalahgunaan dadah, penggunaan pil ecstasy, pemujaan Black Metal, ponteng sekolah atau kelakuan kurang baik. Murid-murid sekolah dapat disemai nilai murni ini semenjak menerima pendidikan awal. Saya berkeyakinan cadangan ini dapat menangani pelbagai masalah sosial remaja dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi pakej ekonomi ransangan baru, peruntukan tambahan sebanyak RM4.3 bilion diagihkan bagi mengekalkan pertumbuhan negara berikutan situasi ekonomi dunia yang tidak menentu akibat perkembangan di Amerika Syarikat. Saya ingin mencadangkan bagi tempoh tiga tahun yang akan datang, selain peruntukan MRP tahunan yang sedia ada, iaitu sebanyak RM500,000 bagi setiap wakil rakyat Barisan Nasional, tambahan peruntukan sebanyak RM1 juta diagihkan daripada pakej ini bagi kegunaan pelaksanaan kemudahan asas seperti jalan luar bandar, jambatan, bekalan air bersih, bekalan elektrik dan kos pembaikan dan perluasan bangunan sekolah.

Menerusi peruntukan tambahan ini, liputan pembangunan kawasan luar bandar akan menjadi lebih luas, dan penduduk luar bandar akan menerima kebaikan dengan secara langsung. Selain itu, saya cadangkan peruntukan khas ini diguna dan dilaksanakan secara khas oleh setiap ahli parlimen Barisan Nasional. Kontraktor-kontraktor projek ini juga dipilih oleh wakil rakyat dan berganding dengan Jabatan Kerja Raya bagi meningkatkan keberkesanan projek yang dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan dan seterusnya dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya sentuh di Dewan yang mulia ini ialah mengenai Kementerian Kesihatan harus mendirikan sebuah makmal sains yang berkemudahan lengkap dan moden bagi menjalankan penyelidikan kandungan bahan kimia atas pelbagai jenis makanan, ubat-ubatan, minuman, pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan sama ada tempatan atau import dalam setiap jangka masa yang tertentu untuk dirujuk oleh pengguna. Pada masa lepas, bagi makanan yang tidak mengikuti piawaian yang ditetapkan, kita hanya memberi perhatian selepas negara lain mengharamkan penggunaan makanan tersebut. Saya juga ingin mencadangkan agar mendirikan sebuah makmal di setiap bandar di seluruh negara bagi menjalankan penyelidikan atas buah-buahan dan

sayur-sayuran. Atau kerajaan boleh melantik syarikat swasta untuk menjalankan kerja penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, penganas menggunakan bakteria antraks untuk membalas serangan ketenteraan Amerika Syarikat atas bumi Afghanistan. Kini Amerika Syarikat sedang diancam oleh bakteria antraks. Semua negara mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi daripada ancaman antraks. Seluruh rakyat negara bimbang bakteria ini berkemungkinan akan dibawa masuk oleh pelancong asing yang telah berjangkit bakteria ini.

Memandangkan situasi ini, langkah berjaga-jaga atau persiapan penuh mesti diambil oleh pihak hospital atau Jabatan Bomba sebelum terdapatnya ancaman antraks berlaku di negara kita. Ini disebabkan langkah persediaan awal dapat mengawal ancaman bakteria ini secara berkesan dan seterusnya mengurangkan bilangan orang yang cedera dan terkorban kepada tahap paling minimum. Saya ingin meminta Kementerian Kesihatan menyatakan apakah langkah berjaga-jaga atau persiapan yang telah diambil bagi menghadapi ancaman antraks.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya sentuh di Dewan yang mulia ini mengenai bantuan kebajikan kepada golongan miskin. Terdapat ramai orang yang kurang bernasib memerlukan pertolongan sama ada daripada orang awam mahu pun pihak kerajaan. Langkah kerajaan dengan menaikkan bantuan kebajikan sebanyak sekali ganda harus diberi pujian. Bantuan am di Wilayah Persekutuan telah naik sekali ganda kepada RM120. Ini adalah tidak adil bagi penerima di negeri lain kerana bantuan am tidak dinaikkan. Justeru itu, saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan dapat meningkatkan bantuan am daripada RM60 kepada RM200 sebulan bagi semua negeri. Ini berdasarkan perbelanjaan hidup yang semakin meningkat berikutan peningkatan taraf hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang perkhidmatan telefon di kawasan pedalaman Sarawak. Sarawak mempunyai tanah yang luas dan banyak kawasan pedalaman masih berkemudahan mundur. Selain pengangkutan jalan yang mundur, perkhidmatan komunikasi juga banyak ketinggalan berbanding dengan kawasan bandar.

Kerajaan telah melancarkan Multimedia Super Corridor yang menggalakkan pelajar-pelajar sekolah mempelajari ilmu penggunaan komputer. Banyak sekolah luar bandar masih belum mempunyai perkhidmatan telefon. Justeru itu, saya berharap di bawah Rancangan Malaysia Ke-lapan, kerajaan dapat memberi layanan

istimewa agar perkhidmatan telefon dapat dinikmati oleh setiap sekolah dan rumah panjang di luar bandar menjelang tahun 2005. Ini membolehkan pelajar-pelajar di kawasan luar bandar juga dapat menikmati perkhidmatan telefon dan penggunaan teknologi maklumat agar mereka mempunyai ruang dan persekitaran pembelajaran yang sama dengan pelajar-pelajar di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya bangkit di Dewan yang mulia ini ialah mengenai pemansuhan subsidi bagi petrol dan diesel. Sejak negara kita mengalami kemelesetan ekonomi, syarikat swasta tanpa mengira besar atau kecil menghadapi masalah kewangan. Kerajaan memansuhkan subsidi petrol dan diesel adalah langkah kurang bijak pada masa saat sulit ini. Petrol dan diesel merupakan penjana perkembangan ekonomi yang paling besar. Berikutan pemansuhan subsidi petrol dan diesel, kos pengeluaran industri telah bertambah. Secara langsung, daya saing telah menjadi lemah, terutamanya bagi kilang perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, kayu balak dan barangan perkilangan kayu merupakan eksport yang kedua penting dan membawa masuk banyak mata wang asing kepada negeri Sarawak. Sejak kebelakangan ini, kelembapan ekonomi dunia telah mengurangkan permintaan atas kayu balak. Harga kayu balak telah jatuh mendadak dan sampai ke paras yang paling rendah dalam tempoh 15 tahun ini. Banyak syarikat pembalakan dan barangan perkilangan kayu sedang berjuang agar tidak menghadapi nasib penamatan perniagaan. Kos pengeluaran yang meningkat telah menambahkan beban mereka. Semasa pasaran antarabangsa mempunyai permintaan yang rendah atas kayu balak dan barangan perkilangan kayu, disusuli dengan kenaikan harga petrol dan diesel, banyak syarikat berkenaan mungkin menghadapi nasib menamatkan perniagaan.

Bidang lain yang dipengaruhi luas oleh kenaikan harga petrol dan diesel adalah bidang pengangkutan seperti kapal, lori, bas, teksi dan lain-lain. Pengusaha-pengusaha pengangkutan tentu akan menaikkan harga tambang. Perbelanjaan hidup bagi semua lapisan rakyat juga akan meningkat secara langsung atau tidak langsung kerana kenaikan harga petrol dan diesel meliputi bidang yang luas. Berikutan kesan negatif yang dibawa oleh pemansuhan subsidi petrol dan diesel, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengekalkan subsidi petrol dan diesel.

Tuan Yang di-Pertua, berbekalkan kemenangan cemerlang Barisan Nasional pada pilihan raya negeri Sarawak yang mencerminkan rakyat berkeyakinan penuh

terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang berkemampuan membawa keamanan dan peningkatan taraf hidup seperti yang dijanji oleh calon-calon Barisan Nasional. Saya berpendapat kerajaan harus mengekalkan subsidi petrol selepas pilihan raya agar rakyat tidak hilang kepercayaan kepada kerajaan. Sekali lagi saya merayu agar subsidi petrol dan diesel tidak harus dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri saya menyokong Belanjawan 2002 ini dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Batu Pahat ya.

5.25 ptg.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai wakil rakyat Batu Pahat saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas pembentangan Belanjawan Tahun 2002 pada 19 Oktober yang lalu.

Sesungguhnya pembentangan tersebut bukanlah merupakan manipulasi seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya melihat begitu jelas bagaimana menteri-menteri dan pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan bekerja dengan penuh dedikasi bagi mengemudi kewangan negara secara lebih berkesan terutama beberapa ketika menjelang pembentangan Belanjawan ini.

Pembentangan Belanjawan Negara 2002 adalah berlatarbelakangkan kegawatan ekonomi dunia yang berkait rapat secara langsung dengan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun. Kalau kita perhatikan Belanjawan negara-negara lain bagi tahun 2002 kebanyakannya tertumpu kepada usaha-usaha memulih ekonomi terutama selepas peristiwa 11 September 2001 yang berlaku di Amerika yang banyak memberi kesan negatif kepada perkembangan ekonomi Amerika Syarikat dan seterusnya kepada ekonomi dunia sendiri.

Belanjawan yang telah dibentangkan merupakan Belanjawan seimbang dengan memberi tumpuan kepada keperluan jangka pendek, sederhana dan panjang. Bolehlah juga dirumuskan sebagai Belanjawan bersifat penyayang hinggalah kepada agresif dan berani. Ini dapat dilihat dengan adanya Belanjawan yang tidak mengabaikan agenda sosial dan usaha mengagih ekuiti kekayaan negara supaya lebih saksama.

Peningkatan peruntukan bagi tahun 2002 sebanyak RM1.52 bilion iaitu peningkatan sebanyak 10.4% daripada tahun 2001 merupakan Belanjawan yang

menggaris dengan pasti langkah-langkah merangsang ekonomi yang diambil melalui dua strategi:

- (i) melalui suntikan perbelanjaan kerajaan bagi menggerakkan permintaan; dan
- (ii) melalui insentif kepada sektor swasta bertujuan menggalakkan pelaburan seterusnya menyiapkan mereka bagi menghadapi persaingan jangka panjang.

Bertepatan dengan unjuran penganalisa dan pakar ekonomi sebelum ini pertumbuhan ekonomi negara harus dijana oleh sektor domestik. Sesungguhnya sokongan orang ramai dan swasta akan menjadi tonggak menentukan kejayaan Belanjawan Tahun 2002. Hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya rakyat berbelanja lebih dalam negara dan tidak terlalu mengekang perbelanjaan atau terlalu menabung harus direalisasikan supaya ianya tidak menimbulkan masalah kepada peruncit-peruncit, pembekal dan juga pekerja kilang. Lebih kerap wang bertukar tangan lebih besar sumbangan wang itu kepada ekonomi negara dan kekayaannya .

Dalam usaha kerajaan bagi memastikan agihan kekayaan negara supaya lebih saksama yang mana jurang di antara golongan terkaya dan termiskin dirapatkan, seperti diketahui bilangan rakyat berpendapatan rendah adalah ramai dan sekali gus mereka ini merupakan golongan terbesar yang menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar.

Seharusnyalah daya beli golongan berpendapatan rendah ini dipertingkatkan lagi. Langkah kerajaan memperuntukkan RM10 juta untuk melatih golongan berpendapatan rendah dalam pelbagai bidang, kemahiran merupakan salah satu usaha yang harus dipuji. Ini tidak termasuk peruntukan RM204.5 juta bagi program kesejahteraan rakyat termasuk bagi masyarakat di negeri Kelantan dan Terengganu bagi memberi bantuan dalam bentuk sokongan harga jika harga komoditi tanaman mereka turun.

Di sebalik pelbagai habuan yang diterima, kerajaan juga menaikkan harga runcit barangan keperluan seperti rokok dan petrol. Kenaikan duti import dan duti eksais bagi rokok adalah bertujuan mengamalkan cara hidup sihat rakyat di negara ini. Ini termasuklah kebimbangan tabiat merokok yang berterusan yang menular di kalangan pelajar sekolah yang tidak harus dibiarkan tanpa dibendung.

Kenaikan harga runcit petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter adalah sebagai usaha kerajaan mengurangkan subsidi yang begitu besar bagi bahan petroleum. Bagi tahun 2001 sebanyak RM2.498 bilion subsidi petroleum disediakan di mana kerajaan hanya mampu memungut cukai daripada jualan petroleum sebanyak RM960.312 juta. Manakala bagi tahun 2002 adalah dianggarkan hanya sebanyak RM1.038 bilion subsidi petroleum disediakan dan kerajaan akan dapat meningkatkan lagi pungutan cukai jualan petroleum sebanyak RM1.699 bilion.

Sesungguhnya pengurangan bantuan subsidi kerajaan dan peningkatan pungutan cukai akan membantu kerajaan menjana pertumbuhan ekonomi negara lebih mapan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa kita sudah habis. Boleh sambung

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Insyallah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:minggu hadapan.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan kepada hari Isnin minggu hadapan jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Oktober 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, SP.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (KualaKangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sari kei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- ” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- ” Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ **Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)**
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Baya n Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)

- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- " Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- " Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- " Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- " Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- " Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- " Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- " Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- " Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- " Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- " Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- " Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- " Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- " Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- " Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- " Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- " Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- " Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- " Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- " Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- " Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- " Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- " Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- " Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Ras hid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ **Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)**
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shannon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- Yang Berhormat Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)

- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- " Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- " Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- " Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- " Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- " Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- " Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- " Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANA N

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

PETUGA S-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Jilid III

Bil. 56

Khamis

25 Oktober 2001

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2002 (Halaman 21)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2002 (Halaman 21)